LAPORAN TAHUNAN 2017

Jabatan Audit Negara



Kandungan

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA	005
SEPINTAS LALU	009
PENGURUSAN JABATAN AUDIT NEGARA	017
PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA	027
MEMPERTINGKAT AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM DI MALAYSIA	037
MEMACU PEMANTAPAN PENGAUDITAN	111
MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN	129
MENINGKAT JALINAN ANTARABANGSA	153
ARTIKEL	175
AKTIVITI SOSIAL JABATAN	197
MENGIMBAS PERJALANAN TAHUN 2017	233



Rasional Tema

"Melakar Haluan, Mendepani Cabaran"

"Bersesuaian dengan perkembangan JAN yang kini di bawah kepimpinan YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad dan perubahan di kalangan Pengurusan Tertinggi, tema ini dipilih agar dapat memberi gambaran bahawa JAN kini melakar haluan dan hala tuju di bawah kepimpinan baharu dalam menjalankan fungsi utama pengauditan sektor awam terutamanya dalam mendepani cabaran masa kini."


MPIC

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA



Perutusan
Ketua Audit Negara Malaysia



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan Jabatan Audit Negara 2017 dapat diterbitkan. Laporan ini merupakan satu catatan sejarah mengenai segala perkembangan dan aktiviti Jabatan Audit Negara (JAN) sepanjang tahun 2017 dalam melaksanakan mandat audit serta amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan. Laporan Tahunan ini merakamkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian JAN sepanjang tahun 2017. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi yang dilantik kerana telah menjadi tunjang kepada penerbitan laporan ini. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga JAN atas komitmen dan usaha dalam memastikan laporan ini diterbitkan dengan jayanya.

Tema Laporan Tahunan 'Melakar Haluan, Mendepani Cabaran' begitu bersesuaian dengan peranan JAN selaku institusi yang memainkan peranan *check and balance* serta menentukan akauntabiliti dalam pengurusan wang awam. Selaras dengan konsep *Accountability Triangle* juga, JAN adalah pihak yang melaksanakan *check and balance* terhadap pihak eksekutif bagi pihak Parlimen. Peranan JAN dalam sistem akauntabiliti antara Parlimen dengan eksekutif serta pihak ketiga iaitu rakyat adalah penting kerana segala maklumat serta laporan yang disediakan perlulah berobjektif serta bebas. Ini menjelaskan peranan utama JAN iaitu menyediakan jaminan munasabah dan maklumat yang *credible* dan *reliable* kepada *stakeholders* khususnya untuk kepentingan rakyat.

Sepanjang tahun 2017, pelbagai cabaran dalaman dan luaran perlu ditangani dalam melaksanakan pengauditan termasuklah perubahan sejagat dari segi teknologi komunikasi dan maklumat, isu alam sekitar, tuntutan *civil society* dan ekspektasi *stakeholders* yang tinggi terhadap JAN. JAN sentiasa komited untuk melaksanakan transformasi dalam pendekatan dan kaedah pengauditan bagi memantapkan keberkesanan pengauditan bagi memenuhi harapan dan ekspektasi setiap *stakeholders*. Bagi menangani cabaran tersebut, JAN telah mengambil pendekatan yang berfokus kepada tiga (3) perkara iaitu pembangunan kapasiti pegawai JAN, proses dan prosedur serta *tools* dan teknologi.

Pembangunan kapasiti pegawai JAN telah dilakar dengan penyusunan pelbagai latihan dan program bagi memastikan pegawai JAN sentiasa mengemaskini maklumat dalam pengauditan dan menambah ilmu sedia ada. Proses dan prosedur serta *tools* pengauditan juga sentiasa ditambah baik bagi memastikan keperluan pematuhan terhadap *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan lain-lain standard telah diambil kira dalam prosedur kerja. Contohnya penghasilan Garis Panduan Pengauditan Prestasi berasaskan ISSAI Pindaan 1 adalah penambahbaikan dalam proses dan prosedur pengauditan pematuhan. Begitu juga dengan penggunaan eAudit bagi membudayakan amalan penggunaan teknologi dalam pengauditan khususnya penyediaan kertas kerja secara elektronik.

Saya bersyukur kerana JAN telah dan sedang menjalankan transformasi, baik dari segi kepimpinan Jabatan dan pemahaman agenda pengauditan yang menyeluruh, pemantapan proses pengauditan secara berterusan sehinggalah kepada proses pengurusan pentadbiran JAN. Melalui program ini nanti, saya percaya bidang-bidang kepakaran yang diperlukan untuk pengauditan sektor awam akan dapat dipenuhi. Usaha untuk meningkatkan keberkesanan pengauditan bukan sahaja tertumpu kepada transformasi organisasi JAN tetapi juga merangkumi aspek pembangunan kapasiti JAN terutama ke arah mengakreditasikan Akademi Audit Negara (AAN) bagi pengauditan sektor awam di Malaysia.

Tahun 2017 merupakan tahun yang penting bagi warga JAN kerana sepanjang tempoh tersebut pelbagai rentetan peristiwa yang melakarkan kejayaan JAN sama ada di peringkat Jabatan dan juga antarabangsa. Kejayaan di peringkat Jabatan menyaksikan JAN telah berjaya melancarkan lapan (8) garis panduan pengauditan sepanjang tahun 2017. Antara yang signifikan adalah tiga (3) garis panduan pengauditan iaitu Garis Panduan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko (Pindaan 2017); Garis Panduan Kawal Selia Sumber Air; serta Garis Panduan Rangkaian Paip Pembetungan dan Stesen Pam yang telah dilancarkan pada 25 Oktober 2017 sempena sambutan Hari Audit 1Malaysia Negaraku Tahun 2017. Sesungguhnya kewujudan garis-garis panduan ini membuktikan JAN telah berjaya meletakkan standard pengauditan setaraf dengan standard yang diguna pakai di peringkat antarabangsa dalam usaha meningkatkan kualiti laporan audit dan juga menambah baik kaedah pengauditan yang selari dengan teras ketiga Pelan Strategik JAN 2016 - 2020. Seiring dengan pelancaran garis panduan ini, JAN akan terus komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan profesional serta meningkatkan standard pengauditan sesuai dengan perubahan persekitaran dan kehendak *stakeholders* dari semasa ke semasa. Bagi memantapkan lagi kaedah pengauditan dan pentadbiran JAN, sembilan (9) siri Arahan Ketua Audit Negara merangkumi Sektor Audit Prestasi (1), Sektor Audit Kewangan (7) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (1) telah dikeluarkan pada tahun 2017.

Sepanjang tahun 2017 juga, JAN telah banyak menyumbang kepada *Supreme Audit Institutions* (SAI) dari segi pembangunan kapasiti melalui *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) yang melibatkan 15 negara dalam bidang pengauditan Prestasi dan ICT. Selain itu juga, sebanyak tujuh (7) siri Program Latihan Pengauditan Prestasi untuk 560 juruaudit daripada SAI Sri Lanka telah diadakan. Saya juga merasa bangga kerana 11 orang Juruaudit JAN telah terpilih untuk menjadi pemudahcara dan pakar rujuk bagi program latihan anjuran INTOSAI, ASOSAI, ASEANSAI, World Bank, Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) dan INTOSAI Development

Initiative (IDI). Seramai 7 juruaudit pula sedang menyertai program persijilan dalam bidang *Fraud and Investigation* dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang dianjurkan oleh IDI. Ini adalah satu bukti pengiktirafan terhadap Malaysia dalam bidang pengauditan di kalangan SAI luar.

Di peringkat antarabangsa pula, SAI Malaysia adalah Pengerusi kepada Asian Organization of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) bagi tempoh 2015 hingga 2018. Peranan yang dimainkan oleh SAI Malaysia adalah pengiktirafan kepada JAN dan telah meningkatkan kredibiliti Malaysia di peringkat serantau dan sejagat. Manakala di peringkat *4th ASEAN Supreme Audit Institutions* (ASEANSAI) *Summit* yang diadakan pada 4 hingga 7 November 2017, Malaysia telah dipilih sebagai Naib Pengerusi ASEANSAI bagi tahun 2018 hingga 2019 selain diberi kepercayaan sebagai Pengerusi kepada Jawatankuasa *Chair of Knowledge Sharing* sejak penubuhan ASEANSAI pada November 2011 sehingga kini. JAN juga diberikan penghormatan buat julung kalinya membentangkan ASOSAI *Regional Papers* di *10th European Organisation of Supreme Audit Institutions* (EUROSAI) *Congress* pada 22 hingga 26 Mei 2017 di Istanbul, Turki.

Alhamdullillah, kejayaan yang kita kecapi adalah kerana komitmen dan usaha padu daripada warga JAN dan ini merupakan petanda yang positif bahawa JAN akan terus unggul sebagai sebuah institusi yang berwibawa dalam memastikan akauntabiliti awam wujud dalam pengurusan wang awam di Malaysia.

Saya akui bahawa warga JAN perlu sentiasa berdaya saing, kreatif dan berinovasi serta berwawasan untuk menjadikan JAN sebagai sebuah institusi yang unggul dan diiktiraf dalam bidang pengauditan awam di dalam dan juga di luar negara. Objektif pengauditan tidak berubah tetapi pendekatan pengauditan memerlukan kreativiti dan inovasi selari dengan perkembangan dalam bidang ICT, *business model* dan perubahan persekitaran. Oleh itu, langkah ke arah transformasi, kreativiti dan inovasi adalah penting untuk mempraktikkan pendekatan dan pelaksanaan audit yang relevan, holistik dan berkesan.

Saya sentiasa berdoa supaya diri saya dan warga JAN sekaliannya diberi kekuatan untuk mengharungi cabaran dalam melaksanakan transformasi dalam pengauditan di sektor awam di Malaysia. Justeru itu, besarlah harapan saya agar JAN terus mengekalkan prestasi cemerlang dan memberikan perkhidmatan terbaik agar JAN memainkan peranan ke arah membina negara Malaysia yang lebih cemerlang pada masa depan. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JAN atas segala khidmat bakti dan komitmen yang diberikan demi memastikan institusi audit terus dihormati dan disanjungi.

Sekian, terima kasih.



YBHG. TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Audit Negara Malaysia



SEPINTAS LALU



Sejarah dan Evolusi

Institusi audit telah wujud di Tanah Melayu sejak pentadbiran penjajah British pada awal abad ke-19. Pada ketika itu, audit wujud secara berasingan mengikut negeri iaitu Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat. Institusi Ketua Audit Negara bagi Semenanjung Tanah Melayu wujud pada tahun 1906 apabila Ketua Audit Negara Malaysia (KANM) untuk Negeri Melayu Bersekutu pertama dilantik. Beliau bertanggungjawab terhadap fungsi audit bagi 4 negeri yang berpusat di Kuala Lumpur. Pada tahun 1932, kedua-dua Institusi ini digabungkan dan diletakkan di bawah kawalan *Director of Colonial Audit* yang berpusat di London. Tugas pengauditan dipertanggungjawabkan kepada *Auditor of the Straits Settlements and the Federated Malay States*, berpusat di Kuala Lumpur. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, jawatan *Director of Audit Malaya* ditukar kepada nama Jabatan Audit Negara. Pelantikan KANM serta tanggungjawabnya termaktub di bawah Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, sebahagian besar jawatan tertinggi Kerajaan pada ketika itu termasuklah jawatan KANM masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1963, Jawatan KANM yang pertama disandang oleh anak tempatan iaitu En. S. Kandiah memandangkan sebelum tahun ini jawatan tersebut dilantik di kalangan pegawai *British Colonial Audit Service*.

1906-1946

Pengauditan pada masa itu lebih tertumpu kepada aspek transaksi bagi mengukuhkan lagi sistem pentadbiran kewangan pihak penjajah sehinggalah penubuhan Malayan Union.

Pada tahun 1934, bentuk laporan audit telah dipinda dan dibahagikan kepada dua Bahagian iaitu Bahagian 1 mengenai pengesahan terhadap akaun dan Bahagian 2 mengenai hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pengendalian akaun dan penyimpanan rekod.

1948-1956

Pada tahun 1948, kandungan laporan audit mula mengasingkan Laporan Audit Persekutuan dan Laporan Audit Negeri. Format Laporan Audit lebih berbentuk pengesahan penyata dan pengurusan kewangan.

Mulai tahun 1956, selain daripada pengesahan kepada penyata kewangan, laporan audit membangkitkan isu mengenai kelewatan penyerahan penyata, kawalan dalaman, penyelewengan, kehilangan dan juga melaporkan pengurusan kewangan di Jabatan dan Kementerian.

1957

Pendekatan audit berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pendekatan lebih tertumpu kepada aspek kewangan dan pematuhan. Selepas merdeka, bentuk pengauditan masih menekankan kepada pengesahan penyata kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang.

1960-1968

Mulai tahun 1960, laporan audit disediakan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Program and Performance Budgeting System diperkenalkan. Pendekatan audit pada masa ini mula memberi penekanan terhadap pelaksanaan projek Kerajaan. Oleh itu, pendekatan audit berorientasikan pencapaian mula dilakukan walaupun tidak ada peruntukan undang-undang.

1978-1983

Pendekatan audit telah diperluaskan lagi dengan pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 1978 dan 1983 iaitu untuk melaksanakan pengauditan prestasi terutama terhadap pelaksanaan projek Kerajaan.

1986

Pengauditan kewangan terhadap Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mula diswastakan kepada Firma Audit Swasta.

2000-2005

Pendekatan pengauditan yang mesra auditi diperkenalkan melalui Program Pembaharuan Jabatan. Beberapa perubahan dari segi pendekatan audit diperkenalkan untuk membantu pihak auditi seperti: Program Anak Angkat, Khidmat Nasihat terhadap Sistem Kawalan Dalaman, Pengauditan Pengurusan dan Pembangunan Sistem ICT dan Projek Alam Sekitar, Forensik serta Sistem ICT. Warta dikeluarkan untuk pengauditan langsung oleh Jabatan terhadap 496 buah Syarikat dan anak Syarikat Kerajaan. Pembinaan Akademi Audit Negara pada tahun 2005 sebagai landasan untuk mempertingkatkan imej dan profesionalisme juruaudit sektor awam.

2006-2011

Bermula pada tahun 2006, Jabatan telah mengeluarkan dua (2) Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang berasingan iaitu LKAN mengenai Aktiviti dan Pengurusan Syarikat bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Penstrukturan semula JAN yang dibuat pada tahun 2007 dengan penubuhan Sektor Audit Khas & Penyelidikan yang merangkumi bahagian pengkhususan seperti Pengurusan Air, Alam Sekitar, Kajian Khas dan ICT.

Tahun 2007 juga telah diperkenalkan Indeks Akauntabiliti bagi mengukur prestasi pengurusan kewangan Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri. Pada tahun 2009, Kerajaan telah bersetuju dengan pengkaderan jawatan Juruaudit Dalam di Kementerian/Jabatan di mana Juruaudit JAN telah ditempatkan di Unit Audit Dalam yang berkenaan. Budaya perkongsian pengetahuan dan pengalaman melalui penulisan mula diterapkan pada awal tahun 2011 dengan penerbitan dua edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam setahun.

2013-2015

Penubuhan 13 Pasukan Rujukan pada tahun 2013 bagi membantu kompetensi juruaudit baru dan sedia ada atau sebagai *reference point* kepada mereka.

Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 berhubung penambahbaikan terhadap proses pelaporan iaitu pembentangan tiga (3) siri LKAN, Penubuhan Jawatankuasa Tindakan, Pembangunan *AG's Dashboard* dan Inkuisisi Putrajaya pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu, Bahagian Susulan Audit diwujudkan selaras dengan Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 tersebut.

Pelancaran *AG's Dashboard* Versi 2.0 pada tahun 2015 yang telah ditambah baik di mana auditi boleh memberi maklum balas secara dalam talian serta terdapat ruangan komentar awam.

2016

Penstrukturan semula JAN dibuat pada tahun 2016 dengan penubuhan Sektor Audit Prestasi, Sektor Audit Kewangan & Sektor Audit Tadbir Urus menggantikan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Sektor Audit Khas & Penyelidikan.

MANTAN KANM



Tan Sri Hj. Ambrin
bin Buang
(2006 - 2017)



Tan Sri Dr. Hadenan
bin A. Jalil
(2000 - 2006)



Datuk Hj. Mohd. Khalil
bin Dato' Hj. Mohd Noor
(1994 - 2000)



Tan Sri Dato' Ishak
bin Tadin
(1986 - 1994)



Tan Sri Ahmad Noordin
bin Hj. Zakaria
(1975 - 1986)



Hj. Mohd Zain
bin Ahmad
(1969 - 1975)



S. Kandiah
(1966 - 1969)



D.G. Bompas
(1960 - 1966)



H.M. Watson
(1957 - 1960)

Director of Audit, Malaya

H.M Watson (1954 - 1957)
C.W.S Seed (1951 - 1954)
R. McDonald (1948 - 1951)

Auditor Malayan Union

McDonald (1946 - 1947)

Auditor General of the Colonial Administration

L.G Corney (1936 - 1946)
G.P Bradney (1932 - 1936)

Auditor General of the Federated Malay States/ States of the Straits Settlement

G.P Bradney (1919 - 1931)
F.W Talbot (1911 - 1919)
W.J.P Hume (1906 - 1911)



MAKLUMAT KORPORAT

Rasional Logo

LAMBANG PERSEKUTUAN

Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada KANM bagi melaksanakan pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

DUA TANGKAI PADI

Melambangkan usaha dan kegigihan warga audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh JAN.

BENTUK BULAT

Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi.

WARNA MAROON

Melambangkan imej korporat dan identiti JAN.

WARNA KUNING

Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik KANM atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

WARNA PUTIH

Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam.

VISI

Sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa.

MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.

OBJEKTIF

- Menyediakan laporan audit pada masanya untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan adil.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan auditi.
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi jabatan contoh dalam persekitaran negara maju.

PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada standard pengauditan antarabangsa.
- Mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan sijil audit dan menyiapkan laporan audit dalam tempoh 4 bulan selepas penerimaan penyata kewangan tahunan.
- Menyediakan laporan audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

DASAR & OBJEKTIF KUALITI

DASAR KUALITI

- JAN adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan standard pengauditan antarabangsa.
- JAN adalah komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap sistem pengurusan kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan.

OBJEKTIF KUALITI

- Mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan sijil audit dan menyiapkan laporan audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan penyata kewangan yang lengkap.
- Menyiapkan pengauditan pengurusan kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh mula pengauditan.
- Memastikan pengauditan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan persekutuan dan negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

SLOGAN KUALITI

"AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI"

NILAI UTAMA

BEBAS	Melaksanakan tugas tanpa dipengaruhi dan diancam.
PROFESIONAL	Melaksanakan tugas dengan profesional. Menanda aras kerja pengauditan dengan standard antarabangsa.
INTEGRITI	Berintegriti bagi memastikan hasil pengauditan adalah boleh dipercayai.
AMANAH	Bertanggungjawab, menjadikan sifat amanah sebagai asas dalam pasukan kerja.
RELEVAN	Menyediakan maklumat yang tepat dan memenuhi kehendak *stakeholders*.


MPIC

PENGURUSAN JABATAN AUDIT NEGARA



KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA



>PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

- **AKADEMI AUDIT NEGARA**
  PENGARAH
- **BAHAGIAN PENYELIDIKAN, KORPORAT & HUBUNGAN ANTARABANGSA**
  PENGARAH
- **UNIT KHIDMAT NASIHAT UNDANG-UNDANG**
  PENASIHAT UNDANG-UNDANG
- **UNIT INTEGRITI**
  KETUA UNIT INTEGRITI



>SEKTOR PENGURUSAN
PENGARAH

- **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
  TIMBALAN PENGARAH
- **BAHAGIAN KEWANGAN & PENTADBIRAN**
  TIMBALAN PENGARAH
- **BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI**
  TIMBALAN PENGARAH



>SEKTOR AUDIT PRESTASI
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (PRESTASI)

- **BAHAGIAN I**
  PENGARAH
- **BAHAGIAN II**
  PENGARAH
- **BAHAGIAN III**
  PENGARAH
- **BAHAGIAN SUSULAN AUDIT**
  PENGARAH
- **BAHAGIAN TEKNIKAL**
  PENGARAH
- **BAHAGIAN PENGAUDITAN AIR DAN ALAM SEKITAR**
  PENGARAH
- **BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT**
  PENGARAH
- **SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN / SEKSYEN PENTADBIRAN & SOKONGAN**

CARTA ORGANISASI
JABATAN AUDIT NEGARA



>SEKTOR AUDIT KEWANGAN
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (KEWANGAN)

- **BAHAGIAN I** PENGARAH
- **BAHAGIAN II** PENGARAH
- **BAHAGIAN III** PENGARAH
- **BAHAGIAN IV** PENGARAH
- **SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN / SEKSYEN PENTADBIRAN & SOKONGAN**



>SEKTOR AUDIT TADBIR URUS
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (TADBIR URUS)

- **BAHAGIAN AUDIT TADBIR URUS** PENGARAH
- **BAHAGIAN PENYELARASAN UNIT AUDIT DALAM** TIMBALAN PENGARAH
- **SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN / SEKSYEN PENTADBIRAN & SOKONGAN**



>JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI

- **JOHOR** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **SELANGOR** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **SABAH** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **SARAWAK** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **TERENGGANU** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **PULAU PINANG** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **KELANTAN** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **PAHANG** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **KEDAH** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **PERAK** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **NEGERI SEMBILAN** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **MELAKA** PENGARAH AUDIT NEGERI
- **PERLIS** PENGARAH AUDIT NEGERI

Pengurusan Tertinggi
JABATAN AUDIT NEGARA

1 **YBHG. TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD**
Ketua Audit Negara Malaysia

2 **YBHG. DATUK JUHARI BIN HARON**
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)

3 **YBRS. TN. HJ. KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN**
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)

4 **YBHG. DATO' HJ. CHE ISA BIN HJ. CHE KOB**
Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)



Sektor Audit Prestasi



YBHG. DATIN PADUKA ANG NAI HAR
Pengarah Audit Prestasi I
Sektor Audit Prestasi



YBHG. DATO' SHAMSIAH BINTI HJ. DAUD
Pengarah Audit Prestasi II
Sektor Audit Prestasi



YBRS. PN. YUSNANI BINTI ZAKARIA
Pengarah Audit Prestasi III
Sektor Audit Prestasi



YBRS. TN. HJ. MOHD. ZAKI BIN ISMAIL
Pengarah Bahagian Susulan Audit
Sektor Audit Prestasi



YBRS. PN. NOR SALWANI BINTI MUHAMMAD
Pengarah Audit ICT
Sektor Audit Prestasi



YBRS. EN. ZAMANI BIN MD. JIDIN
Pengarah Bahagian Teknikal

Sektor Audit Kewangan



YBRS. TN. HJ. ZULKIPLI BIN ABDULLAH
Pengarah Audit Kewangan I
Sektor Audit Kewangan



YBRS. EN. ZAABA BIN ZAINUDDIN
Pengarah Audit Kewangan II
Sektor Audit Kewangan



YBRS. PN. LIM SOK KIANG
Pengarah Audit Kewangan III
Sektor Audit Kewangan



YBRS. EN. JOHARI BIN ISMAIL
Pengarah Audit Kewangan IV
Sektor Audit Kewangan

Sektor Audit Tadbir Urus



YBRS. EN. SAHARUDDIN BIN MAHAMUD
Pengarah Audit Sektor Audit Tadbir Urus



Sektor Pengurusan

YBRS. EN. KAMARUZAMAN BIN UMAR
Pengarah Sektor Pengurusan

Pejabat Ketua Audit Negara



YBRS. DR. MASIAH BINTI AHMAD
Pengarah Akademi Audit Negara



TN. HJ. ROSLAN BIN ABU BAKAR
Pengarah Bahagian Penyelidikan, Korporat & Hubungan Antarabangsa



PN. WAN NURHANANI ASHIKIN BINTI WAN IBRAHIM
Penasihat Undang-Undang



PN. SHARIFAH NISRINAH BINTI SYED AHMAD
Ketua Unit Integriti

Pengarah AUDIT NEGERI













1 **YBRS. TN. HJ. MOHD SAID BIN SUPAR**
Pengarah Audit Negeri
JOHOR

2 **YBRS. EN. ABDUL GHANI BIN MD. LAKIN**
Pengarah Audit Negeri
SELANGOR

3 **YBRS. PN. PATIMAH BINTI RAMUJI**
Pengarah Audit Negeri
SABAH

4 **YBRS. PN. TOIEYAH BINTI HJ. TIOH**
Pengarah Audit Negeri
SARAWAK

5 **EN. NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN**
Pengarah Audit Negeri
TERENGGANU

6 **YBHG. DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR**
Pengarah Audit Negeri
PULAU PINANG















7 **EN. JESMANI BIN YUSOFF**
Pengarah Audit Negeri
KELANTAN

8 **EN. AZUNAN BIN DAUD**
Pengarah Audit Negeri
PAHANG

9 **PN. BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN**
Pengarah Audit Negeri
KEDAH

10 **EN. MOHD FISUL BIN ISMAIL**
Pengarah Audit Negeri
PERAK

11 **EN. ALLIAS BIN ALWI**
Pengarah Audit Negeri
NEGERI SEMBILAN

12 **TN. HJ. REDZUAN BIN HJ. ABDUL SAMAD**
Pengarah Audit Negeri
MELAKA

13 **EN. NOOR HISHAMUDDIN SHAH BIN MOHAMAD SHAFIEE**
Pengarah Audit Negeri
PERLIS


MPIC

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA



PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

JAN diterajui oleh YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad selaku KANM bermula 23 Februari 2017. Tahun 2017 merupakan tahun perintis JAN di bawah kepimpinan beliau di mana beberapa transformasi telah dilaksanakan. Dasar dan hala tuju JAN telah diterjemahkan melalui transformasi tersebut yang mana penekanan diberikan terhadap kedua-dua bidang pengauditan dan pengurusan JAN secara keseluruhannya.

Transformasi dalam bidang pengauditan yang telah dilaksanakan di bawah kepimpinan beliau merangkumi penambahbaikan dalam proses kerja pengauditan, arahan-arahan terkini melibatkan *standard operating procedure* (SOP), matriks pendapat audit dan *nomenclature* pengauditan. Dengan adanya dasar baharu ini, JAN di bawah kepimpinan beliau telah melangkah ke arah hala tuju memperkukuh proses kerja pengauditan berpaksikan kaedah yang lebih objektif. Ini bagi memastikan pengauditan berkualiti terus dikekalkan dan hasil pengauditan yang ditemui sukar dicabar oleh pihak luar.

Manakala, dari segi aspek pengurusan pula, YBhg. Tan Sri Dr. KANM sentiasa memberi penekanan supaya aktiviti perkhidmatan sokongan (support services) seperti pengurusan sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan khidmat sokongan ICT terus diperkukuh serta dilaksanakan secara efektif dan optimum untuk memastikan fungsi utama JAN terpelihara. Ini merangkumi pemantapan dasar JAN secara keseluruhan, pengukuhan struktur dan perjawatan termasuk di JAN Negeri serta penekanan aspek pengurusan kewangan optimum dan perbelanjaan berhemah.

Sepanjang tahun 2017, YBhg. Tan Sri Dr. KANM telah menerima sebanyak 31 kunjungan hormat di mana 28 adalah daripada Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Pengarah Jabatan/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Naib Canselor Universiti dalam negara dan 3 daripadanya adalah *counterpart* JAN dari luar negara iaitu Pegawai *Supreme Audit Institution* (SAI) Sri Lanka, Ketua Audit Negara Bhutan dan Presiden, *Board of Audit Japan*.

Selain itu, YBhg. Tan Sri Dr. KANM juga sering dijemput untuk memberi ucaptama/syarahan dalam program anjuran agensi luar. Berikutan jadual beliau yang padat, YBhg. Tan Sri Dr. KANM telah berkesempatan untuk memberi ucaptama/syarahan dalam 5 program jemputan luar bagi tahun 2017.

KANM
telah menerima
31 KUNJUNGAN HORMAT
sepanjang tahun 2017 dengan
28 DALAM NEGARA &
3 DARIPADA *COUNTERPART*
JAN dari luar negara

KANM juga telah menyampaikan
5 UCAPTAMA/SYARAHAN
dalam program jemputan agensi luar

KUNJUNGAN HORMAT DARI DALAM NEGARA



Kunjungan Hormat YBhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Amin bin Jalaludin, Naib Canselor Universiti Malaya (UM) pada 30 Mac 2017



Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Hj. Mohd Haniff bin Hassan, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor pada 18 Mei 2017



Kunjungan Hormat Presiden *Malaysian Institute of Accountant* (MIA), YBhg. Dato' Muhammad Faiz Azmi pada 2 Jun 2017



Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), YBhg. Datuk Sabin Samitah pada 7 Jun 2017




Kunjungan Hormat Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 7 Jun 2017



Kunjungan Hormat YBhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan YBhg. Prof. Dr. Raduan bin Che Ros, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara (MPN) pada 9 Jun 2017



Kunjungan Hormat En. Hazimi bin Kassim, Presiden *The Institute of Internal Auditors Malaysia* (IIAM) pada 12 September 2017



Sesi Temuramah Bersama YBhg. Prof. Dr. Azni binti Zain Ahmed pada 27 September 2017



Kunjungan Hormat YBhg. Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Hj. Ahmad Badaruddin, Panglima Tentera Laut pada 10 Oktober 2017



Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO pada 11 Oktober 2017



Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 13 Disember 2017

KUNJUNGAN HORMAT *COUNTERPART* JAN DARI LUAR NEGARA



Lawatan Mr. Teruhiko Kawato, *President Board of Audit Japan* pada 26 Julai 2017



Kunjungan Hormat Mr. Tshering Kezang, Ketua Audit Negara Bhutan pada 6 September 2017



Kunjungan Hormat Mr. W.P.C. Wickramarathna, Pegawai *Supreme Audit Institution* (SAI) Sri Lanka pada 15 Disember 2017

UCAPTAMA/SYARAHAN KANM DALAM PROGRAM AGENSI LUAR

16 APRIL 2017@KOTA BHARU
Majlis Penutup Seminar Pengurusan Kewangan Peringkat Kerajaan Negeri Kelantan

25 APRIL 2017@IIUM
CEO Faculty Talk International Islamic University Malaysia (IIUM)

25 JULAI 2017@UKM
Syarahan Kepimpinan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Tajuk: Akauntabiliti Dalam Kepimpinan Universiti

9 OKTOBER 2017@KLCC
Ucapan Perasmian *The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) National Conference 2017*

25 NOVEMBER 2017@HOTEL ROYALE CHULAN DAMANSARA
Persidangan Pengurusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Majlis Perasmian *The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) National Conference 2017*

TADBIR URUS JAN

YBhg. Tan Sri Dr. KANM juga sentiasa memberi penekanan terhadap aspek ketelusan tadbir urus JAN terutamanya dalam pelaksanaan peranan jawatankuasa-jawatankuasa yang ada agar selari dengan peraturan dan pekeliling semasa Kerajaan. Ketegasan YBhg. Tan Sri Dr. KANM dalam aspek ketelusan tadbir urus JAN bukan hanya dilihat sebagaimana yang ditekankan dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan, malah juga ditonjolkan dalam jawatankuasa-jawatankuasa utama yang dipengerusikan beliau seperti berikut:

MESYUARAT PENGURUSAN JAN

JAWATANKUASA UTAMA JAN

- JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)
- JAWATANKUASA PEMANDU *QUALITY ASSURANCE REVIEW* (JPQAR)
- JAWATANKUASA AUDIT (JKA)
- JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)
- JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)
- JAWATANKUASA LATIHAN
- LEMBAGA TATATERTIB
- JAWATANKUASA PEMILIHAN PEGAWAI KE LUAR NEGERI
- JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN
- JAWATANKUASA PEMBANGUNAN
- PANEL PEPERIKSAAN JABATAN
- JAWATANKUASA AKAUN AMANAH
- PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

13 JUMLAH JAWATANKUASA UTAMA YANG DIPENGERUSIKAN KANM


MPIC

MEMPERTINGKAT AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM DI MALAYSIA



MEMPERTINGKAT AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

Fungsi Utama JAN

JAN telah ditubuhkan dan diberi mandat untuk memantapkan pengurusan kewangan bagi pentadbiran sektor awam di Malaysia iaitu dengan memastikan semua peraturan dan prosedur Kerajaan dilaksanakan dan dipatuhi. Dalam konteks pusingan akauntabiliti (accountability cycle) pentadbiran Kerajaan, tanggungjawab ini bermula semasa Kementerian/Jabatan Kerajaan menyediakan belanjawan masing-masing dan seterusnya dibentangkan untuk mendapatkan kelulusan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Lanjutan daripada ini, Kementerian/Jabatan Kerajaan membelanjakan peruntukan yang telah diberi sehinggalah penyata kewangan dibentangkan di Parlimen. Dalam pusingan ini, JAN berperanan sebagai *watchdog* atau pemerhati bagi memastikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada pentadbiran Kerajaan dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan sedia ada. Proses pengauditan yang menjadi *core business* JAN meliputi pengesahan terhadap penyata kewangan, memastikan pengurusan kewangan mematuhi undang-undang serta menilai kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti Kerajaan serta menilai kedudukan kewangan, pengurusan aktiviti dan amalan terbaik tadbir urus syarikat.


JAN amat menekankan aspek keseimbangan dalam pelaporan di mana bukan hanya kelemahan dan ketidakpatuhan oleh pentadbiran Kerajaan yang dilaporkan, malah inisiatif positif dan tindakan-tindakan yang telah diambil selepas pemerhatian audit dikemukakan turut dilaporkan dalam laporan yang dikeluarkan. Selain itu, JAN turut memberikan syor penambahbaikan berdasarkan penemuan audit yang diperoleh bagi menambah baik kualiti perkhidmatan Kerajaan dan mempertingkat akauntabiliti sektor awam. Hasil pengauditan dan syor audit tersebut akan dilaporkan dalam laporan yang dinamakan sebagai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Sebagai sebuah institusi yang bebas, LKAN dibentangkan terus di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Setelah dibentangkan, laporan tersebut akan menjadi dokumen awam yang boleh diakses oleh semua *stakeholders* seperti Ahli-ahli Dewan Perundangan, pemegang saham agensi Kerajaan, auditi dan orang awam.


4 pengauditan utama yang dilaksanakan JAN dalam mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam



Pengesahan Penyata Kewangan



Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti




Pengauditan Prestasi



Pengauditan Syarikat Kerajaan

Pusingan Akauntabiliti (Accountability Cycle) Pentadbiran Kerajaan Malaysia



Sumber : Buku 100 Tahun Jabatan Audit Negara 1906-2006 (Terbitan Tahun 2006)

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki KANM mengemukakan laporannya kepada SPB Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar/Yang di-Pertua Negeri serta mendapatkan perkenan sebelum laporan tersebut dibentangkan di Parlimen/DUN.

Pada tahun 2017, JAN telah berjaya menjalankan pengauditan dan menyediakan laporan secara bebas, seimbang, berkualiti dan *timely* untuk dikemukakan kepada Parlimen/DUN di mana LKAN telah dibentangkan di Parlimen Malaysia sebanyak dua siri iaitu pada 31 Julai 2017 dan 27 November 2017. Maklumat LKAN yang telah dibentangkan di Parlimen mengikut siri adalah seperti berikut:



Pembentangan LKAN di Parlimen pada 31 Julai 2017:

- LKAN Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2016;
- LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 Siri 1;
- LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 Siri 1; dan
- LKAN Tahun 2016 Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1 Bagi 13 Kerajaan Negeri.



Pembentangan LKAN di Parlimen pada 27 November 2017:

- LKAN Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain Bagi Tahun 2016;
- LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2016 Siri 2;
- LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 Siri 2;
- LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Bagi 13 Kerajaan Negeri; dan
- LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2016 Siri 2 Bagi 13 Kerajaan Negeri.



Penyerahan LKAN Tahun 2016 Siri 1 kepada YBhg. Datuk Rosmee binti Hamzah, Setiausaha Parlimen Malaysia pada 28 Julai 2017 di Parlimen

Bagi kedua-dua siri pembentangan ini, JAN telah melaksanakan pengauditan seperti berikut:

467 Pengesahan Penyata Kewangan

Meliputi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Kumpulan Wang Amanah Persekutuan, Akaun Amanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

307 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

Meliputi Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

107 Pengauditan Prestasi

Meliputi program/aktiviti/projek di bawah aktiviti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

40 Pengauditan Syarikat Kerajaan

Meliputi syarikat Kerajaan yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

Laporan dibentangkan di Dewan Rakyat

353 syor dikemuka – Madinah

■ KUALA LUMPUR 31 JULAI

LAPORAN Ketua Audit Negara 2016 Siri 1, yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, mengemukakan 353 syor bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad berkata, daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan dua syor terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2016, dengan 90 syor kepada aktiviti kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan, 17 syor kepada syarikat kerajaan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan 244 syor terhadap pengurusan aktiviti dan kewangan kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri.

"Sebagaimana lazim, ketua jabatan berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan," katanya.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1, mengandungi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, aktiviti kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan, pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan serta pengurusan aktiviti dan kewangan kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri untuk tahun yang sama.

Ia dibentangkan di Parlimen hari ini selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Madinah berkata, Laporan Ketua Audit Negara kali ini antara lain mengandungi pengesahan penyata kewangan kerajaan persekutuan, prestasi hasil kutipan Kerajaan Persekutuan, pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti) serta pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

Beliau berkata, hasil Kerajaan Persekutuan pada 2016 berjumlah RM212.421 bilion berbanding RM219.089 bilion pada 2015.





MADINAH MOHAMAD menyampaikan Laporan Ketua Audit Negara kepada Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, Datuk Seri Hasan Arifin di Parlimen, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

Kutipan hasil menunjukkan trend penurunan berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Mengenai penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan, sebanyak 25 kementerian, 18 jabatan persekutuan, 38 badan berkanun persekutuan, 138 kementerian/ jabatan negeri, 41 badan berkanun negeri, 41 pihak berkuasa tempatan dan enam Majlis Agama Islam telah diaudit.

Bagi pengauditan prestasi terhadap program/aktiviti/projek kerajaan, Madinah berkata, sebanyak 63 pengauditan prestasi dan 21 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri, merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan, hasil dan pengurusan syarikat. Selain itu, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan laporan maklum balas mengenai laporan itu yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada ketua setiausaha kementerian dan ketua jabatan terhadap isu yang dilaporkan, kata beliau.

Menurut Madinah, sebanyak 187 daripada 307 kementerian, jabatan persekutuan dan badan berkanun persekutuan, kementerian/jabatan negeri, badan berkanun negeri, pihak berkuasa tempatan dan Majlis Agama Islam mendapat penarafan cemerlang (5 bintang).

"Sebanyak 25 kementerian memperoleh penarafan cemerlang berbanding 16 kementerian pada 2015," kata beliau.

Madinah berkata, kandungan laporan itu berserta sinopsisnya boleh dilayari di laman sesawang Jabatan Audit Negara.

Katanya, satu sesi bersama media mengenai Laporan Ketua Audit Negara akan diadakan Khamis (3 Ogos) di Auditorium Kompleks C, Putrajaya pada 12 tengah hari, yang akan dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan ketua-ketua setiausaha kementerian. - BERNAMA

Sebanyak
593 syor
telah dikeluarkan
untuk
memperbaiki
kelemahan
yang telah
dilaporkan dalam
LKAN Tahun 2016

240 syor bolehkan penambahbaikan

28.11.2017
Berita Harian
M/s - 6

Kuala Lumpur: Sebanyak 240 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2016 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen semalam bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil di peringkat Persekutuan dan negeri.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 74 syor dikemukakan terhadap aktiviti kementerian/jabatan dan badan-badan berkanun persekutuan, 36 syor (pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan) serta 130 syor bagi pengurusan aktiviti kementerian/jabatan/agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri.

Beliau berkata, sebanyak 19 pengauditan prestasi dan lapan pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan bagi LKAN 2016 Siri 2 itu.

"Pada peringkat negeri, 25 pengauditan prestasi dan 11 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dijalankan. Pengauditan merangkumi pelbagai bidang, antaranya, pengurusan program, pembinaan, penyenggaraan dan naik taraf, perolehan serta pengurusan syarikat," katanya dalam kenyataan kepada *BERNAMA*.

Pengesahan penyata kewangan

Madinah berkata, laporan itu juga meliputi pengesahan penyata kewangan badan berkanun persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain, pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan serta penyata kewangan kerajaan negeri dan prestasi kewangan agensi bagi 2016.

Beliau berkata, pada 2017, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 145 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2016 iaitu 133 badan berkanun persekutuan, 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua agensi lain.

"Sebanyak 126 penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran; Pendapat Tanpa Teguran dengan Emphasis of Matters (12); Pendapat Berteguran (empat) dan satu Pendapat Bertentangan, manakala dua penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 September 2017 kerana kelewatan mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap," katanya.

Madinah berkata, bagi pengauditan terhadap 310 Penyata Kewangan kerajaan negeri dan agensi kerajaan negeri pula, sebanyak 287 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Audit Tanpa Teguran.

"Sebanyak lapan penyata kewangan diberikan Pendapat Audit berdasarkan 'Emphasis of Matter' dan 15 penyata kewangan pula telah diberikan Pendapat Audit Berteguran," katanya.

Madinah berkata, lapan penyata kewangan masih dalam proses pengauditan kerana kelewatan agensi mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap selain baki tiga penyata kewangan belum dikemukakan oleh agensi kepada pihak Audit untuk pengauditan.

Beliau berkata, Jabatan Audit Negara memberi taklimat berhubung isu utama dibangkitkan dalam laporan berkenaan kepada Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA & MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

LKAN yang telah dibentangkan di Parlimen/DUN akan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (Public Accounts Committee-PAC) dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri. KANM berperanan membantu dan menasihati mesyuarat mengenai isu-isu yang dibangkitkan pihak JAN. Jawatankuasa seterusnya akan mengemukakan pandangan dan cadangan bagi membantu memperkemas pentadbiran Kerajaan dan memastikan pengurusan kewangan Kerajaan dilaksanakan secara lebih telus dan berhemat. Jawatankuasa berhak memanggil mana-mana Kementerian/Jabatan/Agensi untuk menghadiri mesyuarat prosiding mengenai apa-apa isu berkaitan LKAN yang difikirkan perlu diperiksa lanjut oleh Jawatankuasa.

Peringkat Kerajaan Persekutuan - Parlimen:

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara



13 Kira-Kira

Peringkat Kerajaan Negeri - Dewan Undangan Negeri:

Jawatankuasa Wang Negeri

PERANAN JAN DALAM PROSES KERJA PAC

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Di Dewan Rakyat

↓

Taklimat Laporan Ketua Audit Negara oleh Jabatan Audit Negara kepada PAC

↓

Pemilihan tajuk daripada Laporan Ketua Audit Negara oleh PAC

↓

Mengadakan Prosiding dengan menjemput Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan

↓

Mengadakan *housekeeping* bagi membincangkan draf laporan PAC

↓

Pembentangan Laporan PAC yang telah dimuktamadkan di Dewan Rakyat

↓

Memuatnaik Laporan PAC ke Portal PAC dan hantar Laporan PAC ke Kementerian Kewangan

Sumber: Portal Jawatankuasa PAC, Parlimen Malaysia

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Bagi Tahun 2017

Sepanjang tahun 2017, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan sebanyak 7 mesyuarat berkaitan pengauditan yang dijalankan oleh JAN seperti berikut:


Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia
Januari Hingga Disember 2017

Tarikh	Tajuk	Kementerian Terlibat
15 Mac 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 1:** • Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit, Kuala Lumpur • Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara, Kepala Batas, Kedah	• Kementerian Pertahanan Malaysia
22 Mac 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 2:** Pengurusan Perolehan Universiti: • Universiti Pertahanan Nasional Malaysia • Universiti Malaysia Kelantan • Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)	• Kementerian Pendidikan Tinggi
27 Mac 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Sekatan Perjalanan ke Luar Negara	• Kementerian Kewangan Malaysia • Lembaga Hasil Dalam Negeri
18 April 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3:** Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain yang Berkaitan	• Kementerian Pendidikan Malaysia
19 April 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3:** Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor	• Kementerian Kesihatan Malaysia • Kementerian Kerja Raya Malaysia
4 Oktober 2017	**LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Program Bantuan dan Perkhidmatan kepada Warga Emas	• Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat • Jabatan Kebajikan Masyarakat
25 Oktober 2017	**LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Pengurusan Program Desa Lestari	• Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Sebanyak **7 Mesyuarat PAC** telah diadakan sepanjang tahun 2017 di **Parlimen** melibatkan **10 Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan** yang dipanggil untuk memberi penjelasan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Bagi Tahun 2017

Manakala bagi peringkat Kerajaan Negeri, LKAN yang dibentangkan di DUN akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri. Jawatankuasa juga telah menjemput Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Secara keseluruhannya, sebanyak 56 mesyuarat melibatkan 13 buah negeri telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.



Sebanyak **56 Mesyuarat PAC Negeri** telah diadakan sepanjang tahun 2017 di 13 buah negeri

Perlis	4	Negeri Sembilan	8	Pahang	2
Kedah	11	Melaka	3	Sabah	3
Pulau Pinang	4	Johor	4	Sarawak	3
Perak	2	Kelantan	7		
Selangor	2	Terengganu	3		

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri bagi tahun 2017 di peringkat negeri adalah seperti di jadual berikut:

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Johor

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
12 Februari 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3**: Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera	• Pejabat Setiausaha Negeri Johor
	LKAN Tahun 2014 Siri 1: Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak Ke Asrama Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor	• Jabatan Agama Islam Negeri Johor
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Pengurusan Sijil Halal	• Jabatan Agama Islam Negeri Johor
13 Mac 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3**: Pengurusan Hartanah Wakaf Negeri Johor	• Majlis Agama Islam Negeri Johor
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Syarikat Kerajaan	• Jabatan Agama Islam Negeri Johor
	LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2014	• Pejabat Tanah Segamat
	LKAN Tahun 2014 Siri 1: Pengurusan Perolehan	• Majlis Perbandaran Pasir Gudang • Majlis Daerah Labis
9 Julai 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Ubah dan Langgar Syarat Tanah	• Pejabat Tanah Johor Bahru • Pejabat Tanah Segamat • Pejabat Tanah Pontian
30 Julai 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Johor	• Badan Kawal Selia Johor (BAKAJ)

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
16 Januari 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 1:** Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	• KLPK Ventures Sdn. Bhd.
25 Januari 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 1:** Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	• Jabatan Kerja Raya • Jabatan Pengairan dan Saliran • Majlis Bandaraya Alor Setar
19 Februari 2017	Taklimat Mengenai Pendatang Tanpa Izin	• Jabatan Imigresen Negeri Kedah
20 Februari 2017	Taklimat Mengenai MARRIS dan Projek Tebatan Banjir	• Jabatan Pengairan dan Saliran
21 Mei 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Kutipan Hasil Cukai Tanah	• Pejabat Tanah Kota Setar • Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena
11 Jun 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Papan Iklan	• Majlis Bandaraya Alor Setar • Majlis Perbandaran Sungai Petani
25 Julai 2017	Perbincangan Dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Syarikat Air Kedah Darul Aman	• Jabatan Pendidikan Negeri Kedah • Syarikat Air Kedah Darul Aman
21 September 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara	• Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda • Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap
28 September 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Perolehan	• Majlis Daerah Baling • Majlis Daerah Sik
12 Oktober 2017	Taklimat Berkenaan Pengurusan Kewangan	• Lembaga Muzium Negeri Kedah
22 Oktober 2017	Mesyuarat Menyemak dan Mengesah Draf Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman Bagi Tahun 2017	-

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kelantan

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
9 Januari 2017	Mesyuarat Jawatankuasa PAC Bil.1/2017	-
18 Januari 2017	Lawatan Jawatankuasa PAC Ke Air Kelantan Sdn. Bhd Daerah Kuala Krai	-
24 Januari 2017	Pembentangan Laporan Aktiviti Ahli Jawatankuasa PAC Kerajaan Kelantan pada Tahun 2015, 2016 dan 2017	-
5 Februari 2017	Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa PAC Ke Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	-
6 Februari 2017	Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa PAC Ke Majlis Daerah Pasir Puteh	-
21 Ogos 2017	Mesyuarat Jawatankuasa PAC Bil.2/2017	-
28 Ogos 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 1:** Pengurusan Perolehan	• Majlis Daerah Ketereh
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Pengurusan Perolehan	• Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Perbadanan Menteri Besar Kelantan	• Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd.

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Melaka

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
7 Februari 2017	**LKAN Tahun 2011:** Projek Pembangunan Sekolah Agama	• Jabatan Agama Islam Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Pengurusan Hak Milik Strata	• Pejabat Tanah & Galian Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Pengurusan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin	• Jabatan Ketua Menteri Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Planetarium Melaka Sdn. Bhd.

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Tahun 2012 Siri 2: Pengurusan Permohonan Tukar Syarat Nyata Tanah	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah
	LKAN Tahun 2013 Siri 2: Pengurusan Tanah Adat	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah • Pejabat Daerah Jasin
	LKAN Tahun 2014 Siri 1: Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Pengurusan Pemberimilikan Tanah	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Projek Tambak Laut Kawasan Klebang	• Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Pengendalian Kes Syariah	• Mahkamah Syariah Negeri Melaka
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Panorama Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Yayasan Melaka • Kumpulan Melaka Berhad (KMB) • Panorama Melaka Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	• Jabatan Kerja Raya • Jabatan Pengairan dan Saliran • Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah • Majlis Perbandaran Alor Gajah
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Kuota Melayu Terhadap Projek Perumahan Swasta	• Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka • Lembaga Perumahan Melaka
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Program Pembangunan Usahawan Tani	• Jabatan Pertanian Negeri Melaka
10 Ogos 2017	**LKAN Tahun 2011:** Projek Pembangunan Sekolah Agama	• Jabatan Agama Islam Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Pengurusan Hak Milik Strata	• Pejabat Tanah & Galian Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Pengurusan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin	• Jabatan Ketua Menteri Melaka

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Planetarium Melaka Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2012 Siri 2: Pengurusan Permohonan Tukar Syarat Nyata Tanah	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah
	LKAN Tahun 2013 Siri 2: Pengurusan Tanah Adat	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah • Pejabat Daerah Jasin
	LKAN Tahun 2013 Siri 3: Pengurusan Projek Pembangunan	• Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
	LKAN Tahun 2014 Siri 1: Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Pengurusan Pemberimilikan Tanah	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Projek Tambak Laut Kawasan Klebang	• Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Pengendalian Kes Syariah	• Mahkamah Syariah Negeri Melaka
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Panorama Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Yayasan Melaka • Kumpulan Melaka Berhad (KMB) • Panorama Melaka Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	• Jabatan Kerja Raya • Jabatan Pengairan dan Saliran • Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah • Majlis Perbandaran Alor Gajah
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Kuota Melayu Terhadap Projek Perumahan Swasta	• Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka • Lembaga Perumahan Melaka
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Program Pembangunan Usahawan Tani	• Jabatan Pertanian Negeri Melaka
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Papan Iklan Luar di atas Tanah dan Rizab Kerajaan	• Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: MITC Bowlplex Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Kumpulan Melaka Berhad • MITC Bowlplex Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.
21-22 Disember 2017	**LKAN Tahun 2011:** Projek Pembangunan Sekolah Agama	• Jabatan Agama Islam Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Pengurusan Hak Milik Strata	• Pejabat Tanah & Galian Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Pengurusan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin	• Jabatan Ketua Menteri Melaka
	LKAN Tahun 2012 Siri 1: Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Planetarium Melaka Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2012 Siri 2: Pengurusan Permohonan Tukar Syarat Nyata Tanah	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah
	LKAN Tahun 2013 Siri 2: Pengurusan Tanah Adat	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah • Pejabat Daerah Jasin
	LKAN Tahun 2013 Siri 3: Pengurusan Projek Pembangunan	• Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
	LKAN Tahun 2014 Siri 1: Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Pengurusan Pemberimilikan Tanah	• Pejabat Daerah Melaka Tengah • Pejabat Daerah Alor Gajah
	LKAN Tahun 2014 Siri 2: Projek Tambak Laut Kawasan Klebang	• Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Pengendalian Kes Syariah	• Mahkamah Syariah Negeri Melaka

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Panorama Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Yayasan Melaka • Kumpulan Melaka Berhad (KMB) • Panorama Melaka Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	• Jabatan Kerja Raya • Jabatan Pengairan dan Saliran • Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah • Majlis Perbandaran Alor Gajah
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Kuota Melayu Terhadap Projek Perumahan Swasta	• Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka • Lembaga Perumahan Melaka
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Program Pembangunan Usahawan Tani	• Jabatan Pertanian Negeri Melaka
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Papan Iklan Luar di atas Tanah dan Rizab Kerajaan	• Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: MITC Bowlplex Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Kumpulan Melaka Berhad • MITC Bowlplex Sdn. Bhd.
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.	• Perbadanan Ketua Menteri Melaka • Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Sembilan

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
31 Januari 2017	Taklimat Mengenai LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2015 serta LKAN Tahun 2015 Siri 2	• Jabatan Audit Negara
28 Mac 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Projek Pembangunan dan Pembaikan Sekolah Agama	• Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
27 April 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Syarikat Kerajaan- Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (KAYNS)	• Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd.
24 Mei 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Papan Iklan Luar	• Majlis Perbandaran Seremban • Pejabat Daerah dan Tanah Seremban • Yayasan Negeri Sembilan
19 Jun 2017	Taklimat Mengenai LKAN Tahun 2016 Siri 1	• Jabatan Audit Negara
27 Julai 2017	**LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Pengurusan Sewa Beli Rumah Awam Harga Rendah dan Penyewaan Perumahan Rakyat (Mesyuarat Siri 1)	• Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembinaan dan Penyenggaraan Kemudahan Awam (Mesyuarat Siri 1)	• Majlis Perbandaran Port Dickson • Majlis Daerah Rembau
28 September 2017	**LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Pengurusan Sewa Beli Rumah Awam Harga Rendah dan Penyewaan Perumahan Rakyat (Mesyuarat Siri 2)	• Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembinaan dan Penyenggaraan Kemudahan Awam (Mesyuarat Siri 2)	• Majlis Perbandaran Port Dickson • Majlis Daerah Rembau
30 November 2017	**LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Pengurusan Sewa Beli Rumah Awam Harga Rendah dan Penyewaan Perumahan Rakyat (Mesyuarat Siri 3)	• Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pembinaan dan Penyenggaraan Kemudahan Awam (Mesyuarat Siri 3)	• Majlis Perbandaran Port Dickson • Majlis Daerah Rembau

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Pahang

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
27 Februari 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 2:** Pengurusan Perumahan Rakyat	• Majlis Perbandaran Kuantan • Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang • Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Pemberimilikan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Pejabat Daerah dan Tanah Rompin
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Pelaburan Kerajaan Dalam Industri Perhotelan dan Rumah Rehat	• Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Hartanah Wakaf	• Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Syarikat Subsidiari Hospital Pakar PRKMUIP Sdn. Bhd.	• Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
18 September 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3:** Pengurusan Pemberimilikan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Pejabat Daerah dan Tanah Rompin
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta	• Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Pusat Transformasi Bandar Dan Pusat Transformasi Luar Bandar	• Majlis Perbandaran Kuantan • Majlis Daerah Pekan
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	• Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri • Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran Dan Bera	• Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang • Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Perolehan	• Majlis Perbandaran Bentong • Majlis Daerah Cameron Highlands
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Perolehan	• Majlis Daerah Bera

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
8 Jun 2017	Taklimat Mengenai LKAN Tahun 2015 Siri 2	• Jabatan Audit Negara
12 Oktober 2017	Mesyuarat Mengenai Pindaan Draf Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak Darul Ridzuan berhubung LKAN Tahun 2014 dan 2015	-

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perlis


Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
23 Mac 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 1:** Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta	• Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis • Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Syarikat Rumpun Teras Sdn. Bhd.	• Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
20 Oktober 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Penyenggaraan Jalan Raya (MARRIS)	• Jabatan Kerja Raya • Majlis Perbandaran Kangar

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
9 November 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Tunggakan Hasil	• Jabatan Tanah Dan Galian • Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis)
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Syarikat Perlis NCER Trading Sdn. Bhd.	• Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
24 November 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Sewa Premis Dan Tapak Perniagaan	• Majlis Perbandaran Kangar



Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Pulau Pinang

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
6 Februari 2017	**LKAN Tahun 2011:** Pelaksanaan Sistem e-Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
	LKAN Tahun 2014 Siri 1: Pengurusan Pemberimilikan Tanah	• Pejabat Tanah dan Galian • Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut • Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
13 Mac 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3:** Pengurusan Pembangunan di Kawasan Tanah Bukit (Mesyuarat Siri 1)	• Majlis Bandar Raya Pulau Pinang • Badan Kawal Selia Air • Perbadanan Bekalan Air
17 April 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3:** Pengurusan Pembangunan di Kawasan Tanah Bukit (Mesyuarat Siri 2)	• Majlis Bandar Raya Pulau Pinang • Badan Kawal Selia Air • Perbadanan Bekalan Air
19 September 2017	Isu: Tanah Bendang yang Telah Ditambun	• Jabatan Kewangan Negeri • Majlis Bandar Raya Pulau Pinang • Majlis Perbandaran Seberang Perai • Jabatan Pertanian



Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Sabah

Tarikh	Tajuk	Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat
27-28 Februari 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Program Penyewaan Rumah dan Penempatan Semula	• Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar • Majlis Daerah Papar • Jabatan Pengairan dan Saliran
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Kawal Selia Air	• Jabatan Air Negeri Sabah • Setiausaha Hasil Bumi
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Pengenaan dan Kutipan Cukai Taksiran	• Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Kemudahan Pelancongan Taman-Taman Sabah	• Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah • Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Ternakan Lembu dan Kambing	• Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Projek Pelancongan	• Jabatan Perhutanan Sabah
	LKAN Tahun 2015 Siri 2: Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan	• Majlis Daerah Tenom • Majlis Daerah Nabawan • Majlis Daerah Tambunan
28 Ogos 2017	Taklimat Mengenai LKAN Tahun 2016 Siri 1	• Jabatan Audit Negara
28-30 November 2017	**LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Pengurusan Projek Pembentungan	• Jabatan Kerja Raya
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Projek-projek Muzium	• Jabatan Muzium Negeri Sabah
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Pengurusan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan	• Majlis Perbandaran Sandakan • Majlis Daerah Lahad Datu • Majlis Daerah Semporna
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Asian Supply Base Sdn. Bhd.	• Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Agrodesa Sdn. Bhd.	• Koperasi Pembangunan Desa

Tarikh	Tajuk	Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: KKYS Sdn. Bhd.	• Yayasan Sabah
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Penyerahan Penyata Kewangan dan Sijil Audit Berteguran **LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Pengauditan Indeks Akauntabiliti	• Majlis Ugama Islam Sabah
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Projek Arena Belia di Pekan Kuala Penyu	• Kementerian Belia dan Sukan
	LKAN Tahun 2016 Siri 1: Tunggakan Hutang Kutipan Hasil Sarang Burung	• Jabatan Hidupan Liar

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Sarawak

Tarikh	Tajuk	Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat
28 Mac 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3:** Pengurusan Estet Perindustrian Tebedu Negeri Sarawak	• Kementerian Pembangunan Perindustrian
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Program Tanam Semula dan Tanam Baru Getah Di Negeri Sarawak	• Jabatan Pertanian Sarawak • Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Hartanah Wakaf	• Majlis Islam Sarawak
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Perolehan	• Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Perolehan	• Lembaga Sungai-sungai
29 Mac 2017	**LKAN Tahun 2014 Siri 3:** Pengurusan Pelaburan Kerajaan Negeri di dalam Sarawak International Medical Centre (SIMC)	• Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan

Tarikh	Tajuk	Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Perolehan	• Kementerian Kerajaan Tempatan • Majlis Daerah Sri Aman • Majlis Daerah Lubok Antu
	LKAN Tahun 2014 Siri 3: Pengurusan Syarikat C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.	• Yayasan Sarawak
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Projek Hidroelektrik Murum	• Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: PPLS Power Generation Sdn. Bhd. (PPLS)	• Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Penyenggaraan dan Pelupusan Kuarters Kerajaan Negeri Sarawak	• Jabatan Kerja Raya • Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah • Jabatan Ketua Menteri (Unit Pentadbiran)
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Perolehan	• Kementerian Kerajaan Tempatan • Majlis Daerah Limbang • Majlis Daerah Matu Dan Daro
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Projek Menaik Taraf dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/ Kampung Sira/ Kampung Nyabet/ Kampung Taiee, Bahagian Kuching	• Jabatan Kerja Raya
20 Julai 2017	Lawatan Ahli Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak termasuk *Ex-Officio* ke Empangan Murum	-

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Selangor

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
17 Mei 2017	**LKAN Tahun 2015 Siri 2:** Pengurusan Pembinaan Kompleks Islam Kuala Selangor	• Jabatan Agama Islam Selangor • Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
21 Disember 2017	**LKAN Tahun 2016 Siri 1:** Pengurusan Pusat Latihan Awam Selangor	• Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Terengganu

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
28 Februari 2017	**LKAN Tahun 2013 Siri 3:** Pengurusan Sekolah Menengah Agama Negeri	• Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu • Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu
1 Jun 2017	Taklimat Mengenai LKAN Tahun 2015 Siri 2	• Jabatan Audit Negara
	Taklimat LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2015	• Jabatan Audit Negara
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	• Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu
	LKAN Tahun 2015 Siri 1: Pengurusan Perolehan **LKAN Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2015:** Pencapaian dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti	• Yayasan Terengganu

Tarikh	Tajuk	Jabatan/Agensi Terlibat
	LKAN Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2015: Pencapaian dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti	• Pejabat Daerah Marang
3 Oktober 2017	Sesi pendengaran/penjelasan mengenai isu-isu yang belum selesai dalam *Auditor's General Dashboard*.	• GPQ Sdn. Bhd. • Jabatan Bekalan Air Negeri • Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu • TATI University College Sdn. Bhd. • Jabatan Pengairan dan Saliran

Seminar PAC SeMalaysia Tahun 2017

Selain terlibat dalam secara langsung dalam mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) di peringkat Parlimen dan DUN, JAN melalui JAN Negeri Sabah juga telah terlibat dalam penganjuran Seminar Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) SeMalaysia Tahun 2017 yang diadakan pada 16 Januari 2017 bertempat di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah. Seminar ini dianjurkan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dengan kerjasama JAN Negeri Sabah dan Perbadanan Pinjaman Sabah. Seminar yang bertemakan "Meningkatkan Kecemerlangan Tadbir Urus" adalah bermatlamat untuk memperkasa peranan PAC dan mengukuhkan integriti dan akauntabiliti sektor awam dan syarikat berkaitan Kerajaan. Seminar ini dirasmikan oleh YB Datuk Teo Chee Kang, Menteri Tugas-Tugas Khas Sabah yang mewakili Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Seri Musa Aman. Turut hadir adalah Pengerusi PAC Malaysia, YB Datuk Seri Hasan bin Arifin dan Pengerusi PAC Sabah, YB Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Bujang. Penglibatan JAN dengan kerjasama pihak PAC dalam penganjuran seminar seperti ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan akauntabiliti sektor awam di Malaysia terutamanya dalam meningkatkan peranan dan fungsi PAC supaya pengurusan kewangan Kerajaan dapat dilaksanakan secara lebih telus dan berhemat.



Berdiri dari kiri: YB Datuk Seri Hasan bin Arifin, YB Datuk Teo Chee Kang dan YB Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Bujang semasa Majlis Perasmian Seminar Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) SeMalaysia Tahun 2017 yang diadakan pada 16 Januari 2017



Sebahagian peserta daripada 420 orang yang hadir dalam seminar ini.



YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Hj. Che Kob, TKAN
(Tadbir Urus) JAN antara yang telah dijemput dalam pengisian seminar pada kali ini

Standard Pengauditan Yang Diguna Pakai

Pengauditan yang dilaksanakan JAN adalah selaras dengan Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*.

Peringkat 1: Prinsip Asas		
ISSAI 1	*(Endorsed 1977)*	*The Lima Declaration*

Peringkat 2: Syarat Untuk Institusi Audit Berfungsi		
ISSAI 10	*(Endorsed 2007)*	*The Mexico Declaration on SAI Independence*
ISSAI 12	*(Endorsed 2013)*	*The Value and Benefits of SAIs*
ISSAI 20	*(Endorsed 2010)*	*Principles of Transparency and Accountability*
ISSAI 30	*(Endorsed 2016)*	*Code of Ethics*
ISSAI 40	*(Endorsed 2010)*	*Quality Control for SAIs*


Peringkat 3: Prinsip Utama Pengauditan		
ISSAI 100	*(Endorsed 2013)*	*Fundamental Principles of Public Sector Auditing*
ISSAI 200		*Fundamental Principles of Financial Auditing*
ISSAI 300	*(Endorsed 2013)*	*Fundamental Principles of Performance Auditing*
ISSAI 400	*(Endorsed 2013)*	*Fundamental Principles of Financial Compliance Auditing*

Peringkat 4: Garis Panduan Pengauditan (Am dan Spesifik)		
Garis Panduan Pengauditan - Am		
ISSAI 1000 - 2999	*(Endorsed 2007 - 2016)*	*Financial Audit Guidelines*
ISSAI 3000 - 3999	*(Endorsed 2016)*	*Performance Audit Guidelines*
ISSAI 4000 - 4999	*(Endorsed 2016)*	*Compliance Audit Guidelines*
Garis Panduan Pengauditan - Spesifik		
ISSAI 5000 - 5099	*(Endorsed 2016)*	*International Institutions*
ISSAI 5100 - 5199	*(Endorsed 2016)*	*Environmental Audit*
ISSAI 5200 - 5299	*(Endorsed 1998 - 2007)*	*Privatisation*
ISSAI 5300 - 5399	*(Endorsed 2016)*	*IT Audit*
ISSAI 5400 - 5499	*(Endorsed 2007 - 2016)*	*Public Debt Audit*
ISSAI 5500 - 5599	*(Endorsed 2013)*	*Guidelines on Audit of Disaster-related Aid*
ISSAI 5600	*(Endorsed 2016)*	*Peer Review Guide*
ISSAI 5700	*(Endorsed 2016)*	*Guideline for the Audit of Corruption Prevention*
ISSAI 5800	*(Endorsed 2016)*	*Guide on Cooperative Audits*

* ISSAI 1610,1700,1701,1705,1706 juga digunapakai bagi penilaian prestasi kewangan dalam pengauditan tadbir urus syarikat.

Garis Panduan Yang Digunakan

Bagi mengadaptasi piawaian pengauditan antarabangsa untuk diguna pakai dalam pengauditan sektor awam di Malaysia, JAN juga telah menerbitkan garis panduan dalaman sebagai rujukan juruaudit. Setakat 31 Disember 2017, sebanyak 47 garis panduan merangkumi pelbagai aspek telah diterbitkan untuk membantu juruaudit dalam melaksanakan pengauditan. Berikut merupakan garis panduan utama bagi pengauditan penyata kewangan, pengauditan prestasi dan pengauditan syarikat dan agensi Kerajaan.




Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Berdasarkan *International Standard Of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) Terbitan 2014



Garis Panduan Pengauditan Prestasi Berasaskan ISSAI Pindaan 2017



Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko Pindaan 2017



Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Tadbir Urus Syarikat Kerajaan Dan Agensi Kerajaan Terbitan 2017

PENGAUDITAN KEWANGAN

Antara pengauditan utama yang dijalankan oleh JAN dalam memastikan tahap akauntabiliti sektor awam terpelihara, wang awam diuruskan dengan cekap dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur adalah dengan menjalankan dua pengauditan utama iaitu pengauditan pengesahan penyata kewangan dan pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti). Selain daripada itu, JAN juga melaksanakan pengauditan-pengauditan lain melibatkan semakan kewangan seperti pengauditan pengurusan kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara dan pengauditan secara mengejut.

PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

MANDAT PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

JAN menjalankan pengauditan penyata kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang memberi mandat kepada KANM untuk memeriksa dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri dilaksanakan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan bagi tahun kewangan berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

JAN perlu melaksanakan pengauditan pengesahan penyata kewangan pada setiap tahun selaras dengan mandat yang telah diberikan. Pengesahan penyata kewangan ini merangkumi pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 145 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain serta 308 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.


Setiap penyata kewangan yang perlu diaudit oleh JAN setiap tahun perlu dikemukakan mengikut tarikh yang ditetapkan sebagaimana termaktub dalam akta berkaitan. Bagi Kerajaan Persekutuan, seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada KANM untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

Seterusnya, bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada KANM dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit. Penyata tersebut mengandungi Penyata


Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

Selain daripada itu, bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada KANM untuk diaudit dalam tempoh enam (6) bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan 1Pekeliling Perbendaharaan PA3.1 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan yang diaudit pada tahun yang sama.

Manakala, bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam pula, penyerahan penyata kewangan kepada KANM untuk diaudit adalah tertakluk kepada enakmen agensi berkaitan serta arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing di mana bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki penyata kewangan disediakan apabila tamat tempoh tahun kewangan untuk membolehkan KANM mengesahkan penyata kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagi mempercepatkan penyediaan penyata kewangan, sebanyak 12 Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua Agensi Negeri untuk menyerahkan penyata kewangan selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya. Manakala, Kerajaan Negeri Johor pula telah mengarahkan semua Agensi mengemukakan penyata tahunan kepada JAN selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya.



Seterusnya, JAN akan mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan dan menyiapkan laporan audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan, tertakluk kepada semua akaun dan maklumat telah dikemukakan dengan lengkap untuk diaudit. Terdapat 5 jenis pendapat audit yang akan diberikan JAN berdasarkan pengauditan yang dijalankan seperti berikut:





Penyerahan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 oleh YBhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia kepada YBhg. Tan Sri Dr. KANM pada 27 Februari 2017

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2016

Secara keseluruhan sepanjang tahun 2017, JAN telah melaporkan sebanyak 467 pengauditan pengesahan penyata kewangan Kerajaan dan Agensi yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2. Bilangan pengauditan pengesahan penyata kewangan bagi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2016 adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN KEWANGAN
LKAN TAHUN 2016

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

JUMLAH 467


1
Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

13
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

145
Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Persekutuan Lain.

308
Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN



Laporan Ketua Audit Negara yang ditandatangani YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad terhadap Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab menetapkan kawalan dalaman yang perlu diwujudkan bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit terhadap amaun yang dilaporkan dan pendedahan mengenainya dalam penyata kewangan. Pemilihan prosedur Audit yang akan digunakan bergantung kepada pertimbangan Juruaudit selepas melaksanakan penilaian risiko. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi menyatakan pendapat saya mengenai penyata kewangan ini.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2016 serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Pelaporannya adalah selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
8 MEI 2017

SEKITAR GAMBAR MESYUARAT *EXIT CONFERENCE* DAN PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016.



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 27 April 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 28 April 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 4 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 15 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada 16 Mei 2017



Exit conference terhadap pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 17 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 19 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 25 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 29 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 30 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada 8 Jun 2017

SEKITAR GAMBAR MESYUARAT *EXIT CONFERENCE* DAN PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016.



Exit conference Penyata Kewangan Bank Negara pada 3 Mac 2017





YBhg. Tan Sri Dr. KANM menandatangani Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 10 Mac 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Bank Rakyat pada 30 Mac 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) pada 31 Mac 2017



Exit conference Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada 25 April 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) pada 5 Mei 2017



Exit conference Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji (LTH) pada 12 Mei 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) pada 16 Jun 2017



Exit conference Penyata Kewangan Johor Corporation (JCorp) pada 20 Jun 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO) pada 18 Julai 2017



Exit conference Penyata Kewangan Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) pada 2 Ogos 2017



Exit conference Penyata Kewangan Iskandar Regional Development Authority (IRDA) pada 3 Ogos 2017



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 29 Ogos 2017





Exit conference Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) pada 30 Ogos 2017

ISU PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Dalam melaksanakan pengauditan pengesahan penyata kewangan, JAN menemui pelbagai isu yang boleh menjejaskan maklumat kedudukan sebenar penyata kewangan yang mana perkara ini boleh diperbaiki oleh auditi pada masa hadapan. Secara keseluruhannya, antara isu yang ditemui semasa menjalankan pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

01 Baki pendahuluan dan penghutang pinjaman tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini.

02 Rekod perakaunan bagi tahun berakhir 2016 tidak kemas kini menyebabkan pihak audit tidak dapat menjalankan pengauditan terhadap komitmen modal, liabiliti luar jangka, urus niaga pihak berkaitan dan peristiwa selepas tempoh kewangan.

03 Terdapat masalah dalam sistem perakaunan yang digunakan menyebabkan baki akaun pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan ekuiti tidak dapat disahkan.

04 Ketiadaan dokumen sokongan yang lengkap bagi bayaran Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan yang dibayar kepada syarikat subsidiari.

05 Kelulusan Lembaga Pengarah tidak diperoleh bagi hapus kira Pemiutang dan Penghutang.

06 Penyata kewangan agensi dan kumpulan disediakan berdasarkan penyata kewangan syarikat subsidiari yang belum diaudit.

07 Ketepatan perbelanjaan di bawah program agensi tidak dapat disahkan disebabkan oleh jenis urus niaga yang dilakukan secara tunai yang tidak disokong oleh dokumen yang lengkap.

08 Perbezaan di antara baki pada Lejar Aset dan Daftar Aset tidak dapat disahkan kewujudan, kesempurnaan dan ketepatan aset tersebut.

09 Agensi tidak merekodkan liabiliti cukai pendapatan dan penalti bagi tahun taksiran 2006 hingga 2015. Selain itu, liabiliti cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2016 juga tidak direkodkan.

10 Terdapat kelemahan dalam kawalan dalaman proses gaji di mana hanya seorang pegawai yang melaksanakan tugas pengemaskinian data induk untuk gaji dan pemprosesan gaji bulanan.

11 Pendapatan sewaan direkodkan oleh Agensi secara tunai. Amalan ini bertentangan piawaian MPERS yang menetapkan pengiktirafan hasil adalah secara akruan.

Isu-isu yang dibangkitkan ini boleh diperbaiki dan ditambah baik pada masa hadapan serta boleh dijadikan sebagai *lesson learnt* dalam memastikan penyata kewangan yang disediakan auditi dapat menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama untuk kegunaan pihak berkepentingan (stakeholders).

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)


MANDAT PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

JAN menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 6 Akta Audit 1957 dan piawaian yang diluluskan iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan JAN memantau prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

JAN telah memperkenalkan sistem penarafan indeks akauntabiliti mulai tahun 2007 bagi melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Selaras dengan Pekeliling Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2016, JAN telah menambah baik penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabliti) daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2016.

Dalam memberi penarafan terhadap pengurusan kewangan ini, JAN akan menyemak dan membuat penilaian berdasarkan 8 kawalan utama bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan/Negeri dan 9 kawalan utama bagi Agensi Persekutuan/Negeri. Pelaksanaan pengauditan pengurusan kewangan (AI) ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu, wajib, pusingan dan *accross the board*.



Jadual Pemarkahan Penarafan

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90-100	CEMERLANG	☆☆☆☆☆
80-89.9	BAIK	☆☆☆☆
70-79.9	MEMUASKAN	☆☆☆
60-60.9	KURANG MEMUASKAN	☆☆
59.9 DAN KEBAWAH	TIDAK MEMUASKAN	☆

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2016

Secara keseluruhannya pada tahun 2017, JAN telah melaporkan hasil penarafan pengauditan pengurusan kewangan (AI) bagi tahun kewangan 2016 terhadap 307 Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan. Maklumat penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan tahun 2016 adalah seperti berikut:

PENARAFAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (AI) TAHUN 2016

BILANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DIAUDIT



JUMLAH KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DIAUDIT PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2016 **307**

BILANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI MENGIKUT PENARAFAN BINTANG



LAIN-LAIN PENGAUDITAN KEWANGAN

Selain daripada 2 pengauditan kewangan yang utama, iaitu pengesahan penyata kewangan dan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti), JAN juga menjalankan pengauditan kewangan lain seperti pengauditan pengurusan kewangan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara dan pengauditan mengejut selaras dengan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA

MANDAT PENGAUDITAN

JAN menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 6 Akta Audit 1957. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara melaksanakan pengurusan kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2016

Bagi pengauditan yang dilaporkan pada tahun 2017, JAN telah menjalankan pengauditan di 6 pejabat perwakilan Malaysia dan 7 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara seperti berikut

6 Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara

Abu Dhabi, **UAE** Kedutaan Besar Malaysia	Seoul, **Korea Selatan** Kedutaan Besar Malaysia	Canberra, **Australia** Suruhanjaya Tinggi Malaysia
Kaherah, **Mesir** Kedutaan Besar Malaysia	Tokyo, **Japan** Kedutaan Besar Malaysia	Melbourne, **Australia** Konsulat Jeneral Malaysia

7 Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di Luar Negara

3 Lokasi
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negara (MATRADE)
Seoul, Korea Selatan
Tokyo, Japan
Kaherah, Mesir

2 Lokasi
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
Seoul, Korea Selatan
Tokyo, Japan

2 Lokasi
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM/ TOURISM)
Seoul, Korea Selatan
Tokyo, Japan

PENGAUDITAN SECARA MENGEJUT

MANDAT PENGAUDITAN MENGEJUT

Pengauditan secara mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa KANM hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah telah diambil untuk memelihara keselamatan pungutan dan penjagaan wang awam; pengeluaran dan pembayaran wang dibuat mengikut undang-undang; penggunaan, pengawalan dan pelupusan aset dibuat mengikut peraturan; serta akaun dan rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan kemas kini. Pengauditan secara mengejut merupakan satu pendekatan pengauditan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak auditi.

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2016

Pada tahun 2017, JAN telah melaporkan sebanyak 681 pengauditan secara mengejut telah dijalankan, iaitu sebanyak 265 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Persekutuan di bawah 20 Kementerian, 148 Pejabat di 47 Badan Berkanun Persekutuan, serta 268 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) di 13 buah negeri.

265 **Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Persekutuan di bawah 20 Kementerian**

148 **Pejabat di 47 Badan Berkanun Persekutuan**

268 **Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Negeri di 13 buah negeri**

681

Pusat Tanggungjawab(PTJ)/ Pusat Kos (PK)
telah diaudit secara mengejut dan dilaporkan dalam LKAN Tahun 2016

FOKUS 2017

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERASASKAN RISIKO

Penambahbaikan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

Persekitaran yang sentiasa berubah menuntut Jabatan Audit Negara (JAN) memainkan peranan yang lebih dinamik dan berkesan dalam menambah baik tadbir urus serta memantapkan akauntabiliti awam. Perubahan ini semakin dirasai dan ia secara langsung memberi impak yang signifikan kepada JAN dalam aspek pelaksanaan pengauditan. Sehubungan dengan itu, JAN sentiasa menyambut baik maklum balas dan cadangan yang diterima bagi memastikan proses pengauditan yang lebih berkesan dan kualiti pengauditan adalah di tahap yang tinggi. Selain itu, JAN juga mengambil kira aspek *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan sebelum ini bagi menambah baik kaedah pengauditan sedia ada selaras dengan peraturan kewangan serta sistem perakaunan semasa.

Mulai tahun 2007, JAN telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti dalam pengauditan pengurusan kewangan dengan memberikan markah terhadap tahap pematuhan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang diaudit. Pengiraan markah ini akan membolehkan JAN memberikan *rating* dan juga *ranking* Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat. Selaras dengan usaha dan peranan JAN dalam meningkat tahap akauntabiliti sektor awam, JAN sentiasa mementingkan penambahbaikan secara berterusan termasuk penambahbaikan terhadap kaedah dan proses pengauditan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2017, JAN sekali lagi telah membuat penambahbaikan terhadap pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) ini dengan mengambil kira aspek penilaian risiko dalam penarafan yang diberikan. Terdapat tiga isu utama yang dikenal pasti dan dikaji semula iaitu:

01 *Penilaian Auditi:*

Auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain.

02 *Persampelan:*

Persampelan audit tidak mengambil kira saiz sesebuah auditi.

03 *Penilaian Risiko:*

Aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria

Berdasarkan kepada penilaian terhadap 3 isu utama tersebut, JAN telah membuat pindaan terhadap Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dan mengeluarkan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko Pindaan 2017 yang telah mengambil kira 5 penambahbaikan seperti berikut:

01 Klasifikasi Kementerian kepada 2 kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri.

02 Persampelan - saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain.

03 Setiap kriteria audit diberikan tahap risiko.

04 Tempoh pengauditan bagi Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang dilaksanakan secara pusingan.

05 Format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

Melalui penambahbaikan ini, penilaian berdasarkan risiko ini telah diperkenalkan di mana setiap kriteria dinilai mengikut tahap risiko, iaitu rendah, sederhana atau tinggi. Sehubungan dengan itu, JAN telah mengemaskini prosedur audit yang perlu diikuti oleh juruaudit dan kertas kerja yang perlu disediakan dalam melaksanakan pengauditan selaras dengan penambahbaikan yang dibuat. Adalah diharapkan dengan pembaharuan ini, proses penilaian pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri dapat dijalankan dengan lebih adil dan menyeluruh.

PENGAUDITAN PRESTASI

MANDAT PENGAUDITAN PRESTASI

Seksyen 6(d) memberi kuasa kepada KANM untuk menjalankan pemeriksaan bagi menilai sama ada wang awam telah dibelanjakan untuk tujuan ianya diperuntukkan dan aktiviti telah dilaksanakan secara cekap dan berhemat bagi mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan dalam perbelanjaan awam. Pengauditan ini dikenali sebagai pengauditan prestasi atau *value for money audit*.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PRESTASI

JAN melaksanakan pengauditan prestasi mengikut standard pengauditan antarabangsa, iaitu ISSAI 3000 dan 3100. Pelaksanaan setiap pengauditan prestasi adalah berdasarkan proses seperti berikut:

01. PERANCANGAN

- Pemilihan tajuk
- Menyediakan Memorandum Perancangan Audit
- Program audit mempunyai *key audit area* dan *Line of Inquiry* (LOI) dan kriteria audit yang jelas



02. PELAKSANAAN

Mengumpul, menganalisis data dan maklumat serta menyediakan penemuan awal audit dan membincangkannya dengan auditi




03. PELAPORAN

Mengandungi penemuan audit yang signifikan berdasarkan *key audit area* berserta rumusan dan syor audit kepada auditi



Pemilihan tajuk pengauditan prestasi yang dilaksanakan oleh JAN perlu dibuat mengikut keutamaan dengan mengambil kira 7 elemen seperti berikut:

7 ELEMEN PEMILIHAN TAJUK PENGAUDITAN PRESTASI



JAN juga menekankan aspek pelaporan yang seimbang dalam melaporkan penemuan terhadap pengauditan yang dilaksanakan. Ini termasuk melaporkan ciri-ciri pengurusan yang baik dan yang kurang baik serta maklum balas yang merupakan penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang diaudit. Dalam laporan yang dikeluarkan, JAN juga mengemukakan pendapat audit yang dibuat berasaskan fakta dan pemerhatian audit yang ditemui semasa menjalankan pengauditan. Berdasarkan kepada pendapat audit yang dikeluarkan, JAN turut mengemukakan syor bagi membolehkan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkaitan. Bagi tujuan pengesahan, Ketua Jabatan yang terlibat telah dimaklumkan terlebih dahulu terhadap perkara yang dilaporkan dalam LKAN.

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2016

Sepanjang tahun 2017, JAN telah melaporkan sebanyak 107 pengauditan prestasi program/aktiviti/projek di bawah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri menerusi LKAN Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2. Sebanyak 411 syor telah dikeluarkan bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkaitan. Bilangan pengauditan prestasi bagi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2016 adalah seperti berikut:

LKAN TAHUN 2016

PENGAUDITAN PRESTASI TERHADAP PROGRAM/AKTIVITI/PROJEK KERAJAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI

SIRI 1
23 Pengauditan peringkat persekutuan
40 Pengauditan peringkat negeri

SIRI 2
19 Pengauditan peringkat persekutuan
25 Pengauditan peringkat negeri

107 JUMLAH PENGAUDITAN PRESTASI

JUMLAH SYOR **409**

42 PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT PERSEKUTUAN

PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT NEGERI **65**

PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Bagi peringkat Kerajaan Persekutuan, JAN telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 42 program/aktiviti/projek di bawah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan. Maklumat bilangan kajian prestasi terhadap program/aktiviti/projek Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2016 dan bilangan kajian mengikut bidang adalah seperti berikut:

42 KAJIAN PENGAUDITAN PRESTASI

telah dibentangkan dalam LKAN Tahun 2016 dengan melibatkan program/aktiviti/projek

19 KEMENTERIAN

BILANGAN KAJIAN PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT KEMENTERIAN

01. Jabatan Perdana Menteri	2
02. Kementerian Kewangan	1
03. Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani	3
04. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	4
05. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1
06. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	2
07. Kementerian Kerja Raya	4
08. Kementerian Pengangkutan	3
09. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	1
10. Kementerian Kesihatan	2
11. Kementerian Wilayah Persekutuan	1
12. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1
13. Kementerian Belia dan Sukan	2
14. Kementerian Sumber Manusia	1
15. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2
16. Kementerian Pertahanan	2
17. Kementerian Dalam Negeri	4
18. Kementerian Pendidikan	4
19. Kementerian Pengajian Tinggi	2

Bilangan Kajian Pengauditan Prestasi Peringkat Kerajaan Persekutuan Mengikut Bidang

LKAN Tahun 2016 Siri 1



Program 8

Pembinaan 8

Penyenggaraan 1

- Perolehan 3
- Sistem/ICT 2
- Pengurusan Hasil 1

JUMLAH 23

BILANGAN SYOR 90

LKAN Tahun 2016 Siri 2

JUMLAH 19

BILANGAN SYOR 74

Program 11

Pembinaan 6

- Perolehan 2



PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT KERAJAAN NEGERI

Selain itu, bagi peringkat Kerajaan Negeri, JAN telah melaporkan sebanyak 65 pengauditan prestasi program/aktiviti/projek yang dilaksanakan di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Negeri. Bilangan pengauditan prestasi bagi peringkat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2016 mengikut negeri adalah seperti berikut:

65 KAJIAN PENGAUDITAN PRESTASI
telah dibentangkan dalam LKAN Tahun 2016
dengan melibatkan program/aktiviti/projek bagi **13 NEGERI**



- 3 PERLIS KAJIAN
- 6 KEDAH KAJIAN
- 3 PULAU PINANG KAJIAN
- 2 PERAK KAJIAN
- 6 SELANGOR KAJIAN
- 5 NEGERI SEMBILAN KAJIAN
- 5 TERENGGANU KAJIAN
- 4 KELANTAN KAJIAN
- 3 PAHANG KAJIAN
- 5 MELAKA KAJIAN
- 9 JOHOR KAJIAN
- 8 SARAWAK KAJIAN
- 6 SABAH KAJIAN

Bilangan Kajian Pengauditan Prestasi Peringkat Kerajaan Negeri Mengikut Bidang

LKAN
Tahun 2016
Siri 1



LKAN
Tahun 2016
Siri 2



Sorotan Gambar Pengauditan Prestasi

Kementerian Belia dan Sukan

Pengurusan Projek Gelanggang Sukan



Lawatan audit bagi Projek Pembinaan Velodrom Nasional, Nilai, Negeri Sembilan



Lawatan audit bagi Projek Pembinaan Gelanggang Futsal Kampung Ulu Pari, Rembau, Negeri Sembilan



Lawatan audit bagi Projek Pembinaan Gelanggang Futsal Kampung Mohimboyon, Ranau, Sabah

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Pengurusan Aktiviti *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS)



Lawatan audit ke Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar, Kedah bagi pengauditan *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS)



Pasukan audit memeriksa peralatan yang digunakan di Balai Bomba dan Penyelamat Puchong, Selangor

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
Pengurusan Projek Agropolitan: Pembangunan Ladang Sejahtera dan Komersial




Pasukan audit mendengar penerangan mengenai pengurusan Projek Agroplitan RISDA di Chemomoi, Bentong, Pahang



Pasukan audit mendapatkan ukur lilit pokok getah di Ladang Sejahtera Chemomoi, Bentong, Pahang



Penerangan oleh RISDA kepada pasukan audit semasa lawatan di Ladang Sejahtera Ganda, Gerik, Perak



Pasukan audit mengambil gambar pokok getah yang mengalami serangan anai-anai dan keadaan tanah di Ladang Sejahtera Ganda, Gerik, Perak





Pasukan audit sedang mengukur kedalaman dan kelebaran tanah yang diakibatkan oleh hakisan di Ladang Sejahtera Ganda, Gerik, Perak



Pasukan audit menjalankan soal selidik bagi pengauditan Projek Agropolitan



Perbincangan pasukan audit semasa lawatan tapak

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Program Desa Lestari



Pasukan audit mengukur spesifikasi jalan di Kampung Lonek, Negeri Sembilan



Lawatan audit di Tapak Reban Ayam Pedaging
Kampung Tersusun Mawai Baru, Kota Tinggi, Johor



Lawatan audit di Kampung Gebuk, Negeri Sembilan

Kementerian Pendidikan Tinggi

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Pengurusan Perolehan di Universiti Pendidikan Sultan Idris



Lawatan fizikal oleh pasukan audit bagi pengauditan Pengurusan Perolehan
di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak

Kementerian Pendidikan

Pengurusan Projek Pembaikan Struktur Bangunan dan Lain-lain Kemudahan Sekolah di Negeri Sabah



Lawatan audit untuk kerja-kerja pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah di Negeri Sabah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Wilayah Persekutuan

Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan



Pasukan audit semasa menjalankan pengauditan Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)



Lawatan fizikal ke tapak projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)





Exit conference bagi pengauditan Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)

Kementerian Pendidikan

Pengurusan Projek Pembaikan Struktur Bangunan dan Lain-lain Kemudahan Sekolah di Negeri Sabah



Pasukan audit sedang mengukur ketinggian pintu sama ada mengikut spesifikasi yang ditetapkan



Lawatan fizikal bagi pengauditan Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai di Pontian, Johor



Pasukan audit ketika lawatan fizikal semasa menjalankan pengauditan di Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai, Johor

Jabatan Perdana Menteri/Jabatan Kerja Raya

Unit Perancang Ekonomi

Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah



Taklimat dan semakan pelan mengenai Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah



Pengesahan lokasi dan semakan pelan di jeti

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

Pengurusan Hartanah



Pegawai audit sedang mendapatkan maklumat mengenai pengurusan hartanah KEJORA

FOKUS 2017

PENGAUDITAN PROJEK MEGA

Selain daripada melaksanakan pengauditan prestasi yang dibuat berdasarkan Rancangan Audit Tahunan sebagaimana dilaporkan dalam LKAN, JAN juga terlibat dalam menjalankan pengauditan projek mega yang dibuat secara berterusan. Pengauditan ini dilaksanakan sebagai usaha Kerajaan dalam mengelakkan berlakunya ketirisan dan pemborosan dalam projek awam. Secara dasarnya, projek mega didefinisikan sebagai projek yang bernilai RM500 juta dan ke atas; pengurusan atau pembinaan projek yang kompleks; dan projek yang memberi impak kepada ekonomi dan sosial negara. Mandat penglibatan JAN dalam melaksanakan pengauditan projek mega secara berterusan ini adalah melalui Akta Audit 1957, klausa perjanjian atau surat pelantikan keanggotaan Ketua Audit Negara Malaysia (KANM) sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu/Eksekutif bagi sesebuah projek mega.

Pengauditan secara berterusan memerlukan JAN melaksanakan pengauditan mengikut fasa pembinaan projek di mana pengauditan akan dijalankan fasa demi fasa bermula dari peringkat awal sehingga projek disiapkan. Pengauditan secara berterusan merupakan pendekatan audit yang proaktif bagi membolehkan penemuan audit dibangkitkan dalam tempoh pelaksanaan projek. Ini seterusnya membolehkan entiti mengambil tindakan pembetulan sewajarnya tanpa perlu menunggu sehingga projek disiapkan. Secara umumnya, pengauditan projek mega yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan penilaian bebas secara berterusan terhadap pengurusan dan pelaksanaan projek dapat dibuat. Setiap penemuan audit perlu diambil tindakan segera serta dijadikan *lessons learnt* supaya penemuan audit tersebut tidak lagi diulangi dalam fasa seterusnya. Manakala, secara khususnya pengauditan projek mega dibuat untuk menentukan pengurusan dan pelaksanaan projek adalah mengikut skop pengauditan yang telah ditentukan antaranya seperti berikut:

01 Pengurusan aktiviti adalah selaras dengan amalan tadbir urus terbaik dan mengikut peraturan yang ditetapkan; atau

02 Aspek teknikal projek seperti perancangan, reka bentuk, perolehan, pembinaan, bekalan dan operasi mengikut keperluan yang dinyatakan dalam projek *Development & Management Agreement*, Kontrak Pakej Kerja dan lain-lain; atau

03 Pengurusan pembayaran akaun muktamad mematuhi peraturan kewangan/klausa kontrak yang ditetapkan; atau

04 Perolehan tanah telah dirancang dan dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang berkuat kuasa untuk mencapai objektif yang ditetapkan; atau

05 Perancangan projek telah dilaksanakan dengan baik supaya tidak wujud pembaziran, ketirisan dan meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek; atau

06 Lain-lain objektif pengauditan yang ditetapkan dan diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Induk/ Jawatankuasa Kerja.

Sehingga 31 Disember 2017, JAN telah terlibat secara langsung dalam pengauditan 3 projek mega yang memberi impak tinggi dalam bidang ekonomi dan sosial. JAN mula dilibatkan dalam pengauditan terhadap projek *Mass Rapid Transit* (MRT) *Line* 1 di mana penglibatan JAN dalam projek ini adalah berdasarkan punca kuasa seperti yang dinyatakan dalam kontrak antara MRT Corp. dan Kerajaan Malaysia. Seterusnya, JAN juga telah dilibatkan dalam 2 lagi projek mega yang memberi impak tinggi daripada segi ekonomi dan sosial, iaitu Projek Lebuhraya Pan Borneo dan Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Maklumat kos projek dan jangkaan implikasi ekonomi dan sosial mengikut projek mega yang diaudit JAN adalah seperti berikut:

PROJEK MEGA DENGAN JANGKAAN IMPLIKASI EKONOMI DAN SOSIAL

BIL.	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	JANGKAAN IMPLIKASI EKONOMI DAN SOSIAL
1.	*Mass Rapid Transit* (MRT) (*Line* 1 : Sungai Buloh - Kajang)	21 bilion	Memangkin pembangunan hartanah di kawasan berhampiran laluan MRT yang mampu menjana RM15 bilion dalam tempoh tahun 2011 hingga 2021. Pembangunan ini akan menjana RM300 juta setahun untuk tempoh tahun 2011 hingga 2021 sekali gus menambahkan RM3 bilion kepada pendapatan negara. MRT juga akan mencetuskan pembangunan baru seperti Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh, Kawasan Warisan Merdeka, Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur dan pembangunan kawasan Cochrane. (Utusan Malaysia, 8 November 2011)
2.	Lebuhraya Pan Borneo	29.35 bilion	Mewujudkan 400,000 peluang pekerjaan di Sabah dan Sarawak. Ia susulan banyak pembangunan yang dilaksanakan selain peluang perniagaan serta peluang kepada kontrak besar mahupun kecil. (Berita Harian, 4 Mac 2017)
3.	Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC)	2.31 bilion	Menyumbang sebanyak RM18.3 bilion kepada Pendapatan Dalam Negara Kasar pada tahun 2020. Ia bakal menyediakan peluang pekerjaan yang besar iaitu 50,000 pekerjaan di peringkat pembinaan selain 4,000 pekerja sepenuh masa dalam fasa operasi dan 5,000 anggota sokongan dalam sektor perkhidmatan apabila siap kelak. (Utusan Malaysia, 18 April 2016)

Dalam usaha memastikan pelaksanaan projek mega dapat dipantau, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu/Eksekutif yang mana jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. JAN menerusi pelantikan KANM dalam Jawatankuasa Pemandu/Eksekutif memainkan peranan dalam menilai pelaksanaan projek sama ada mengikut perancangan yang ditetapkan. Peranan dan tanggungjawab ini boleh dipenuhi melalui pengauditan secara berterusan terhadap projek mega tersebut dengan laporan/pemerhatian audit yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. Sehingga kini, keanggotaan KANM dalam Jawatankuasa Pemandu/Eksekutif projek mega adalah seperti berikut:

- Projek MRT - Keputusan Mesyuarat *Special Task Force* Nombor 1/2010 bertarikh 13 Mei 2010 untuk menjemput KANM sebagai Ahli *Special Task Force*.

- Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) - Surat pelantikan KANM sebagai Ahli Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan Projek-projek Kerajaan Persekutuan bertarikh 12 November 2014.

Penglibatan JAN dalam pengauditan projek mega adalah penting untuk memastikan akauntabiliti awam serta tadbir urus kepada pihak yang diamanahkan wujud dalam pelaksanaan projek mega. Secara keseluruhannya, pengauditan projek mega merupakan satu langkah proaktif yang dilaksanakan secara berterusan untuk membolehkan teguran audit diambil tindakan segera tanpa kelewatan serta dijadikan *lessons learnt* dan tidak diulangi dalam fasa projek seterusnya. Selain itu, pengauditan projek mega ini juga dilihat dapat meningkatkan ketelusan pengurusan projek dan menangani risiko pada setiap fasa kemajuan pelaksanaan projek secara berterusan. Dengan tumpuan dan perhatian yang semakin diberikan oleh pelbagai pihak ekoran daripada kompleksiti pengurusan dan pembinaan projek serta risiko kelewatan penyiapan dan peningkatan kos projek, pengauditan projek mega menjadi semakin penting memandangkan ia akhirnya boleh memberi kesan yang ketara terhadap ekonomi dan sosial negara.

Pengauditan Projek Mega bagi Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) (*Line* 1 : Sungai Buloh - Kajang)







Pengauditan Projek Mega bagi Projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC)






PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN

MANDAT PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada KANM untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016) yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi Kerajaan/Agensi Negeri. Suatu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 telah memberi kuasa kepada KANM untuk mengaudit syarikat tersebut yang dinyatakan dalam Perintah Audit (Akaun Syarikat) P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017.

MAKLUMAT SYARIKAT KERAJAAN YANG DIWARTA UNTUK DIAUDIT OLEH JAN

Sesebuah syarikat Kerajaan boleh diaudit oleh JAN dengan syarat syarikat tersebut telah disenaraikan dalam Perintah Audit (Akaun Syarikat) P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017. Sebanyak 1,858 syarikat telah diwartakan untuk diaudit oleh JAN. Perincian pewartaan syarikat tersebut adalah seperti berikut:



PELAKSANAAN PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN

JAN hanya melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan dan aktiviti syarikat Kerajaan. Manakala, pengesahan terhadap penyata kewangan syarikat adalah masih dijalankan oleh juruaudit yang dilantik oleh syarikat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016).

Pengauditan yang dijalankan terhadap syarikat Kerajaan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan syarikat merangkumi aktiviti/operasi yang dijalankan oleh syarikat dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh Kerajaan/Agensi Kerajaan telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini meliputi 3 skop penilaian iaitu kedudukan kewangan, pengurusan aktiviti utama dan amalan terbaik tadbir urus syarikat.



PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2016

Pada tahun 2017, pengauditan terhadap syarikat Kerajaan telah dijalankan bagi 40 syarikat Kerajaan iaitu 15 syarikat Kerajaan Persekutuan dan 25 syarikat Kerajaan Negeri.





SENARAI SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI YANG DIAUDIT BAGI LKAN TAHUN 2016

15 SYARIKAT PERSEKUTUAN

- Ketengah Holding Sdn. Bhd.
- Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd.
- Ketengah Properties Sdn. Bhd.
- UMK Business Ventures Sdn. Bhd. (UMKVB)
- Cyber Security Malaysia
- TEKUN Nasional
- Prisma Harta Sdn. Bhd.
- Al-Hijrah Media Corporation
- UTM Holdings Sdn. Bhd.
- Cyberview Sdn. Bhd.
- Malaysia Venture Capital Management Berhad
- German-Malaysia Institute
- Malaysia Green Technology Corporation
- UPM Consultancy & Services Sdn. Bhd.
- TH Travel & Services Sdn. Bhd.

25 SYARIKAT NEGERI

- KKYS Sdn. Bhd.
- Asian Supply Base Sdn. Bhd.
- Agrodesa Sdn. Bhd.
- Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.
- Sarawak Forestry Corporation Sdn. Bhd.
- KTC Convention & Apartment Sdn. Bhd.
- SPP Development Sdn. Bhd.
- TATI University College Sdn. Bhd.
- TOP IT Industries Sdn. Bhd.
- Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
- MUIP Urus Sdn. Bhd.
- Amanah Saham Pahang Berhad
- Perlis Marine Engineering Sdn. Bhd.
- PKNK Hotels Sdn. Bhd.
- Invest-In-Penang Berhad
- George Town World Heritage Incorporated
- Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.
- YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.
- PKPS Livestock Sdn. Bhd.
- YNS Management Sdn. Bhd.
- Lambang Tunas Sdn. Bhd.
- Melaka Taming Sari Berhad
- Melaka Biotech Holding Sdn. Bhd.
- Johor Skills Development Centre
- Bio Desaru Sdn. Bhd.



Pasukan audit semasa menjalankan pengauditan terhadap TEKUN Nasional



Pasukan audit menemu bual usahawan semasa menjalankan pengauditan terhadap TEKUN Nasional

FOKUS 2017

PENILAIAN KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT MENGGUNAKAN eGLC

Pengauditan syarikat meliputi 3 aspek iaitu kedudukan kewangan, pengurusan aktiviti utama dan amalan terbaik tadbir urus syarikat. Pendekatan ini digunakan untuk memudahkan juruaudit membuat penilaian terhadap prestasi syarikat berdasarkan rumusan bagi ketiga-tiga aspek di atas. Pendapat audit terhadap prestasi aktiviti sesebuah syarikat dirumuskan berdasarkan pemarkahan yang diperoleh semasa penetapan *nomenclature* untuk pengauditan prestasi. Manakala bagi kedudukan kewangan dan amalan terbaik tadbir urus syarikat pula, rumusan pendapat audit adalah berdasarkan *nomenclature* yang ditetapkan secara spesifik untuk pengauditan syarikat. Sejak tahun 2016, JAN telah memperkenalkan instrumen eGLC sebagai satu kaedah untuk menilai kedudukan kewangan syarikat yang lebih objektif dan seragam. Terdapat 8 elemen/indikator skor bagi amalan tadbir urus dan 4 elemen/indikator skor bagi analisis kedudukan kewangan yang perlu dinilai melalui instrumen eGLC ini.

Instrumen eGLC telah mula digunakan dalam LKAN Tahun 2016 Siri 2
bagi menilai kedudukan kewangan dan amalan tadbir urus syarikat.
Bagi menentukan skor indikator nisbah kewangan,
juruaudit memasukkan maklumat data kewangan bagi 3 tahun mengikut skop pengauditan.

8 elemen/indikator skor bagi amalan tadbir urus:

- Pengerusi
- Lembaga Pengarah
- Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan
- *Standard Operating Procedures* (SOP)
- Rancangan Korporat/ Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama
- Jawatankuasa Audit
- Audit Dalaman
- Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan



4 elemen/indikator skor bagi analisis kedudukan kewangan:

- Analisis *trend* pendapatan, perbelanjaan dan Untung Rugi;
- Analisis aset dan liabiliti;
- Analisis nisbah kewangan; dan
- Analisis aliran tunai

Pengiraan nisbah kewangan dijana secara automatik melalui instrumen eGLC. Markah yang diperoleh akan menentukan skor bagi analisis nisbah kewangan.

Hasil penilaian yang diperoleh akan menentukan sama ada kedudukan kewangan syarikat secara keseluruhan adalah **kukuh/stabil/ kurang stabil.**

Bagi penilaian amalan terbaik tadbir urus syarikat, sebanyak 40 kriteria bagi Syarikat Badan Berkanun, 39 kriteria bagi Syarikat selain Badan Berkanun dan 37 Syarikat Berhad Menurut Jaminan akan dinilai melalui instrumen tersebut berdasarkan 8 elemen/indikator. Perincian kriteria yang dinilai mengikut elemen/indikator tersebut adalah seperti berikut:



Bagi rumusan keseluruhan pengauditan bahagian tadbir urus, juruaudit akan merumuskan status keseluruhan amalan terbaik tadbir urus berdasarkan pemarkahan yang diberikan menerusi instrumen eGLC yang digunakan.


MPIC

MEMACU PEMANTAPAN PENGAUDITAN



MEMACU PEMANTAPAN PENGAUDITAN

Sejajar dengan perkembangan landskap pengauditan yang semakin rumit dan mencabar dengan pengenalan pelbagai transformasi serta teknologi baru, JAN sentiasa memberi penekanan yang berterusan dalam memantapkan hala tuju dan metodologi pengauditan. Ia juga selaras dengan teras ketiga Pelan Strategik JAN 2016-2020, iaitu menghasilkan LKAN yang berkualiti. Landskap yang semakin mencabar ini dipengaruhi oleh cabaran-cabaran seperti penemuan kes-kes melibatkan fraud, perkembangan semasa industri yang semakin pesat, *big data* dan analisis data serta perubahan profesion perakaunan dan pengauditan. Sehubungan dengan itu, JAN sentiasa mengambil inisiatif ke arah pemantapan pengauditan sedia ada agar dapat menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Pemantapan pengauditan di JAN ini dapat dilihat melalui Arahan KANM yang dikeluarkan, penyelidikan yang dilaksanakan, aspek penilaian jaminan kualiti (Quality Assurance Review - QAR), Pasukan Rujukan (Subject Matter Experts - SME), pengukuhan Unit Audit Dalam (UAD), pengauditan susulan, khidmat nasihat teknikal dan aplikasi pengurusan audit diguna pakai.

- ARAHAN KANM
- PENYELIDIKAN
- PENILAIAN JAMINAN KUALITI (QUALITY ASSURANCE REVIEW - QAR)
- PASUKAN RUJUKAN (SUBJECT MATTER EXPERTS - SME)
- PENGUKUHAN UNIT AUDIT DALAM (UAD)
- PENGAUDITAN SUSULAN
- KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL
- APLIKASI PENGURUSAN AUDIT

ARAHAN KANM

Arahan KANM yang merupakan arahan dalaman JAN, dikeluarkan dari semasa ke semasa dalam usaha memastikan proses kerja yang dilaksanakan adalah tersusun dan sistematik mengikut standard yang ditetapkan. Ia juga bertujuan memastikan pengauditan yang dilaksanakan dan pelaporan yang dihasilkan menekankan aspek kualiti yang tinggi. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 9 Arahan KANM telah dikeluarkan di mana melibatkan 8 arahan berkaitan pengauditan dan 1 berkaitan pengurusan seperti berikut:

Bil. 1/2017
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan

Bil. 2/2017
Panduan kepada Ketua Jabatan dalam Meluluskan Kemudahan Cuti Kursus Sambilan (CKS) kepada Pegawai Jabatan Audit Negara (JAN) bagi Mengikuti Pengajian Secara Sambilan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam Negara

Bil. 3/2017
Perakaunan dan Persembahan Geran Kerajaan

Bil. 4/2017
Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) bagi Agensi Persekutuan/Negeri Pindaan 2017

Bil. 5/2017
Garis Panduan Pengauditan Mengejut (Pindaan November 2017)

Bil. 6/2017
Pindaan Terhadap Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan (GPPK) Memorandum Perancangan Audit (GPPK 60.1 dan GPPK 300)

Bil. 7/2017
Matriks dan Kriteria Penetapan Pendapat Audit untuk Laporan Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan

Bil. 8/2017
Pemantapan Kualiti Pengauditan Prestasi

Bil. 9/2017
Standard Operating Procedure bagi Pengauditan Kewangan

PENYELIDIKAN

Salah satu aspek penting dalam memacu pemantapan pengauditan adalah dari segi penyelidikan yang dilaksanakan. Hasil penyelidikan yang dibuat dapat membantu JAN dalam menyediakan kertas kajian penyelidikan/garis panduan pengauditan selaras dengan dasar Jabatan, prinsip perakaunan dan pengauditan serta amalan terbaik di dalam dan luar negara. Selain itu, hasil penyelidikan yang dijalankan juga dapat memberi input kepada bahagian-bahagian lain dalam jabatan atau pihak lain yang berkepentingan. Penyelidikan yang dilaksanakan secara berterusan oleh JAN meliputi aspek-apek berikut:

01 Kajian
02 Kertas Konsep/Dasar Polisi Audit
03 Pewartaan
04 Pemantauan Hansard Parlimen, Blog dan Akhbar
05 Kerjasama dengan Badan-Badan Profesional
06 Penglibatan JAN di Peringkat Kebangsaan

KAJIAN

Kajian Amalan Terbaik Tadbir Urus Syarikat Kerajaan di Luar Negara

- Kajian ini dijalankan bersama Sektor Audit Tadbir Urus.
- Objektif kajian adalah untuk mengkaji dan membandingkan amalan terbaik (*best practice*) tadbir urus syarikat Kerajaan Malaysia dengan amalan terbaik tadbir urus syarikat Kerajaan pelbagai negara lain.
- Perspektif kajian meliputi mandat penubuhan dan pengurusan syarikat Kerajaan; struktur ahli Lembaga Pengarah; komposisi ahli Lembaga Pengarah; tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah; dan kerangka kerja dan amalan penamaan ahli Lembaga Pengarah.
- Output: Hasil kajian telah dibentangkan kepada Ketua Audit Negara Malaysia.
- *Outcome*: Ia dijadikan salah satu indikator penilaian syarikat Kerajaan yang diaudit dan dilaporkan dalam LKAN bagi menentukan tahap pematuhan tadbir urus.

Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) (2016-2020)

KSP RMKe-11 mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi sama ada dalam perancangan dan pelaksanaan projek serta program pembangunan yang telah diluluskan di bawah RMKe-11.

Teras RMKe-11 yang berkaitan dengan JAN adalah:

- Teras strategik keempat
  - Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan
- Teras strategik keenam
  - Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

Penglibatan JAN

Teras Strategik Keempat	Teras Strategik Keenam
i. Pelaksanaan pengauditan air dan alam sekitar	i. Penambahbaikan proses pengauditan dengan penggunaan *eWorking Paper* (eWP)
ii. Penglibatan dalam *Working Group Environmental Auditing*	ii. Pendekatan *Risk Based Auditing* dalam pengauditan
iii. Penglibatan dalam Jawatankuasa Tindakan Cameron Highlands - Majlis Tindakan Negara	iii. Penyediaan pelbagai garis panduan sebagai penambahbaikan dalam perkhidmatan


Output: Visi dan misi JAN bagi tempoh 2016 - 2020 adalah selari dengan teras strategik di bawah RMKe-11. JAN telah menggunakan segala peruntukan yang diperoleh dengan seoptimumnya bagi melaksanakan semua aktiviti pengauditan yang dirancang.

Outcome: Salinan kajian telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk disatukan sebagai dokumen nasional dan dibentang di Parlimen. Dokumen masih di peringkat semakan oleh UPE, JPM.

KERTAS KONSEP DASAR / POLISI AUDIT

Kertas konsep dasar/polisi audit yang disediakan pada tahun 2017 meliputi perkara-perkara berikut:

Kertas Konsep Dasar/Polisi Audit



PEWARTAAN

Pewartaan yang dilaksanakan adalah selaras dengan peruntukan Akta Audit 1957. Seksyen 5 Akta berkenaan menetapkan bahawa KANM hendaklah mengaudit badan lain/syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan/Negeri dan termasuk juga syarikat yang lebih daripada separuh modal berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi/Pihak Berkuasa Awam dengan syarat diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui proses pewartaan.

Dalam memastikan senarai pewartaan syarikat milik Kerajaan yang boleh diaudit sentiasa dikemas kini, JAN juga membuat semakan secara berkala bagi melihat sekiranya proses pewartaan syarikat milik Kerajaan perlu dibuat berdasarkan keperluan pengauditan semasa. Syarikat yang boleh diwarta untuk diaudit ini merujuk kepada syarikat milik Kerajaan yang mempunyai pegangan lebih daripada 50% dan syarikat/badan/entiti yang mendapat geran/pemberian/pinjaman daripada Kerajaan/Agensi Kerajaan. Kali terakhir JAN mewartakan syarikat milik Kerajaan adalah pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu, pada 30 September 2017, JAN telah mewartakan sebanyak 1,858 syarikat milik Kerajaan berbanding 1,708 syarikat pada tahun 2013.

Pewartaan yang lepas

30 Oktober 2013 (P.U.(A)326/2013): 1,708 syarikat

17 Disember 2009 (P.U.(A)443/2009): 379 syarikat

Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017

- Pengumpulan maklumat syarikat
- Penyediaan Memorandum Jemaah Menteri (MJM)
- Maklum balas Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan
- MJM dibincangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri
- Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong
- Diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara melalui laman web www.agc.gov.my
  - Tarikh pewartaan: 30 September 2017 (P.U.(A)294/2017)
  - Bil. syarikat diwartakan: 1,858 syarikat
- Disimpan dalam Sistem eAudit-Repositori

PEMANTAUAN *HANSARD* PARLIMEN, AKHBAR DAN BLOG

JAN sentiasa memantau perkara yang dilaporkan dalam *hansard* Parlimen, akhbar dan blog yang mendapat perhatian dan liputan *stakeholders*.

Pemantauan Hansard Parlimen, Akhbar dan Blog



Pemantauan berterusan terhadap perkara signifikan dan material berkaitan KANM/LKAN/JAN yang dibincangkan dan dilaporkan. Fokus pemantauan juga meliputi pengenalpastian isu nasional serta perkara-perkara berimpak tinggi kepada negara yang berpotensi untuk diaudit.

KERJASAMA DENGAN BADAN-BADAN PROFESIONAL

Penekanan juga diberikan kepada *strategic alliances* iaitu kerjasama antara JAN dengan badan profesional dalam bidang pengauditan, penyelidikan dan latihan bagi meningkatkan profesionalisme warga JAN secara berterusan.

The Institute of Internal Auditors Malaysia · CIPFA The Chartered Institute of Public Finance & Accountancy · MASB

MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS · CPA AUSTRALIA · ACFE Association of Certified Fraud Examiners MALAYSIA CHAPTER 112 · ACCA · ISACA Malaysia Chapter

- Menganjurkan program bersama bagi meningkatkan profesionalisme warga JAN.
- Mengkaji dan memberi komen terhadap draf pendedahan dan dokumen perundingan lain yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan.



- Menyokong badan profesional dalam program anjuran badan berkenaan.
- Menjemput badan profesional memberi kursus/latihan/ceramah kepada warga JAN.

PENGLIBATAN JAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Pada tahun 2017, JAN selaku agensi utama dalam meningkatkan akauntabiliti awam juga telah memberi input berkaitan bagi kepentingan negara kepada *Task Force* Meningkatkan Prestasi Kedudukan Daya Saing Negara (National Competitiveness Index).

Task Force Meningkatkan Prestasi Kedudukan Daya Saing Negara (National Competitiveness Index)

JAN turut terlibat dalam *task force* berkenaan dengan menghantar Timbalan Pengarah Penyelidikan dan *Quality Assurance Review* sebagai wakil dalam pasukan tersebut.

Objektif penubuhan *task force* adalah untuk memastikan data sebenar yang holistik mengenai pencapaian Negara diambil kira oleh semua agensi yang terlibat dalam penilaian daya saing Negara khususnya World Bank, *World Economic Forum* dan *Institute of Management Development*. *Taskforce* ini terdiri seramai 42 orang daripada pelbagai Kementerian dan Agensi yang bertanggungjawab untuk meneliti elemen daya saing negara termasuk *Malaysia Competitiveness Index, Global Competiveness Index dan IMD World Business Index*.

Task force ini berkampung selama 3 bulan iaitu bermula 18 September 2017 sehingga 17 Disember 2017 dan semua pegawai ditempatkan di *Civil Service Delivery Unit*, Jabatan Perdana Menteri. Setiap pegawai yang terlibat perlu meneliti 15 indeks atau item berdasarkan skala yang berkaitan.


Output penglibatan ini ialah pengemaskinian maklumat dan penyediaan carta alir berkaitan data-data indeks. Manakala *outcome* pula ranking Malaysia di *IMD World Competitiveness Index* telah bertambah baik daripada tangga ke-24 kepada tangga ke-22 daripada 63 negara.

PENILAIAN JAMINAN KUALITI (QUALITY ASSURANCE REVIEW - QAR)

QAR memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kawalan kualiti proses pengauditan, pelaporan serta sistem pengurusan JAN. Pembentukan dan kemajuan pelaksanaan QAR di JAN pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

Latar Belakang

Keperluan bagi melaksanakan jaminan kualiti telah dinyatakan dalam beberapa piawaian seperti *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAIs), *ASOSAI Guidelines on Audit Quality Management System* (AQMS), *ASOSAI Performance Audit Guidelines* dan *ISSAI Financial Audit Guidelines*.



Peer review assessment telah dilaksanakan pada tahun 2014 di peringkat SAI di mana *National Audit Office of United Kingdom* (UKNAO) telah dilantik sebagai penilai. UKNAO menyarankan supaya JAN memperkenalkan sistem kawalan kualiti yang formal dan kukuh. JAN perlu menambah baik sistem kawalan kualiti dengan merangkumkan penilaian kawalan kualiti secara bebas (independent quality control checks) semasa proses pengauditan dan mewujudkan pasukan khas untuk tugasan ini.

Aktiviti 2017

1 Januari

KELULUSAN KERTAS KONSEP PELAKSANAAN QAR

Penerangan berkenaan peranan, fasa pendekatan pelaksanaan dan pelaporan

2 Februari - Mac

UJI CUBA SENARAI SEMAK BAGI PENILAIAN JAMINAN KUALITI TERHADAP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (TERBITAN 2012)

Pilot audit ke atas Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan

3 April - Mei

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMANDU QAR

Dibentuk bagi memantau, menyelia, menyokong dan menilai pelaksanaan QAR serta tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pasukan audit selepas syor diberikan bagi memastikan proses pengauditan dan Laporan Ketua Audit Negara mencapai tahap kualiti yang setaraf dengan amalan baik antarabangsa.

4 Jun

PENUBUHAN JAWATANKUASA TEKNIKAL QAR

Dibentuk bagi menyemak dan menambah baik Dasar Kualiti dan Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan yang sedia ada serta menambah baik senarai semak penilaian jaminan kualiti selaras dengan perkembangan terkini standard dan metodologi pengauditan.

5 Julai - Disember

PENAMBAHBAIKAN DASAR KUALITI DAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI JABATAN SERTA SENARAI SEMAK PENILAIAN JAMINAN KUALITI

Senarai Semak yang ditambah baik:

- Senarai Semak Penilaian Jaminan Kualiti bagi Pengauditan Prestasi
- Senarai Senarai Semak Penilaian Jaminan Kualiti bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)
- Senarai Senarai Semak Penilaian Jaminan Kualiti bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan

PASUKAN RUJUKAN (SUBJECT MATTER EXPERTS - SME)

Pasukan Rujukan (Subject Matter Expert - SME) JAN merupakan 'point of reference' di kalangan warga JAN untuk mendapatkan ulasan dan pandangan berkaitan bidang pengauditan dan pengurusan. 12 Pasukan Rujukan SME yang ditubuhkan di JAN adalah seperti berikut.

Pasukan Rujukan (Subject Matter Experts [SME])

- Prestasi
- Pengauditan Pengkhususan **I** - Perolehan
- Pengauditan Pengkhususan **II** - *Fraud & Forensic*
- Pengauditan Pengkhususan **III** - Air dan Alam Sekitar
- Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs)
- Kewangan
- Pengauditan Pengkhususan **I** - Cukai Pendapatan, Kastam & Tanah
- Pengauditan Pengkhususan **II** - Jaminan Kualiti
- Pengauditan Syarikat Kerajaan
- Perundangan, Peraturan dan Standard
- Pengurusan dan Kewangan
- Teknologi Maklumat

Kemajuan 2017

Penyelarasan dan penyusunan semula pasukan SME berasaskan kepada kerangka kerja pengauditan

Penambahbaikan tugas dan tanggungjawab Ketua Pasukan dan ahli pasukan SME

Mesyuarat tahunan Pasukan SME pada April dan Disember 2017

Penyediaan Laporan Pasukan Rujukan disatukan

PENGUKUHAN UNIT AUDIT DALAM (UAD)

Pelaksanaan audit dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1. Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan untuk membantu Kementerian/Jabatan/agensi mencapai objektif yang ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Manakala Jabatan Audit Negara (JAN) pula berfungsi dan berperanan selaku pihak audit luar. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak iaitu JAN dan UAD mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian/Jabatan/agensi sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Pada masa ini, terdapat 298 UAD di sektor awam merangkumi Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

OBJEKTIF UNIT AUDIT DALAM

- Membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya
- Menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus

Fungsi Unit Audit Dalam

Perkhidmatan Jaminan	Perkhidmatan Perundingan
Pemeriksaan secara objektif terhadap pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus organisasi	Memberi khidmat nasihat Memberi nilai tambah dan menambah baik organisasi


Sehubungan dengan itu, dalam usaha memperkukuh *engagement* dan membantu memperkasa peranan UAD, JAN memainkan peranan dalam 4 aspek seperti berikut:

Peranan JAN Terhadap Pengukuhan UAD

Menyedia dan mengemaskini pangkalan data perjawatan UAD	Termasuk menyelaras maklumat Juruaudit dan Penolong Juruaudit lantikan JAN yang ditempatkan secara kader atau pinjaman di UAD Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
Menjalankan analisis isu-isu UAD	Menjalankan analisis terhadap pemerhatian-pemerhatian UAD, maklum balas dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi mengenal pasti perkara yang signifikan.
Menyelaras Rancangan Audit Tahunan UAD	Bertujuan untuk memastikan pengauditan dapat dijalankan dengan efisien dan lancar.
Mesyuarat berkala dengan UAD	Bertujuan untuk menyelaras perhubungan antara UAD dan JAN terutamanya melibatkan bidang pengauditan.

Pada tahun 2017, jumlah kedudukan perjawatan pegawai JAN di UAD adalah berjumlah 697 merangkumi pelbagai gred jawatan, iaitu sebanyak 650 perjawatan di UAD Kementerian/Jabatan Persekutuan, 27 perjawatan di UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan 20 perjawatan di UAD Agensi Persekutuan/Negeri. Kedudukan terperinci adalah seperti berikut:

Maklumat Perjawatan Pegawai JAN Kader/ Pinjaman



UAD Kementerian/ Jabatan Persekutuan	UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	UAD Agensi Persekutuan & Negeri
JUSA: 6 Pegawai	W52: 2 Pegawai	W52: 3 Pegawai
W54: 14 Pegawai	W48: 4 Pegawai	W48: 8 Pegawai
W52: 21 Pegawai	W44: 4 Pegawai	W44: 5 Pegawai
W48: 46 Pegawai	W41: 3 Pegawai	W32: 3 Pegawai
W44: 71 Pegawai	W36: 1 Pegawai	W29: 1 Pegawai
W41: 70 Pegawai	W32: 4 Pegawai	
W36: 53 Pegawai	W29: 9 Pegawai	
W32: 118 Pegawai		
W29: 251 Pegawai		

Sehubungan dengan itu, bagi memperkukuh *engagement* dengan UAD, JAN telah mengadakan 3 mesyuarat/perjumpaan YBhg. Tan Sri Dr. KANM bersama Ketua-Ketua Unit Audit Dalam (KUAD) Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2017. Maklumat lanjut sesi mesyuarat/perjumpaan tersebut adalah seperti berikut:

11 September 2017

Perjumpaan YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Audit Negara Malaysia Bersama Ketua Audit Dalam Kementerian/ Jabatan Persekutuan

Merupakan perjumpaan julung-julung kali di antara KANM dengan KUAD yang bertujuan untuk menyampaikan amanat dan pandangan YBhg. Tan Sri Dr. KANM kepada semua KUAD. Sesi ini menekankan kepada aspek *The Effective Role of Internal Audit - Myth or Reality.*

27 November 2017

Amanat YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Audit Negara Malaysia Semasa Mesyuarat KUAD di Kementerian Kewangan

YBhg. Tan Sri Dr. KANM telah memberi penekanan berkenaan peranan KUAD bagi meningkatkan lagi keberkesanan UAD selaras dengan cadangan hala tuju bagi memantapkan lagi keberkesanan peranan UAD Kementerian/Jabatan dan Kerajaan Negeri.

19 Disember 2017

Masyuarat Rancangan Audit Tahunan 2018 antara Jabatan Audit Negara dengan Unit Audit Dalam

Semasa mesyuarat ini, YBhg. Tan Sri Dr. KANM telah menyatakan hasrat JAN untuk memperkenalkan satu inisiatif baharu iaitu Pengauditan Berasaskan Pendekatan *Complementary* antara JAN dengan UAD bermula pada tahun 2018.

PENGAUDITAN SUSULAN

Pengauditan susulan merujuk kepada suatu aktiviti untuk memberi jaminan bahawa tindakan penambahbaikan dan pembetulan yang diambil auditi telah dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan dalam LKAN. Tindakan ini adalah selaras dengan ISSAI 3000 yang mengkehendaki setiap pengauditan prestasi disusul untuk memastikan tindakan pembetulan dan syor pengauditan telah dilaksanakan. Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri Bil. N811/2012 telah memutuskan agar JAN menyediakan *platform* bagi membolehkan isu dan maklum balas terkini LKAN dipaparkan secara *online*, telus, ringkas, padat dan tepat kepada rakyat. Paparan secara *online* ini juga telah menjadi pencetus bagi mempercepatkan penyelesaian isu berbangkit dalam LKAN oleh Kementerian/Jabatan/ Agensi dan seterusnya memperbaiki persepsi rakyat terhadap LKAN secara keseluruhannya. Keputusan ini secara tidak langsung menunjukkan peranan JAN dalam inisiatif Kerajaan menangani dan memerangi isu rasuah negara. Dalam menjalankan pengauditan susulan ini, JAN terlibat dalam 3 inisiatif seperti berikut:



Auditor General's Dashboard (AGD)



Jawatankuasa Tindakan LKAN (JTLKAN)



Jawatankuasa Siasatan (JKS)

AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD (AGD)

Auditor General's Dashboard (AGD) telah dilancarkan bagi memenuhi permintaan orang awam yang mahu Kerajaan bersikap telus dalam menangani penemuan audit yang dibangkitkan dalam LKAN. Akses secara *online* in membolehkan orang awam mengetahui tindakan yang telah atau sedang diambil terhadap penemuan-penemuan utama yang dibangkitkan dalam LKAN. Setiap penemuan dan kedudukan terkini dipaparkan secara ringkas bagi memudahkan orang awam memahami penemuan yang dibangkitkan dan tindakan yang diambil. Dengan adanya AGD ini, persepsi negatif orang awam terhadap kemampuan Kerajaan untuk bertindak dengan cepat dan tepat terhadap penemuan-penemuan yang dilaporkan dalam LKAN dapat dielakkan. Maklumat ringkas mengenai objektif dan impak AGD serta status paparan AGD pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:




- Memberikan kedudukan terkini mengenai LKAN kepada *stakeholders*/orang berkepentingan/orang awam
- Menggalakkan ketelusan
- Memberi dorongan kepada auditi untuk mempercepatkan penyelesaian isu-isu LKAN

Impak AGD

- Pemantauan dipertingkat bagi mengelak pembaziran/ penyelewengan
- Sistem dan proses kerja diperkemas untuk tujuan penyeragaman dan kualiti kerja
- Peningkatan kutipan tunggakan hasil dan pungutan lebihan bayaran yang lebih cekap
- Aset diurus dengan cekap/teratur



Status Paparan AGD pada 31 Disember 2017



JAWATANKUASA TINDAKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (JTLKAN)

Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) ditubuhkan sebagai satu mekanisme bagi membolehkan tindakan diambil oleh agensi penguatkuasaan terhadap isu yang melibatkan ketirisan/penyelewengan/pemborosan/penyalahgunaan kuasa dan juga sebagai mekanisme pemantauan terhadap penambahbaikan prosedur kerja/peraturan/pindaan terhadap undang-undang. Dengan adanya inisiatif ini, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dapat membincangkan jalan penyelesaian terhadap isu punitif yang dibangkitkan secara terperinci supaya isu yang sama tidak berulang. Maklumat keahlian JTLKAN dan mesyuarat yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 bagi membincangkan isu punitif LKAN Tahun 2016 adalah seperti berikut:

JTLKAN

Keahlian

Ketua Audit Negara Malaysia (Pengerusi) dan wakil daripada

- Polis Diraja Malaysia
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Jabatan Peguam Negara
- Jabatan Perkhidmatan Awam
- Kementerian Kewangan
- Unit Perancangan Ekonomi
- Bahagian Kabinet, Perlembagaan Dan Perhubungan Antara Kerajaan
- Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Tarikh Mesyuarat


2016	Pra Mesyuarat	Mesyuarat JTLKAN
Siri 1	18 Ogos 2017	24 Ogos 2017
Siri 2	12 Disember 2017	21 Disember 2017

Susulan daripada LKAN yang dibentangkan, terdapat 2 jenis isu yang dibangkitkan JAN, iaitu isu korektif dan punitif seperti berikut:

Isu Korektif
Melibatkan tindakan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja

Isu Punitif
Melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kecuaian

Isu punitif melibatkan kes tatatertib berkaitan Kementerian/Jabatan Persekutuan akan diserahkan kepada JPA untuk penubuhan Jawatankuasa Siasatan. Manakala, isu punitif berkaitan penyelewengan/penipuan/penyalahgunaan kuasa akan dibentangkan dalam Mesyuarat JTLKAN untuk tindakan penguatkuasaan oleh SPRM atau PDRM. Proses penyenaraian isu-isu punitif berdasarkan LKAN yang dibentangkan adalah seperti berikut:




Sumber: Susulan Audit Menurut Perspektif Jabatan Audit Negara Malaysia

JAWATANKUASA SIASATAN (JKS)

Bagi aspek tindakan susulan LKAN terhadap penjawat awam, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan (JKS) bagi menyiasat isu punitif yang dibangkitkan dalam LKAN melibatkan Kementerian/ Jabatan Persekutuan. Jawatankuasa ini akan mendapatkan keterangan yang relevan daripada aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sekiranya siasatan menunjukkan wujud asas mengenai penglibatan pegawai dalam salah laku atau kecuaian, maka tindakan tatatertib, surcaj, atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan dan prosiding tatatertib akan dimulakan. Manakala jika disyaki wujud unsur-unsur perlakuan rasuah, kes tersebut akan diserahkan kepada pihak SPRM untuk siasatan lanjut. Sekiranya tidak wujud sebarang unsur penyelewengan/penyalahgunaan kuasa/salah laku/kecuaian dalam pelaksanaan tugas, cadangan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan hendaklah dilaksanakan.

Dalam hal ini, JAN turut dijemput menghadiri pembentangan Laporan Siasatan oleh JKS dan salinan laporan tersebut turut dikemukakan bagi tujuan pengemaskinian kedudukan isu tersebut dalam AGD. Berikut merupakan statistik isu punitif bagi pembentangan LKAN Tahun 2016 mengikut siri serta maklumat status tindakan susulan bagi LKAN Tahun 2012 sehingga 2016:

Statistik Isu Punitif
LKAN 2016



STATUS TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 - 2016 (Dikemaskini sehingga 4 Jun 2018)

Hukuman	Bil. Pegawai	% Pegawai
Amaran	92	48.9
Denda	9	4.9
Tangguh Pergerakan Gaji	19	10.3
Turun Gaji	10	5.4
Turun Pangkat	1	0.5
Denda dan Amaran	3	1.6
Denda dan Surcaj	2	1.1
Surcaj dan Amaran	9	4.9
Tangguh Pergerakan Gaji dan Amaran	2	1.1
Turun Gaji dan Amaran	5	2.7
Turun Gaji dan Denda	1	0.5
Turun Pangkat dan Amaran	1	0.5
Buang Kerja	3	1.6
Surcaj	29	15.8
Jumlah Hukuman	**186**	**26.1**
Bebas	**463**	**64.8**
SPRM	**3**	**0.4**
Dalam Prosiding	**62**	**8.7**
Jumlah Keseluruhan	**714**	**100**

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL

Bagi memastikan tahap pengauditan yang dilaksanakan adalah berkualiti, JAN juga memberi penekanan terhadap proses pengauditan dan penulisan laporan termasuk perkara yang melibatkan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Sehubungan dengan itu, JAN sentiasa menggalakkan juruaudit mendapatkan khidmat nasihat daripada golongan pakar dalam bidang berkaitan yang mana khidmat nasihat ini dapat dipecahkan kepada 5 bidang utama seperti berikut:

5 Bidang Utama



Khidmat Nasihat Teknikal

Bagi aspek teknikal terutamanya melibatkan pengauditan prestasi bagi projek pembinaan, juruaudit boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Teknikal JAN yang menempatkan Jurutera secara kader daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Setakat 31 Disember 2017, seramai 24 Jurutera telah ditempatkan di JAN meliputi pelbagai bidang teknikal seperti kejuruteraan awam, ukur bahan dan arkitek. Kebanyakan khidmat nasihat teknikal yang sering dirujuk adalah berkaitan dengan isu pentadbiran kontrak dan pengurusan projek pembinaan. Dengan adanya khidmat nasihat dari kalangan Jurutera yang turut dilibatkan dalam proses pengauditan, kualiti pengauditan dan pelaporan yang tepat dari segi teknikal dapat dihasilkan. Sepanjang tahun 2017, Bahagian Teknikal JAN telah terlibat dalam 38 pengauditan dan 13 khidmat nasihat teknikal melalui pelbagai medium seperti berikut:



38 Bilangan

Pengauditan
Memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat dalam proses pengauditan prestasi projek pembinaan termasuk menjalankan pemeriksaan fizikal, membuat ukuran, ujian ringkas, menyediakan/menyemak laporan audit bagi memastikan LKAN lebih tepat dari aspek teknikal.



13 Bilangan

Khidmat Nasihat Teknikal
Memberi khidmat nasihat teknikal secara perbincangan/panggilan telefon/surat menyurat dan lain-lain kepada juruaudit berkaitan isu-isu teknikal khususnya pengauditan dan lain-lain nasihat yang diperlukan.

Khidmat Nasihat Alam Sekitar

Bagi aspek yang melibatkan pengauditan alam sekitar, Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) adalah agensi utama yang memberikan khidmat nasihat bersama-sama JAN iaitu melalui seksyen Alam Sekitar. Ini diterjemahkan melalui satu Nota Kerjasama antara JAN dengan Agensi tersebut. Untuk tahun 2017, khidmat nasihat telah diberikan oleh Seksyen Audit Alam Sekitar bagi 5 kajian seperti berikut:



5 Kajian

Pengauditan

Kajian Pengurusan Kawal Selia Air Negeri Melaka

Kajian Pengurusan Akaun Amanah Nelayan Negeri Melaka

Pengauditan Terhadap Projek Pembinaan Marina Awam, Kementerian Pengangkutan

Pengauditan Syarikat Kerajaan MAINS Holdings Sdn. Bhd. - Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan

Pengurusan Hasil Pembalakan Negeri Terengganu

Khidmat Nasihat Alam Sekitar

Menentukan ketepatan ukuran lokasi pembalakan sebenar;

Menentukan kadar hakisan pantai negara dalam satu-satu masa yang diperlukan; dan

Menentukan kedudukan satu-satu objek melalui perkhidmatan *satelite*.

Khidmat Nasihat Air

Bagi aspek yang melibatkan pengauditan air pula, juruaudit boleh membuat rujukan kepada Seksyen Air di mana sepanjang tahun 2017, seksyen ini telah terlibat secara langsung dalam 2 kajian pengauditan. Skop khidmat nasihat yang diberikan biasanya dibincangkan dengan pasukan audit dan meliputi perkara seperti berikut:



2 Kajian

Pengauditan

Projek Bekalan Air Mukah, Sarawak

Pengurusan Kawal Selia Sumber Air, Negeri Sembilan

Khidmat Nasihat Air

Memberikan input berkaitan perkara teknikal dalam penyediaan Memorandum Perancangan Audit;

Menghadiri *entrance conference*;

Menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan dengan perkara teknikal;

Lawatan ke tapak projek;

Menyedia dan menyemak draf pemerhatian audit;

Menghadiri *exit conference*; dan

Menyemak draf laporan audit

Khidmat Nasihat Teknologi Maklumat

Seterusnya, bagi memperkukuh pengauditan melibatkan aspek teknologi maklumat (ICT), juruaudit juga boleh merujuk kepada Bahagian Pengauditan ICT JAN yang mempunyai kepakaran dalam penggunaan perisian *Audit Command Language* (ACL) dan analisis data. Berikut merupakan khidmat nasihat ICT yang dirujuk oleh juruaudit bagi khidmat nasihat *Audit Command Language* (ACL), *data analytics* dan analisis data sepanjang tahun 2017.



Khidmat nasihat ICT

Audit Command Language (ACL) - 4 Bilangan

Data Analytics -1 Bilangan

Analisis Data -18 Bilangan

Khidmat Nasihat Perundangan

Selain itu, bagi memantapkan pengauditan yang dilaksanakan, juruaudit turut mendapatkan pandangan Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang dalam proses pengauditan. Unit ini bertanggungjawab untuk memberi nasihat dari segi undang-undang terhadap kajian pengauditan yang dijalankan terhadap kewangan, prestasi dan projek Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta syarikat/anak syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Hal ini termasuklah memberi pandangan berhubung ketepatan rujukan peruntukan undang-undang sebagai kriteria pengauditan. Selaras dengan fungsi dan tanggungjawab Unit ini juga, Unit ini akan memberi pandangan bagi setiap kajian pengauditan yang dirujuk oleh juruaudit bermula dari pembentangan *1st Cut*, *exit conference*, Mesyuarat Isu-Isu Punitif Bersama Agensi Penguatkuasa serta Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan LKAN yang diadakan bagi setiap siri.

Secara keseluruhannya, dengan adanya ruang yang membolehkan juruaudit membuat rujukan dan mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak yang pakar dalam bidang-bidang berkaitan, kualiti pengauditan dan penulisan laporan yang berkesan dapat dipertingkatkan dan dimantapkan. Ini secara tidak langsung dapat mengelak laporan pengauditan yang dihasilkan JAN dipertikai oleh pihak lain.

APLIKASI PENGURUSAN AUDIT

Aplikasi pengauditan utama yang digunakan di JAN adalah Sistem eAudit, eARAS dan eFAS.

eAudit: Sistem eAudit ini adalah sistem pengurusan audit secara menyeluruh di JAN yang antaranya mengandungi maklumat seperti penyediaan rancangan audit tahunan, maklumat pengauditan, laporan, *data analytic*, repositori, modal insan, auditi, susulan audit dan kertas kerja elektronik (*eWorking Paper*) bagi penyata kewangan interim dan muktamad.

eAras: '*Electronic Audit Rating System* (Sistem eARAS)' adalah satu sistem yang menyimpan semua maklumat berkaitan prestasi penarafan audit Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam berdasarkan Indeks Akauntabiliti. Sistem eARAS ini telah berjaya membantu Jabatan dan juruaudit dalam proses pemarkahan bagi pengauditan Indeks Akauntabiliti. Melalui eARAS, prestasi auditi dapat ditentukan setiap tahun dan laporan berkaitan dapat dikeluarkan.

eFAS: Sistem eFAS menyediakan kemudahan kepada pengguna di Firma Audit Swasta (FAS) untuk menguruskan maklumat firma yang menjalankan pengauditan di JAN. Sistem eFAS merupakan sistem pengurusan pelantikan dan pemantauan Firma Audit Swasta (FAS). Sistem ini merangkumi proses pendaftaran FAS, pemilihan, pelantikan, penilaian prestasi FAS sehingga pembayaran. Dengan penggunaan sistem ini pengurusan Firma Audit Swasta (FAS) telah dapat dipertingkatkan.

Sistem eAudit yang digunakan ini telah berjaya membantu juruaudit dalam menyediakan rancangan audit tahunan dengan cepat dan bersistematik, menyediakan maklumat pengauditan




eWorking Paper
Sektor Audit Kewangan
- Pengurusan Audit
- Fail Kertas Kerja dan Bukti Audit

Sistem eAudit
BNM, KWSP, KWAP, PERKESO, LTH, LTAT

13 Negeri

25 Kementerian/ 101 Jabatan (Kerajaan Persekutuan)

Sistem eAras 15



bagi tujuan pelaporan serta mempercepatkan dan memperkemaskan pengauditan interim dan muktamad yang sebelum ini dibuat secara manual. eAudit juga menyimpan maklumat semua panduan, garis panduan dan pekeliling yang dijadikan rujukan oleh juruaudit semasa pengauditan dijalankan. Sistem eAudit dijadikan sumber rujukan utama di JAN bagi maklumat pegawai dan kakitangan audit serta pasukan pengauditan. Sistem eAudit juga menyimpan profail setiap auditi yang telah atau akan diaudit.

FOKUS 2017

HALA TUJU PEMANTAPAN KEBERKESANAN UNIT AUDIT DALAM DI KEMENTERIAN/NEGERI/JABATAN

Dalam usaha Jabatan Audit Negara (JAN) meningkatkan keberkesanan Unit Audit Dalam (UAD) di sektor awam, JAN telah mengambil inisiatif dengan merangka hala tuju ke arah pemantapan keberkesanan Unit Audit Dalam Kementerian/ Jabatan/Agensi bagi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Hala tuju pemantapan keberkesanan UAD tersebut dirangka berdasarkan penambahbaikan yang boleh diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan. Bagi melaksanakan hasrat tersebut,

JAN telah menyediakan kertas pembentangan mengenai hala tuju tersebut yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2017 pada 16 Oktober 2017. Pembentangan ini telah dibuat oleh YBrs. Timbalan Pengarah Penyelidikan & QAR dalam mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang turut dihadiri oleh KANM, Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan selaku Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan. Objektif pembentangan ini adalah untuk memperjelaskan aspek audit dalam dalam perspektif kerangka kerja tadbir urus yang diiktiraf atau mengikut standard antarabangsa. Secara khususnya, pembentangan tersebut telah memperjelaskan perkara seperti berikut:

a. fungsi sebenar audit dalam;

b. perbezaan Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam;

c. aspek *line of defense* dalam sebuah organisasi dan tadbir urus yang kukuh;

d. analisis gap dan keberkesanan audit dalam; dan

e. syor penambahbaikan dan hala tuju menambah baik atau meningkatkan keberkesanan audit dalam.

Antara inti pati syor penambahbaikan dan hala tuju meningkatkan keberkesanan audit dalam adalah:

Bagi hasrat penjelasan secara terus kepada pihak yang bertanggungjawab, YBhg. Tan Sri Dr. KANM sendiri telah menyampaikan hala tuju dan syor penambahbaikan tersebut kepada Ketua Audit Dalam (KUAD) pada 27 November 2017 selaras dengan kertas pembentangan yang dibuat. Dengan meningkatnya keberkesanan audit dalam melalui penambahbaikan yang disyorkan dan *engagement* dengan pihak JAN, aspek kawalan dalaman dan tadbir urus pengurusan kewangan dapat dibuat dengan lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan tahap akauntabiliti sektor awam sejajar dengan ekspektasi orang awam.

Way Forward

Hala Tuju Bagi Meningkatkan Keberkesanan Audit Dalam



- Rancangan Audit Tahunan diselaraskan antara JAN dan UAD
- Mesyuarat berkala 2 kali setahun antara JAN dan UAD
- Komposisi Jawatankuasa Audit Dalam ditambah baik
- Penganalisisan isu-isu pengauditan UAD oleh JAN dan MOF
- Jawatankuasa Pemandu Audit Dalam Sektor Awam
- Pelan latihan disediakan bersama oleh JAN, UAD dan MOF selaras dengan IIAM
- Kajian semula pendekatan serta kaedah pengauditan


MPJC

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN



MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN


Aspek pengurusan dari segi kewangan, pentadbiran dan pengurusan sumber manusia amat dititikberatkan bagi memastikan fokus JAN dalam melaksanakan fungsi pengauditan dijalankan dengan baik. Pengurusan kewangan dan pentadbiran dilaksana dengan cekap dan teratur berlandaskan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa. JAN juga sentiasa menekankan aspek pengukuhan modal insan melalui pembangunan kapasiti, pembangunan kerjaya, pengurusan kompetensi dan pemantapan integriti di kalangan warga JAN.

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Aspek utama pengurusan kewangan dan pentadbiran yang diberi penekanan merangkumi perkara seperti pengurusan kewangan, projek pembangunan dan pengurusan berkaitan Firma Audit Swasta.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2017, peruntukan perbelanjaan mengurus JAN adalah berjumlah RM140,284,800 (termasuk B11 berjumlah RM4,400,000). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM137,879,926 atau 98.29% telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:





Pengurusan Kewangan tahun 2017 adalah lebih mencabar berbanding tahun 2016 kerana peruntukan yang diterima adalah lebih rendah sebanyak RM21,123,200 atau 13.09% berbanding tahun 2016 sebanyak RM161,408,000. Walau bagaimanapun, setelah perancangan semula aktiviti, program dan pelaksanaan langkah perbelanjaan berhemat dilaksanakan, Jabatan telah berjaya mencapai Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan.

PROJEK PEMBANGUNAN

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, JAN telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM22,358,974 bagi melaksanakan 3 aktiviti pembangunan utama iaitu Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu, Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah dan perolehan serta kerja-kerja ubahsuai Pusat Budi Penyayang di Bertam untuk dijadikan Wisma Audit Negeri Pulau Pinang. Selain itu, di bawah perjanjian Konsesi di antara Kerajaan Malaysia dengan Putrajaya Bina Sdn. Bhd, JAN telah diperuntukkan ruang pejabat baharu di Blok F2 dan F3. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 24 Mei 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2018. Perpindahan JAN dari bangunan sedia ada (2G4) ke bangunan baharu dijangka akan bermula pada bulan Mac 2019.



Pejabat Jabatan Audit Negara di Kompleks Parcel F, Putrajaya sedang dalam proses pembinaan





Projek pembangunan Pejabat Jabatan Audit Negara di Kompleks Parcel F, Putrajaya yang dijangka siap pada bulan Disember 2018

Sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM17,037,668 telah dibelanjakan untuk 3 aktiviti pembangunan utama JAN. Maklumat terperinci peruntukan dan perbelanjaan pembangunan tahun 2017 adalah seperti berikut:

	PERUNTUKAN DIKEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.12.2017 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu	10,960,084.00	10,370,293.49	94.62%
Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah	5,039,916.00	393,889.00	7.82%
Perolehan dan kerja-kerja ubahsuai Pusat Budi Penyayang di Bertam untuk dijadikan Wisma Audit Negeri Pulau Pinang	6,358,974.00	6,273,486.00	98.66%
JUMLAH	22,358,974.00	17,037,668.00	76.20%

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2017



Projek Pembinaan Wisma Audit Negeri Terengganu







Sekitar projek pembangunan Wisma Audit Negeri Sabah

FIRMA AUDIT SWASTA

Selain itu, salah satu aspek yang dilihat penting untuk menyokong dan memastikan fungsi utama pengauditan dapat dilaksanakan dengan lancar adalah pelantikan Firma Audit Swasta (FAS). FAS merujuk kepada firma audit luar yang dilantik untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan bagi pihak KANM dan mengemukakan laporan tersebut untuk semakan JAN sebelum sijil audit dikeluarkan. Pelantikan ini di buat selaras dengan Seksyen 7 (3) Akta Audit 1957 yang membenarkan KANM memberi kuasa kepada mana-mana orang yang difikirkannya berwibawa untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya.

Setakat 31 Disember 2017, sebanyak 78 FAS telah berdaftar dengan pihak JAN di mana 40 daripadanya merupakan FAS Bumiputera dan 38 FAS Bukan Bumiputera. Pengemaskinian pendaftaran dan maklumat-maklumat FAS yang terlibat dibuat melalui sistem eFAS. Setakat 31 Disember 2017, sebanyak 384 agensi Kerajaan terlibat dalam pengauditan oleh FAS di mana sebanyak 296 pelantikan/pelanjutan FAS telah dibuat sepanjang tahun 2017 untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan agensi Kerajaan ini bagi pihak JAN.




PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Selain daripada pengukuhan pengurusan kewangan dan pentadbiran, JAN juga memberi penekanan terhadap aspek pembangunan modal insan. Pengukuhan aspek pembangunan modal insan ini merangkumi pelaksanaan program kursus dan latihan kepada warga JAN termasuk di kalangan juruaudit, peluang pembangunan kerjaya dan melanjutkan pelajaran, pengurusan kompetensi juruaudit dan pengukuhan integriti warga JAN melalui program-program yang dilaksanakan.

KEDUDUKAN PERJAWATAN DAN PERSONEL

Perjawatan yang diluluskan bagi JAN pada tahun 2017 adalah 2,040 perjawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,838 atau 90.09% perjawatan telah diisi. Maklumat kedudukan perjawatan dan personel JAN pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN PERJAWATAN DAN PERSONEL SEHINGGA 31 DISEMBER 2017



KEWANGAN (W) | KEWANGAN (WA) | PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK (M)
KEJURUTERAAN (J) | UNDANG-UNDANG (L) | SISTEM MAKLUMAT (F)
PUSTAKAWAN/SOSIAL (N) | PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)
KEMAHIRAN (H) | KESELAMATAN (KP)

10 JENIS SKIM PERKHIDMATAN


Berdasarkan kedudukan perjawatan dan pengisian semasa personel, JAN sentiasa memastikan urusan berkaitan pengurusan sumber manusia merangkumi urusan pelantikan semua kumpulan pegawai dan kakitangan, penempatan, pertukaran, pengesahan dan perjawatan dibuat dengan efisien dan teratur. Ini bagi memastikan semua perancangan kerja JAN dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan.

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI JAN


Program pembangunan kapasiti JAN dilaksanakan oleh Akademi Audit Negara (AAN) dan Sektor Pengurusan.


- **Akademi Audit Negara (AAN)**

Objektif AAN adalah untuk membangun dan meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga JAN dalam bidang pengauditan sektor awam dan bidang lain yang berkaitan. Peranan yang penting ini memerlukan penetapan hala tuju yang jelas dan merancang sistem latihan yang sistematik dan komprehensif bagi merealisasi visi untuk menjadi institusi rujukan pengauditan sektor awam di peringkat nasional dan antarabangsa. Lima teras yang dihuraikan dalam Pelan Strategik AAN 2016 - 2020 adalah menyokong kepada Teras Strategik Keempat dalam Pelan Strategik JAN 2016 - 2020 iaitu Memperkukuhkan Pembangunan Kapasiti dan Modal Insan Bagi Meningkatkan Profesionalisme Juruaudit.



Pelaksanaan Pelan Strategik AAN 2016 - 2020 adalah dibimbing dan dipantau dengan rapi oleh Jawatankuasa Latihan JAN yang dipengerusikan oleh KANM yang mana bermesyuarat pada setiap suku tahun.





85% KURSUS YANG DILAKSANAKAN HENDAKLAH MENCAPAI **80%** PENILAIAN KEBERKESANAN



Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Bil. 1/2017 yang diadakan pada 28 Mac 2017

AAN melaksanakan tidak kurang daripada 65 kursus setiap tahun di bawah 4 program iaitu pengauditan, perakaunan, teknologi maklumat dan pengurusan. Kursus-kursus bagi program pengauditan, perakaunan dan teknologi maklumat dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu asas, pertengahan dan lanjutan. Semua program latihan ini bukan hanya ditawarkan kepada warga JAN tetapi juga terbuka kepada Unit Audit Dalam dan agensi Kerajaan. Sebanyak 72 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2017 dan 97% kursus yang dilaksanakan mencapai tahap 80% penilaian keberkesanan.

Pada tahun 2017, latihan mengikut zon serta kaedah pembelajaran secara atas talian dan bersemuka (eblended) telah diperkenalkan bagi menjimatkan masa dan kos. Sebanyak 5 modul ePembelajaran iaitu ISSAI 200 - *Fundamental Principle of Financial Auditing*; Pengauditan ICT; Pengauditan Mengejut; *Risk Based Audit Approach of Financial Audit* (RBAFA) dan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akuntabiliti telah dimuat naik dalam portal e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

AAN telah melaksanakan 25 kursus atas permintaan agensi luar seperti Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga-lembaga Pelabuhan dan PERKESO dalam bidang pengauditan dan teknologi maklumat. Seramai 78 pegawai telah dibiayai oleh AAN untuk menghadiri 31 kursus/seminar/persidangan anjuran agensi luar seperti institut latihan awam/swasta dan badan profesional berkaitan pengauditan forensik, standad perakaunan, IT, pengurusan risiko dan tadbir urus. Memandangkan AAN merupakan institusi latihan awam, kemudahan fasiliti AAN juga ditawarkan kepada mana-mana agensi Kerajaan yang berminat.

- **Sektor Pengurusan**

Bagi program latihan yang bersifat generik pula dikendalikan oleh Sektor Pengurusan melalui penganjuran Ceramah Eksekutif, Kursus Luar, Kursus Bersekala Besar dan *In House Training*. Objektif latihan adalah menjurus kepada menyediakan anggota JAN dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang berterusan yang bersesuaian melalui pembelajaran berterusan bagi memastikan pembangunan modal insan JAN yang holistik selaras dengan teras strategik keempat JAN dalam pelan strategik JAN 2016-2020.

PELAKSANAAN PROGRAM KURSUS DAN LATIHAN ANJURAN JAN TAHUN 2017

AKADEMI AUDIT NEGARA

PROGRAM PENGAUDITAN — 20
Kursus Pengauditan Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan, Prestasi, Tadbir Urus, Perolehan, Alam Sekitar, Laporan Ketua Audit Negara: *Key Audit Matters,* Forensik dan Pengurusan Kontrak.

PROGRAM PERAKAUNAN — 19
Standard perakaunan (MPSAS, MFRS, MPERS), Kursus Perakaunan GST, Kewangan Korporat, Perakaunan Forensik dan Perakaunan bagi bukan Akauntan.

PROGRAM IT — 18
Kursus *Audit Command Language*, Kawalan dan Aplikasi IT, ePenyata Kewangan, Perisian IT (PREZI, MS Publisher, MS Powerpoint), Forensik Digital dan *Data Analytic*.

PROGRAM PENGURUSAN — 15
Kursus Program Transformasi Minda, Kursus Asas Juruaudit & Penolong Juruaudit, Fotografi, Intensif Peperiksaan, *Training of Trainers: Certified Professional Educator,* Pembangunan Modul, Pra-Persaraan, Pengurusan Dokumen Rasmi, Penulisan Laporan dan Surat Rasmi dan Pengurusan Fail dan Rekod.

SEKTOR PENGURUSAN

CERAMAH EKSEKUTIF — 3
Ceramah daripada tokoh-tokoh terkemuka untuk mendedahkan warga JAN dengan topik-topik umum dan perkara semasa yang memberi impak kepada prestasi kerja.

KURSUS LUAR — 4
Kursus bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan seperti tatacara dan peraturan pengurusan kewangan, sumber manusia dan pentadbiran. Penceramah yang terlibat terdiri daripada pakar dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan Arkib Negara.

KURSUS BERSKALA BESAR — 1
Kursus yang dikhaskan kepada pegawai yang menghadapi masalah pengurusan kewangan. Penceramah yang terlibat terdiri daripada Unit Integriti dan pihak AKPK.

IN-HOUSE TRAINING — 2
Ceramah daripada kepakaran dalaman bertujuan untuk berkongsi ilmu atau meningkat kecekapan dan kemahiran dalam proses kerja.

JUMLAH PESERTA **2,383**

731 JUMLAH PESERTA

SERAMAI **3,114** PESERTA TERDIRI DARIPADA PEGAWAI PELBAGAI GRED DAN JAWATAN TELAH MENGHADIRI KURSUS DAN LATIHAN YANG DIANJURKAN JAN SEPANJANG TAHUN 2017.

KURSUS DAN LATIHAN ANJURAN AKADEMI AUDIT NEGARA **72**

KURSUS DAN LATIHAN ANJURAN SEKTOR PENGURUSAN **10**

JUMLAH **82**

PEMBIAYAAN PEGAWAI JAN KE KURSUS/SEMINAR/PERSIDANGAN ANJURAN LUAR PADA TAHUN 2017

JAN MENERUSI AKADEMI AUDIT NEGARA TELAH MEMBIAYA SERAMAI

78 PEGAWAI

UNTUK MENGHADIRI

31 KURSUS

ANJURAN AGENSI LUAR SEPERTI INSTITUT LATIHAN AWAM/SWASTA DAN BADAN PROFESIONAL BERKAITAN PENGAUDITAN FORENSIK, STANDARD PERAKAUNAN, IT, PENGURUSAN RISIKO DAN TADBIR URUS.

KURSUS ANJURAN AKADEMI AUDIT NEGARA





Kursus Program Transformasi Minda (PTM) dan Asas Juruaudit & Penolong Juruaudit pada 13 Februari 2017



Bengkel Data Analitik pada 25 September 2017



Kursus Hakisan Pantai pada 3 Oktober 2017



Kursus Pengurusan Kewangan AI pada 29 Disember 2017

Ceramah Eksekutif



Ceramah Eksekutif Bil. 1/2017 bertajuk "Memahami Dasar Ekonomi Negara"
pada 9 Mac 2017





Ceramah Eksekutif Bil. 2/2017 bertajuk "Peribadi Insaniah"
pada 6 Jun 2017 yang diadakan bersempena Mesyuarat Agong
PUSPANITA Cawangan Kecil JAN



Ceramah Eksekutif Bil. 3/2017 bertajuk "Program Terapi Minda"
pada 14 November 2017

Kursus Luar



Bengkel Pembangunan Kod Klasifikasi Fail Bersama Arkib Negara pada 25-27 April 2017



Bengkel Penyediaan Permohonan Anggaran Bajet Mengurus & Pengurusan Emolumen, Gaji dan Elaun pada 18-20 September 2017

In-House Training




Antara aktiviti peserta semasa *In-House Training* bertajuk "I Am Me" pada 24 Ogos 2017



Timbalan Pengarah, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran berkongsi ilmu dalam sesi *In-House Training* bertajuk "Personaliti dan Keseronokan Berkerja" pada 11 Mei 2017

PEMBANGUNAN KERJAYA

Dalam usaha JAN mencapai matlamat program pembangunan sumber manusia terutamanya melahirkan modal insan yang berpengetahuan, terlatih dan kompeten yang dapat memenuhi keperluan strategik Jabatan dan negara, JAN sentiasa menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk melanjutkan pelajaran sama ada melalui Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) atau mana-mana kemudahan lain yang ditawarkan. Sehingga 31 Disember 2017, seramai 4 orang pegawai JAN sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD, 29 orang pegawai di peringkat Sarjana dan 54 orang di peringkat Sarjana Muda. Bagi peringkat profesional pula, seramai 12 orang pegawai sedang mengikut program *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA). Daripada jumlah tersebut, seramai 23 orang pegawai melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa, manakala 76 orang selebihnya melanjutkan pelajaran secara sambilan.



PENGURUSAN KOMPETENSI

Selain itu, salah satu aspek pengurusan kompetensi juruaudit di JAN ialah peperiksaan Jabatan. Peperiksaan Jabatan ini dibuat bagi tujuan untuk mengukur tahap kompetensi dan pengetahuan Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 yang belum disahkan dalam perkhidmatan bagi membolehkan mereka memahami undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa, asas dan tatacara perakaunan dan pengauditan serta boleh mengaplikasikannya dalam segala urusan kerja harian. Peperiksaan di JAN boleh dibahagikan kepada 2 iaitu Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 Dalam Percubaan dan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41.

Pada tahun 2017, Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2017 telah diadakan pada 23 hingga 25 Mei 2017. Manakala Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2017 dan Peperiksaan Khas KPSL ke Skim Juruaudit W41 Tahun 2017 telah diadakan pada 21 hingga 23 November 2017. Maklumat mengenai peperiksaan yang dilaksanakan JAN adalah seperti berikut:

PEPERIKSAAN JABATAN

- SUKATAN PEPERIKSAAN JAN DILULUSKAN OLEH LEMBAGA PEPERIKSAAN JABATAN PERDANA MENTERI
- 2 JENIS PEPERIKSAAN
- PANEL PEPERIKSAAN JAN DIKETUAI OLEH KANM
- 5 PUSAT PEPERIKSAAN DIBUKA MENGIKUT ZON

01

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN JURUAUDIT GRED W41 DAN PENOLONG JURUAUDIT W29 DALAM PERCUBAAN UNTUK TUJUAN PENGESAHAN JAWATAN

DIBUKA **2 KALI SETAHUN**

STRUKTUR SOALAN **3 KERTAS**

- KERTAS PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG
- KERTAS PERAKAUNAN
- KERTAS PENGAUDITAN

PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2017

- 23 HINGGA 25 MEI 2017
- 52 ORANG CALON

PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2017

- 21 - 23 NOVEMBER 2017
- 42 ORANG CALON

02

PEPERIKSAAN KHAS KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) KE SKIM PERKHIDMATAN JURUAUDIT GRED W41

DIBUKA **1 KALI SETAHUN**

STRUKTUR SOALAN **3 KERTAS**

- KERTAS GENERIK
- KERTAS FUNGSIONAL -PERAKAUNAN
- KERTAS FUNGSIONAL - PENGAUDITAN

PEPERIKSAAN KPSL TAHUN 2017

- 21 - 23 NOVEMBER 2017
- 4 ORANG CALON

PENGINSTITUSIAN, PEMBUDAYAAN DAN PELAKSANAAN INTEGRITI

JAN telah mengambil langkah untuk memantapkan integriti dengan penubuhan Unit Integriti berdasarkan 6 fungsi teras bagi memastikan pegawai JAN mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Ini sekaligus dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan warga JAN.

TADBIR URUS

- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

PENGUKUHAN INTEGRITI

- Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

PENGESANAN DAN PENGESAHAN

- Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan

- Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

PENGURUSAN ADUAN

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

PEMATUHAN

- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

TATATERTIB

- Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 2013

PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI

Program Pemantapan Integriti telah dilaksanakan secara tahunan di JAN bagi memupuk dan mempertingkatkan kesedaran pegawai dalam mengamalkan budaya kerja yang beretika dan berintegriti. Sepanjang tahun 2017, Program Pemantapan Integriti ini telah dijalankan di 3 JAN Negeri, iaitu Johor, Perak dan Kedah. Program ini telah dijayakan melalui konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama pihak Agensi Antidadah Kebangsaan di mana taklimat "Tempat Kerja Bebas Dadah" dan ujian saringan air kencing turut dimasukkan sebagai salah satu pengisian program.

Dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)
bersama pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

5 PENGISIAN PROGRAM

- Taklimat Pemantapan Integriti (tatakelakuan, tatatertib dan pengisytiharan harta)
- Taklimat 'Tempat Kerja Bebas Dadah'
- Ujian Saringan Air Kencing
- Program Bersama Pegawai Psikologi
- Sesi 'Up Close & Personal' bersama pegawai JAN

3 JAN NEGERI YANG TERLIBAT

JAN NEGERI **JOHOR** — **25 & 26 APRIL 2017**

JAN NEGERI **PERAK** — **17 & 18 MEI 2017**

JAN NEGERI **KEDAH** — **6 - 8 NOVEMBER 2017**



Program Pemantapan Integriti di JAN Negeri Johor

NAZIRAN DAN PEMANTAUAN INTEGRITI

Naziran dan Pemantauan Integriti telah dijalankan sepanjang tahun 2017 di JAN sebagai usaha untuk mempertingkatkan sistem tadbir urus Jabatan dan budaya kerja yang berkualiti dengan mematuhi peraturan sedia ada. Naziran Integriti dibuat berdasarkan susulan terhadap naziran eSPKB/naziran dalaman JAN yang telah dijalankan pada tahun semasa serta isu-isu lain yang berbangkit. Manakala, Pemantauan Integriti pula memfokuskan kepada isu-isu tatakelakuan pegawai dan hal ehwal pentadbiran di JAN. Bagi mengoptimumkan perbelanjaan dan masa, Naziran Integriti telah dilaksanakan bersekali dengan Program Pemantapan Integriti di 3 Negeri iaitu di JAN Negeri Johor, Perak dan Kedah. Manakala Pemantauan Integriti pula telah dijalankan di 3 JAN Negeri lain, iaitu Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka serta di semua sektor peringkat ibu pejabat JAN meliputi semua cawangan di Putrajaya dan Kuala Lumpur.

SEKTOR/JAN NEGERI TERLIBAT 11

5 PERINGKAT IBU PEJABAT

Pejabat KANM
Sektor Audit Prestasi
Sektor Audit Kewangan
Sektor Audit Tadbir Urus
Sektor Pengurusan

SEMAKAN DOKUMEN YANG TERLIBAT:

- Pematuhan Susulan Naziran eSPKB/Audit Dalam JPM/ Arahan/Pekeliling-pekeliling Semasa
- Kad Perakam Waktu
- Borang cuti rehat, cuti sakit, *time off* dan lain-lain
- Tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa
- Buku Log Kenderaan
- Baucar Bayaran

6 PERINGKAT NEGERI:

JAN NEGERI **JOHOR**

JAN NEGERI **PERAK**

JAN NEGERI **KEDAH**


JAN NEGERI **PAHANG**

JAN NEGERI **SEMBILAN**

JAN NEGERI **MELAKA**

PERISYTIHARAN HARTA

Selain itu, salah satu aspek penting dalam pemantapan integriti penjawat awam adalah perisytiharan harta. JAN sentiasa membuat peringatan kepada seluruh pegawai supaya sentiasa mengemaskini maklumat pengisytiharan harta sebagaimana yang telah digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002. Sehingga 31 Disember 2017, JAN telah berjaya mencapai sasaran 100% perisytiharan harta pegawai JAN dengan perincian seperti berikut:




MPIC

MENINGKAT JALINAN ANTARABANGSA



MENINGKAT JALINAN ANTARABANGSA

Dalam usaha meningkatkan imej JAN di peringkat antarabangsa, penekanan diberi melalui penglibatan aktif dalam persidangan, seminar, bengkel, kursus, mesyuarat dan pembentangan kertas kerja anjuran institusi-institusi antarabangsa yang dianggotai. Penyertaan dalam aktiviti tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan jalinan perhubungan JAN dengan Institusi Audit Antarabangsa yang lain, tetapi dalam masa yang sama dapat memberi pendedahan kepada pegawai mengenai pengauditan sektor awam di peringkat antarabangsa melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan. Penglibatan JAN di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:

KEANGGOTAAN/PENGLIBATAN JAN DALAM PERTUBUHAN/ORGANISASI ANTARABANGSA

Pertubuhan Institusi Audit Antarabangsa	Pertubuhan Audit Negara Asia	Pertubuhan Audit Negara Asia Tenggara
International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)	Asian Organization of Supreme Audit Institutions (ASOSAI)	ASEAN Supreme Audit Institutions (ASEANSAI)

PENGLIBATAN DALAM INTOSAI

INTOSAI telah ditubuhkan lebih dari 50 tahun yang lalu dan dianggotai oleh 194 negara. Penubuhannya adalah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan dan pemindahan pengetahuan, meningkatkan pengauditan sektor awam di seluruh dunia dan meningkatkan keupayaan profesional serta kedudukan ahli SAI di negara masing-masing.

Sehingga tahun 2017, JAN merupakan ahli kepada tiga (3) *Working Group INTOSAI* iaitu *Working Group on Environment Auditing* (WGEA), *Working Group on IT Audit* (WGITA) dan *Working Group on Fight Against Corruption and Money Laundering* (WGFAMLC). Bagi tahun 2017, JAN telah terlibat dalam 6 program/aktiviti INTOSAI seperti berikut:

30-31 Mac 2017
Transregional Programmed on Audit of Lending and Borrowing Framework di Oslo, Norway

10-11 Mei 2017
Audit of Corruption Prevention in Public Procurement of INTOSAI Working Group on Fight Against Corruption and Money Laundering di Prague, Republik Czech

22-24 Mei 2017
26th Meeting WGITA & AIRI International Seminar di Korea Selatan

13-22 September 2017
SAI Fighting Corruption Programmed-Audit Planning Meeting di Bangkok, Thailand

6-10 November 2017
Quality Assurance Workshop on ISSAI Implementation (IDI) di Tbilisi, Georgia

4-8 Disember 2017
Audit Planning SDG Meeting di Jaipur, India

SOROTAN GAMBAR DI PERINGKAT INTOSAI



Audit of Corruption Prevention in Public Procurement of INTOSAI Working Group on Fight Against Corruption and Money Laundering di Prague, Republik Czech



The 26th Meeting of INTOSAI Working Group on IT Audit pada 22 dan 23 Mei 2017 di Seoul, Korea Selatan

PENGLIBATAN DALAM ASOSAI

ASOSAI sebuah badan bebas yang bernaung di bawah INTOSAI telah ditubuhkan pada tahun 1979 oleh 11 buah negara. Malaysia merupakan salah sebuah negara pengasas kepada ASOSAI yang ditubuhkan pada tahun 1979. Mulai 2015 - 2018, KANM merupakan Pengerusi ASOSAI. ASOSAI kini dianggotai oleh 46 buah negara dari benua Asia.

Malaysia telah diberi mandat untuk menerajui ASOSAI selaku Pengerusi ASOSAI bagi tempoh 2015 - 2018. Sepanjang tempoh ini, Malaysia amat komited dalam menghadiri persidangan dan seminar antarabangsa yang dianjurkan ASOSAI bagi tujuan pertukaran idea dan pengalaman dalam bidang pangauditan sektor awam. Selain itu, Malaysia turut bergiat aktif dalam ASOSAI *Research Project* (ARP) iaitu dengan mengetuai ARP *on 11th Research Project on Method of Developing Risk-Based Audit Plan* dan menganggotai *ARP on Private Partnership*. Sepanjang tahun 2017, JAN telah terlibat dalam 6 program/aktiviti ASOSAI seperti berikut:

10-19 Februari 2017
ASOSAI Governing Board Meeting ASOSAI Assembly SP T/F Meeting Bilateral Meeting SPC ASEANSAI Meeting di Bali, Indonesia

24-25 April 2017
4th Meeting of 11th Research Project di Kuwait

5-21 Julai 2017
ASOSAI Sponsored Workshop di Akademi Audit Negara, Malaysia

9-27 Oktober 2017
Certification of eLearning Specialists and IDI-ASOSAI Blended Learning Specialists di Bangkok, Thailand

19 November - 2 Disember 2017
Instructors' Design Meeting for the ASOSAI Capacity Development Program on "IT Audit" di Tokyo, Jepun

10-14 Disember 2017
ASOSAI Seminar Improvement and Innovation of Audit Process-Including Audit on Preparedness for Implementation of SDGs di Kuwait.

SOROTAN GAMBAR DI PERINGKAT ASOSAI





4th Meeting of 11th Research Project di Kuwait pada 24 dan 25 April 2017



IDI-ASOSAI Workshop for Blended Learning Specialist Certification Programme di Bangkok, Thailand pada 9 hingga 27 Oktober 2017



Instructors' Design Meeting for the ASOSAI Capacity Development Program on "IT Audit" yang diadakan di Tokyo, Jepun pada 19 November hingga 1 Disember 2017



Antara peserta yang terlibat dalam *Instructors' Design Meeting for the ASOSAI Capacity Development Program on "IT Audit"* di Tokyo, Jepun



ASOSAI Seminar Improvement and Innovation of Audit Process-Including Audit on Preparedness for Implementation of SDGs di Kuwait pada 10 hingga 14 Disember 2017

PENGLIBATAN DALAM ASEANSAI

ASEANSAI merupakan *sub-regional* kepada ASOSAI yang dianggotai oleh 11 negara. Pada tahun 2017, Malaysia telah dilantik sebagai Naib Pengerusi ASEANSAI bagi tempoh 2017 hingga 2019. Oleh itu, Malaysia bergandingan dengan Pengerusi ASEANSAI iaitu SAI Lao PDR dalam memastikan program/aktiviti ASEANSAI yang dilaksanakan selaras dengan *ASEANSAI Strategic Plan 2018 - 2021*. Selain itu, Malaysia juga terlibat secara aktif dalam pembangunan kapasiti juruaudit sektor awam negara ASEAN selaku Pengerusi *Knowledge Sharing Commitee* dari (establishment of ASEANSAI) 16 November 2011 hingga kini. Bagi tahun 2017, JAN telah terlibat dalam 11 program/aktiviti ASEANSAI seperti berikut:

25-28 April 2017

ASEANSAI Quality Assurance Training di Manila, Filipina

8-19 Mei 2017

Long Term ASEANSAI Projects on ISSAI Implementation (LTAP II) Phase 2 Facilitation Skills Workshop di Lao PDR

11-17 Jun 2017

ASEANSAI Coordination Meeting for Work Plan 2018-2021

31 Julai - 4 Ogos 2017

4th Senior Official Meeting di Seam Reap,Cambodia

26-29 September 2017

1st Field Workshop for ASEANSAI LTAP II Phase 2 di Lao PDR

27-29 September 2017

Kursus *Risk Based Financial Audit* di Lao PDR

3-5 Oktober 2017

Third Regional Workshop on Enhancing the Roles of SAIs in Selected ASEAN Countries di Jakarta, Indonesia

23-26 Oktober 2017

Instructor Design Meeting di Bandar Seri Begawan, Brunei

28 Oktober - 1 November 2017

2nd Field Workshop for ASEANSAI LTAP II Phase 2 di Hanoi, Vietnam

4-7 November 2017

4th ASEANSAI Summit di Vientaine Lao PDR

11-15 Disember 2017

2nd Field Workshop for ASEANSAI LTAP II Phase 2, Nay Phi Taw di Myanmar

SOROTAN GAMBAR DI PERINGKAT ASEANSAI



ASEANSAI Quality Assurance Training di Manila, Filipina yang berlangsung pada 25 hingga 28 April 2017



Aktiviti sepanjang *ASEANSAI Quality Assurance Training* di Manila, Filipina 25 hingga 28 April 2017





Long Term ASEANSAI Projects on ISSAI Implementation (LTAP II) Phase 2 Facilitation Skills Workshop di Lao PDR pada 8 hingga 19 Mei 2017



Majlis Perasmian *ASEANSAI LTAPII Phase 2 Field Workshop* pada 26 - 29 September 2017 di Lao PDR



Sesi *Ice Braking* dan pembelajaran *ASEANSAI LTAPII Phase 2 Field Workshop* di Lao PDR



Post Mortem ASEANSAI LTAPII Phase 2 Field Workshop yang diadakan untuk mengenalpasti penambahbaikan yang boleh dibuat



Majlis Penutup *ASEANSAI LTAPII Phase 2 Field Workshop*



Third Regional Workshop on Enhancing the Roles of SAIs in Selected ASEAN Countries pada 3 hingga 5 Oktober 2017 di Jakarta, Indonesia



Instructor Design Meeting di Bandar Seri Begawan, Brunei pada 23 hingga 26 Oktober 2017

PENGLIBATAN JAN DALAM PEMBANGUNAN KAPASITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Selain daripada penglibatan dalam persidangan, seminar, bengkel, kursus dan mesyuarat anjuran Pertubuhan Audit Negara Asia Tenggara (ASEANSAI), Pertubuhan Audit Negara Asia (ASOSAI) dan Pertubuhan Audit Negara Antarabangsa (INTOSAI) dan Pertubuhan Audit Negara Eropah (EUROSAI), JAN menerusi Akademi Audit Negara (AAN) juga melaksanakan program-program pembangunan kapasiti atas permintaan institusi audit negara luar seperti berikut:

Bil.	Tajuk	Bilangan Peserta
1.	*Performance Audit Training Programme for Auditor General's Office of Sri Lanka in January, April, September, November and December (7 series of 80 participants)*	560
2.	*Performance Audit Training Programme for Ministry of Planning Government of Bangladesh in March (2 series of 15 participants)*	30

Di samping itu, AAN juga menganjurkan kursus Pengauditan Teknologi Maklumat (IT) di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programmes - MTCP). Kursus ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan negara-negara membangun dalam pengauditan IT yang melibatkan 15 orang peserta dari negara China, Fiji, Jordan, Kazakhstan, Kenya, Kiribati, Lao PDR, Myanmar, Namibia, Pakistan, Palestin, Singapura, Sri Lanka, Timor Leste dan Uganda.

AAN juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat *Joint Research Planning* bersama Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPKRI) pada 24 hingga 26 Mei 2017, Bengkel *ASEANSAI Activity Management* pada 25 hingga 27 April 2017 dan Bengkel *ASOSAI Sponsored Workshop on Performance Audit* yang berlangsung pada 10 hingga 21 Julai 2017.

Semasa Bengkel *ASOSAI Sponsored Workshop on Performance Audit* pada 10 hingga 21 Julai 2017, pihak ASOSAI telah membuat penilaian terhadap fasiliti AAN untuk dijadikan sebagai pusat latihan ASOSAI. Aspek-aspek yang dinilai adalah lokasi, kemudahan dan peralatan latihan, penginapan, makanan serta harga. Hasil penilaian mendapati bahawa AAN telah memenuhi kehendak dan kriteria yang ditetapkan oleh pihak ASOSAI sebagai pusat latihan untuk penganjuran aktiviti latihan mereka.

KURSUS PENGAUDITAN PRESTASI ATAS PERMINTAAN PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA SRI LANKA



Performance Audit Course for SAI Sri Lanka (Siri 1) pada 9 hingga 20 Januari 2017



Performance Audit Course for SAI Sri Lanka (Siri 4) pada 8 hingga 19 Mei 2017



Antara aktiviti sepanjang *Performance Audit Course for SAI Sri Lanka*

KURSUS PENGAUDITAN PRESTASI ATAS PERMINTAAN *MINISTRY OF PLANNING GOVERNMENT OF BANGLADESH*



Performance Audit Course for SAI Ministry of Planning Government of Bangladesh (Siri 1)
pada 13 hingga 17 Mac 2017

KURSUS PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME - MTCP)



MTCP - IT Audit Course pada 14 hingga 25 Ogos 2017

BENGKEL ANJURAN ASEANSAI DAN ASOSAI



ASEANSAI Activity Management Workshop pada 25 hingga 27 April 2017



ASOSAI Sponsored Workshop on Performance Audit pada 10 hingga 21 Julai 2017

LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA

Malaysia juga telah menerima 4 kunjungan hormat seperti berikut:

9 Januari 2017

ASOSAI *Secretary General* iaitu *Board of Audit and Inspection, Korea Selatan* bagi tujuan persediaan akhir bagi *Governing Board Meeting* Ke-51, Bali, Indonesia.

28 Februari - 3 Mac 2017

Bilateral Visit from Auditor General of Bhutan bagi berkongsi pengetahuan berkaitan persediaan dalam pengauditan *SDG Goal 5: Gender Equality and Women's Empowerment*. Lawatan turut dibuat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

30 Mac 2017

Bilateral Visit from State Audit Institution, Oman adalah berkaitan perkongsian pengetahuan bagi program kesedaran dan hebahan terhadap Laporan Ketua Audit Negara, pengurusan aduan awam dan pengurusan media secara strategik.

26 Julai 2017

President Board of Audit, Japan iaitu ASOSAI *Capacity Development Administrator* bagi melaporkan status terkini bagi perancangan pembangunan kapasiti ASOSAI.



Bilateral Visit from State Audit Institution, Oman ke Ibu Pejabat JAN pada 30 Mac 2017



Sesi perkongsian ilmu program kesedaran dan hebahan terhadap Laporan Ketua Audit Negara, pengurusan aduan awam dan pengurusan media secara strategik dalam lawatan tersebut

FOKUS 2017

PENCAPAIAN DAN IMPAK PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DI PERINGKAT ANTARABANGSA TAHUN 2017

JAN telah terlibat dalam pelbagai program/aktiviti meliputi persidangan, seminar, bengkel, kursus, mesyuarat dan pembentangan kertas kerja di pelbagai peringkat pertubuhan antarabangsa sepanjang tahun 2017. Antara program/aktiviti yang signifikan dan berimpak yang secara tidak langsung telah mengetengahkan imej dan peranan JAN di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:

ASOSAI *Governing Board Meeting* Ke-51, Bali, Indonesia

Malaysia telah mempengerusikan ASOSAI *Governing Board Meeting* Ke-51 (GBM) pada 13 dan 14 Februari 2017. Ini merupakan kali ketiga Malaysia mempengerusikan GBM, yang menyaksikan pelbagai bentuk kerjasama dijalin seperti ASOSAI-EUROSAI, ASOSAI-AFROSAI dan ASOSAI *Donor Cooperation*. Impak *chairmanship* ini telah meningkatkan kredibiliti Malaysia secara langsung di antara 46 negara anggota ASOSAI. Tanggungjawab ini akan diteruskan dan berakhir pada ASOSAI GBM Ke-52 di Hanoi, Vietnam pada September 2017.



Ucapan Selamat Datang oleh Dr. H. Harry Azhar Azis, Lembaga Audit Negara Republik Indonesia



Lembaga Pengelola ASOSAI menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengelola ASOSAI Kali Ke-51 di Bali, Indonesia pada 13 dan 14 Februari 2017

Memorandum Persefahaman bersama Kerajaan Indonesia dan Mesyuarat Teknikal

Memorandum Persefahaman dalam bidang pengauditan sektor awam bersama Kerajaan Indonesia telah dimeterai pada 11 Februari 2017. Berlandaskan kepada memorandum ini, Mesyuarat Teknikal Ke-16 telah diadakan di Bali pada Februari 2017 dan Mesyuarat Teknikal Ke-17 telah dilaksanakan di Kuching, Sarawak pada 7-8 Disember 2017. Pelbagai perkongsian pengetahuan dilaksanakan di dalam kedua-dua mesyuarat seperti berikut:

- *Auditing on Disaster Management;*
- *Auditing on Palm Oil;*
- *Auditing on Border Areas;*
- *Auditing on Halal Certifications;* dan
- *Research on Sustainable Development Goals* (SDGs).



Mesyuarat Teknikal Ke-17 telah dilaksanakan di Kuching, Sarawak pada 7-8 Disember 2017

***Commonwealth Auditor Generals Conference* Ke-23, New Delhi, India**

Commonwealth Auditor Generals Conference (CAGC) Ke-23 telah diadakan pada 21 hingga 23 Mac 2017 dengan tema *Fostering Partnerships for Capacity Development in Public Audit*. Persidangan ini telah dihadiri oleh 74 delegasi dari 36 negara termasuk 25 orang Ketua Audit Negara. Malaysia adalah di antara 10 negara yang membentangkan 2 *country papers* iaitu *Leveraging Technology in Public Audit* dan *Environmental Audit: Malaysia Perspective*. 9 SAIs yang lain sebagai pembentang *country papers* adalah Cayman Island, Kenya, Pakistan, United Kingdom, Bangladesh, Cameroon, Pakistan, Zambia dan India. CAGC Ke-24 dijangka akan dilaksanakan di Fiji pada tahun 2020.



YBhg. Tan Sri Dr. KANM bersama Ketua Audit Negara lain membuat kunjungan hormat kepada Mr. Ram Nath Kovind, Presiden Negara India semasa *Commonwealth Auditor Generals Conference* Ke-23



Antara delegasi yang menyertai *Commonwealth Auditor Generals Conference* Ke-23 di New Delhi, India



Country papers Malaysia telah dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Penyelidikan, Korporat dan Hubungan Antarabangsa semasa *Commonwealth Auditor Generals Conference* Ke-23 di New Delhi, India



Malaysia merupakan di antara 10 negara yang membentangkan 2 *country papers* semasa *Commonwealth Auditor Generals Conference* Ke-23 di New Delhi, India

Kongres EUROSAI Ke-10, Istanbul, Turkey

Malaysia sebagai Pengerusi ASOSAI telah mendapat pengikhtirafan apabila julung kalinya dijemput membentangkan ASOSAI *regional papers* di Kongres EUROSAI Ke-10 pada 22 hingga 26 Mei 2017. Survey secara atas talian terhadap negara anggota ASOSAI telah dilaksanakan bagi mendapatkan data dan input bagi penyediaan *regional papers*. Tema persidangan adalah *Implementation of ISSAIs: Challenges and Solutions for Further Improvement*. Malaysia sebagai Pengerusi ASOSAI telah membentangkan 3 *regional papers* iaitu *The Success and Role of SAIs in Ensuring Sustainability Development with respect to Sustainable Development Goals; How Can SAIs Monitor Its Audit Findings and Recommendations Efficiently and Innovatively?; serta Certification of Central Government Financial Statement*.



Delegasi yang menyertai Kongres EUROSAI Ke-10 di Istanbul, Turkey pada 21 hingga 23 Mac 2017

Mesyuarat *Auditing Preparedness for The Implementation of Sustainable Development Goals*, New York, Amerika Syarikat

Mesyuarat *Auditing Preparedness for The Implementation of Sustainable Development Goals* diadakan berikutan daripada *High Level Political Forum on Sustainable Development* (HLPF), United Nations. Mesyuarat telah dilaksanakan dengan kerjasama *United Nations Department of Social and Economic Affairs* (UNDESA) dan *INTOSAI Development Initiatives* (IDI) pada 20 hingga 21 Julai 2017. Malaysia telah memberi komitmen bagi pelaksanaan *Auditing Preparedness for The Implementation of Sustainable Development Goals* selaras dengan komitmen Kerajaan Malaysia dalam persediaan pelaksanaan SDGs di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan pelaksanaan seterusnya sehingga tahun 2030. Objektif mesyuarat adalah bertujuan memastikan pengauditan yang akan dilaksanakan di dalam 3 dimensi iaitu *Integration of the 2030 Agenda into the National Contexts; Securing Means of Implementation for The 2030 Agenda; dan Monitoring, Follow-Up, Review and Reporting on Progress on The 2030 Agenda*. Selain itu, isu-isu berbangkit berkaitan pengauditan prestasi SDGs yang akan dilaksanakan turut dibahaskan.

ASEANSAI *Summit* Ke-4, Vientiane, Lao PDR

ASEANSAI *Summit* Ke-4 yang diadakan pada 4 hingga 7 November 2017 telah menobatkan Malaysia sebagai Naib Pengerusi ASEANSAI bagi tahun 2018 hingga 2019. Malaysia juga sebagai Pengerusi *Knowledge Sharing Committee* telah membentangkan *Knowledge Sharing Work Plan* selaras dengan ASEANSAI *Strategic Plan* 2018 - 2021. Selain daripada itu, Malaysia turut terlibat dalam *Donor Coordination Meeting* bersama *international donors and stakeholders* iaitu World Bank, Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ), European Union, Asian Development Bank, SNAO (Swedish National Audit Office) and SAI Norway. ASEANSAI *Summit* Ke-5 dirancang untuk dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2019.




MPIC

ARTIKEL





Transformasi Jabatan Audit Negara

Oleh:

YBrs. Dr. Nor Haiza binti Abd Aziz @ Juned

Timbalan Pengarah
Bahagian Penyelidikan & *Quality Assurance Review* (QAR)

1.0 Pendahuluan

Institusi yang baik ialah institusi yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Pada sekitar tahun 2010, Kerajaan telah melancarkan Pelan Transformasi Negara (NTP) yang berfokus kepada transformasi perkhidmatan awam. Selaras dengan ini, beberapa Kementerian dan Agensi Kerajaan telah mengambil langkah melaksanakan transformasi terhadap organisasi masing-masing. Fokus transformasi tersebut adalah untuk menambah baik pengurusan dan objektif organisasi di samping menyesuaikan proses kerja dengan perubahan semasa persekitaran perkhidmatan awam.

Jabatan Audit Negara (JAN) yang merupakan *Supreme Audit Institution* (SAI) perlu melaksanakan transformasi bagi memastikan prinsip-prinsip utama sebuah SAI dapat diperkukuhkan sesuai dengan fungsi dan peranan JAN sebagai institusi yang melaksanakan “check and balance” terhadap cabang Eksekutif untuk dilaporkan kepada cabang Legislatif atau Parlimen Malaysia. Transformasi JAN yang didorong oleh faktor-faktor dalaman dan luaran, dapat memastikan JAN terus relevan dan hasil pengauditan JAN dapat memberi impak kepada rakyat.

2.0 Ulasan Karya Transformasi

Bagi tempoh tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an, terdapat pelbagai ulasan karya berkaitan perubahan organisasi yang drastik. Perubahan organisasi dikategorikan sebagai perubahan keseluruhan sistem yang signifikan dan mengubah organisasi dengan cara yang substantif. Terdapat beberapa jenis perubahan yang radikal iaitu *root change* (Lindblom, 1959), *radical change* (Tushman and Romanelli, 1985), *transformation* (Hemes, 1976), *paradigm change* (Sheldon, 1980), *revolutionary change* (Gerlach and Hines, 1973), *double-loop learning* (Argyris and Schon, 1978), *paradigm shift* (Kuhn, 1962), dan *total system transformation* (Miles, 1997).

Transformasi boleh didefinisikan sebagai sesuatu perubahan drastik dan radikal terhadap sesuatu bentuk dan fungsi organisasi (Barbara 2002). Kebiasaannya, transformasi sesebuah organisasi merangkumi semua aspek iaitu hal-hal berkaitan tadbir urus, kewangan dan operasi. Barbara (2002) juga menjelaskan transformasi berkemungkinan atau tidak, boleh menjejaskan teras dan misi sebuah organisasi. Walau bagaimanapun, transformasi biasanya akan memberi kesan dan mempengaruhi cara organisasi melaksanakan misi yang telah ditetapkan.

Kajian impirikal juga menjelaskan aspek persekitaran luaran akan mempengaruhi berlakunya transformasi dalam organisasi. Isu-isu persekitaran dikatakan sebagai *tangential* kepada proses transformasi. Aspek persekitaran luar juga dilihat sama ada berperingkat semasa transformasi berlaku (Fox-Wolfgramm, Boal, and Hunt, 1998) atau merupakan *external catalyst* (Romanelli & Tushman,1994; Meyer 1982; Meyer et al., 1990) yang mendorong berlakunya proses transformasi tersebut. Persekitaran ini membentuk satu set situasi yang mendorong transformasi berlaku dalam organisasi bagi mencapai visi dan misi pada masa tersebut. Hasil kajian juga menjelaskan objektif transformasi akan menyokong strategi aktiviti organisasi.

Kotter (1992) menjelaskan terdapat 8 langkah untuk mentransformasi organisasi. 8 langkah tersebut ialah:

i. *Establishing sense of urgency*;

ii. Bentuk *Guiding Coalition* yang berkuasa;

iii. Mencipta visi;

iv. Komunikasikan visi;

v. *Empowering others to act on the vision;*

vi. Merancang untuk dan merangka kemenangan jangka pendek;

vii. Menyatukan penambahbaikan dan *producing still more change;* dan

viii. *Institutionalizing new approaches.*

Transformasi organisasi boleh ditakrifkan sebagai holistik, pendekatan ekologi, humanistik kepada perubahan radikal, revolusi dalam keseluruhan konteks sistem organisasi. Transformasi organisasi melibatkan perubahan transformasi dalam sifat asas organisasi berkaitan ekosistem dan memerlukan cara pemikiran yang baru, berkelakuan, dan dilihat oleh anggota organisasi.

3.0 Transformasi *Supreme Audit Institutions*

Perbincangan mengenai transformasi *Supreme Audit Institution* (SAI) telah bermula sejak tahun 2007. World Bank dan komuniti SAI telah menganjurkan Seminar Transformasi Abad ke-21 dengan fokus untuk memaksimumkan impak SAI terhadap *stakeholders* khususnya orang awam. Seminar ini telah mengumpulkan seramai 25 Ketua Audit Negara termasuk negara maju dan negara membangun untuk berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik kaedah untuk melaksanakan usaha-usaha transformasi bagi memastikan SAI dapat menyusun strategi dalam menangani perubahan-perubahan semasa.

Seminar ini juga adalah usaha pertama yang ditawarkan oleh World Bank, U.S. Government Accountability Office (GAO) dan inisiatif pembangunan International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Kajian impirikal menjelaskan beberapa SAI telah melaksanakan transformasi bagi membolehkan kebebasan SAI dapat dijamin. Contohnya, Priscilla Komora, Ketua Audit Negara Kenya telah menjelaskan antara cabaran SAI masa kini ialah keupayaan (capacity) untuk membina kemahiran dan kecekapan organisasi yang terbaik. Selain itu, sistem politik negara yang sentiasa menyokong isu-isu yang dibangkitkan oleh SAI juga menjamin kebebasan SAI.

4.0 Transformasi JAN

Institusi Audit Negara yang telah ditubuhkan pada tahun 1906 merupakan salah satu organisasi perkhidmatan awam yang diperkenalkan semasa pentadbiran Inggeris bagi memperkukuhkan sistem pentadbiran kewangan Kerajaan. Kini, pada tahun 2017, usia JAN telah melebihi satu abad. Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai penambahbaikan telah dilakukan dalam aspek pengauditan bagi memenuhi perkembangan dan perubahan semasa bagi memperkukuhkan akauntabiliti pengurusan wang awam. Sejajar dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diperkenalkan pada bulan April 2009, JAN mengambil inisiatif untuk melakukan transformasi bagi memenuhi keperluan *stakeholders* dan berusaha meletakkan JAN setaraf dengan Institusi Audit di negara maju. Ini juga adalah selaras dengan objektif transformasi untuk memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat maju, bersatu-padu dan saksama dengan kualiti kehidupan yang tinggi serta memenuhi aspirasi nasional. Program Transformasi JAN bukan hanya melibatkan perubahan struktur secara dalaman tetapi melibatkan usaha-usaha untuk memenuhi Deklarasi Mexico yang menjelaskan prinsip-prinsip kebebasan SAI.

Program Transformasi JAN telah bermula pada bulan Oktober 2013 dengan berfokus kepada penstrukturan semula sektor dan bahagian mengikut jenis pengauditan. Secara khususnya, Program Transformasi JAN dimulai dengan kelulusan Jemaah Menteri berhubung cadangan Penubuhan Pasukan Petugas Khas Bagi Transformasi Jabatan Audit Negara melalui Memorandum daripada Perdana Menteri No. M628/2014 pada 24 September 2014. Berdasarkan pemerhatian, program transformasi JAN meliputi 2 aspek utama iaitu:

a. Transformasi institusi; dan

b. Transformasi proses kerja dan prosedur.

4.1 Transformasi Institusi

Perbincangan mengenai institusi audit dan pelantikan Ketua Audit Negara bagi semua SAI diperjelaskan dalam Perlembagaan negara yang berkaitan. Selain menjelaskan tentang pelantikan Ketua Audit Negara, diperjelaskan juga mengenai kuasa dan mandat audit. Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab terhadap "check and balance" sistem akauntabiliti pentadbiran negara, SAI adalah tertakluk kepada standard pengauditan INTOSAI iaitu ISSAI yang meliputi aspek institusi dan proses serta prosedur pengauditan bagi memastikan pengauditan perakaunan sektor awam dapat dijalankan dengan cekap dan sistematik. ISSAI 1 iaitu *The Lima Declaration* dan ISSAI 10-*Mexico Declaration* dan ISSAI 11- *Guidelines and Good Practices Related to SAI Independence* adalah dokumen atau standard yang menjelaskan mengenai kebebasan SAI. ISSAI 20-*Principles of Transparency and Accountability* dan ISSAI 21-*Principles and Good Practices* pula menekankan keperluan SAI untuk menjadi institusi bebas dan mendokong prinsip akauntabiliti dan ketelusan (transparency).

Bagi menggalakkan semua negara mematuhi *Mexico Declaration*, INTOSAI telah membentangkan resolusi A/66/209 di UN pada Disember 2011 dan resolusi ini telah diterima pakai pada Disember 2014 (A/RES/69/228). Secara ringkasnya, resolusi tersebut menjelaskan berkaitan "Promoting and fostering the efficiency, accountability, effectiveness and transparency of public administration by strengthening Supreme Audit Institutions". Malaysia adalah antara negara yang telah bersetuju untuk menerima pakai resolusi ini.

Program Transformasi JAN adalah usaha JAN untuk menjadi sebuah Institusi Audit yang lebih bebas dan mematuhi *Mexico Declaration* (ISSAI 10 dan 11). Program transformasi JAN 2015 dimulakan apabila Jemaah Menteri meluluskan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) pada 24 September 2014 bagi membentuk *task force* Program Transformasi JAN. Objektif program transformasi ini ialah untuk menjadikan JAN sebagai sebagai institusi audit yang lebih mantap selari dengan piawaian antarabangsa yang meliputi aspek pengurusan sumber manusia, perundangan, kewangan serta penambahbaikan bidang tugas dan rangka kerja tadbir urus institusi audit. Program ini juga penting bagi meningkatkan profesionalisme juruaudit sektor awam agar setanding dengan juruaudit sektor swasta. Usaha penambahbaikan ini adalah selari dengan perkembangan terkini di peringkat antarabangsa yang mana tadbir urus Kerajaan yang telus dan berakauntabiliti sangat diberi keutamaan.

Langkah menubuhkan pasukan petugas khas untuk mengkaji secara terperinci usaha-usaha transformasi JAN adalah selaras dengan usaha ke arah pentadbiran Kerajaan yang telus di masa hadapan. Hasil daripada *task force* ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2015. Secara umumnya, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan yang diusulkan.

Tindakan untuk melaksanakan semua inisiatif telah diambil dan dipantau oleh Jawatankuasa Tindakan Program Transformasi JAN. Namun begitu, hanya beberapa inisiatif yang berjaya dilaksanakan iaitu menjadikan JAN sebagai Jabatan Mengakaun Sendiri (SAD) dan pelaksanaan elektronik *Working Paper* (eWP) melalui peruntukan RM4.4 juta yang diluluskan.

Hasil daripada Program Transformasi JAN telah mendorong kajian terhadap institusi audit JAN dilaksanakan. Hasil kajian tersebut telah memperoleh penemuan kukuh mengenai kebebasan JAN. Bermula dari awal tahun penubuhan iaitu 1906 hingga tahun 1986, JAN adalah sebuah institusi bebas daripada

cabang Eksekutif sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah *Constitutional Office*. Hanya mulai tahun 1986, JAN telah diletakkan secara pentadbiran di bawah Jabatan Perdana Menteri dan tertakluk kepada Perintah-perintah Menteri Persekutuan mulai tahun 1991.

Usaha untuk memantapkan kebebasan JAN selaras dengan rangka kerja *Westminster*, *accountability triangle*, *The Lima Declaration*. *Mexico Declaration* dan Resolusi UN akan diteruskan selaras dengan teras 1, Pelan Strategik JAN 2016-2020. JAN akan terus berusaha untuk mengembalikan kebebasan institusi sebagai *Constitutional Office* sebagaimana mula ditubuhkan dengan menambah baik kebebasan tersebut sebagaimana yang ditetapkan dalam ISSAI 10 atau *Mexico Declaration*.

4.2 Transformasi Proses dan Prosedur

Selaras dengan Pelan Strategik JAN 2016-2020, JAN komited untuk menambah baik proses dan prosedur kerja sedia ada. Teras 3, Pelan Strategik yang berfokus untuk menambah baik kualiti Laporan Ketua Audit Negara telah menyenaraikan inisiatif untuk menambah baik dan mentransformasi proses dan prosedur JAN. Usaha-usaha untuk melaksanakan transformasi ini adalah kesan daripada perubahan ekologi dan persekitaran dalam sektor awam yang antaranya adalah transformasi digital. Transformasi digital adalah fenomena masa kini yang sentiasa cepat berubah. Persekitaran luar dan lain-lain industri juga banyak mempengaruhi kaedah pengauditan. Pendekatan pengauditan masa kini iaitu *risk-based approach* adalah pendekatan yang memerlukan juruaudit mengenal pasti risiko-risiko luaran dan dalaman sebelum menentukan pendekatan pengauditan.

i. Elektronik *Working Paper* (eWP)

Pada tahun 2015, melalui Program Transformasi JAN, sejumlah peruntukan telah diperoleh bagi melaksanakan elektronik *Working Paper*. Melalui eWP kertas kerja pengauditan dibuat secara elektronik dan juruaudit perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan khususnya semasa meneliti *inherent risk, control risk* dan penetapan materialiti serta pensampelan. Usaha menghasilkan *template* penilaian risiko, materialiti dan pensampelan adalah antara usaha JAN bagi memastikan kaedah *risk-based audit* diguna pakai dalam perancangan dan pelaksanaan pengauditan. eWP juga adalah usaha untuk memastikan penyimpanan dokumen adalah secara digital.

Selaras dengan *big data analytics* pula, JAN juga telah memulakan usaha-usaha untuk mengumpul dan mendapatkan data dari pelbagai agensi sama ada di peringkat Persekutuan dan juga Negeri. Usaha-usaha ke arah *big data* ini disokong oleh inisiatif terkini Kerajaan iaitu MyGOVEA. Pelaksanaan MyGOVEA adalah satu perubahan drastik dalam proses dan prosedur sektor perkhidmatan awam. Data bagi setiap proses akan disimpan oleh MAMPU dan ia adalah gunasama. Bagi tujuan tersebut, semua Kementerian dan Jabatan perlu mengadaptasi pelaksanaan *Enterprise Architecture* (EA). Bagi mengadaptasi pelaksanaan EA, pemahaman terhadap konsep ‘business you’, `business model generation’, COBIT 5.0 dan konsep TOGAF 9.1 adalah perlu. Konsep yang harus difikirkan bagi setiap proses kerja ialah berfikir dari perspektif pelanggan atau `customer’.

Kebaikan melaksanakan MyGOVEA di semua peringkat kementerian ialah:

a. Mengenal pasti proses kerja dan sistem sokongan yang bertindan dalam pelbagai agensi; dan

b. Menambah baik proses kerja sedia ada dengan mengenal pasti jurang yang wujud dan penambahbaikan disyorkan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam kepada rakyat.

ii. Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti

Pada tahun 2017, transformasi terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan fokus kepada penilaian risiko. Usaha penambahbaikan ini adalah selaras dengan kaedah pengauditan masa kini yang berfokus kepada penilaian risiko. Pendekatan audit berasaskan risiko membolehkan SAI memahami risiko semasa dan menilai keberkesanan kawalan sedia ada. Di samping itu, penilaian risiko juga membolehkan pengurusan untuk menyasarkan sumber kepada operasi tertentu. Semua organisasi akan cuba mengurangkan berlakunya insiden atau risiko dalam industri yang berkaitan dengan mengenal pasti risiko yang akan berlaku. Pengauditan penilaian risiko adalah untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan audit dengan mengubah amalan audit sedia ada kepada fokus risiko. Standard pengauditan juga memberikan fokus yang utama kepada proses audit dalam beberapa bidang utama termasuk penilaian risiko yang sedia ada dan kawalan serta menghubungkan penilaian risiko ini kepada prosedur audit selanjutnya (Ramos, 2009).

Dimensi risiko adalah termasuk i) pelbagai penyebab dan akibat negatif; ii) pelbagai jenis akibat negatif; iii) kepentingan setiap jenis akibat negatif; iv) pelbagai pihak berkepentingan yang mungkin mengalami pelbagai jenis kesan negatif pada tahap yang berbeza-beza; dan v) taburan kebarangkalian yang berkaitan dengan setiap gabungan dimensi sebelumnya. Untuk memilih audit yang akan menambah nilai, adalah sesuai untuk mengenal pasti risiko. Risiko dalam konteks audit adalah peluang prestasi buruk oleh organisasi atau kemungkinan kesalahan dan salah laku.

Indeks Akauntabiliti juga telah ditambah baik dengan pelbagai aspek. Penambahbaikan ini dibuat dengan mengambil kira kaedah pengauditan masa kini yang berfokus kepada penilaian risiko dan perubahan semasa berasaskan ulasan dan maklum balas yang diterima daripada *stakeholders*. Kajian semula terhadap pengauditan Pengurusan Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lesson learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

a. Auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;

b. Persampelan audit tidak mengambil kira saiz sesebuah auditi; dan

c. Aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

iii. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan audit adalah untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti berikut:

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	TINGGI	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	SEDERHANA	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang seperti ketidakpatuhan proses kerja.
1	RENDAH	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi seperti penyelenggaraan rekod.

Kesimpulannya, penambahbaikan terhadap indeks akauntabiliti dengan menerapkan kaedah penilaian risiko adalah selaras dengan ISSAI 4000 dan kaedah pengauditan masa kini. Usaha ini adalah transformasi dalam pengauditan pematuhan bagi memastikan adanya perubahan-perubahan dalam dokumen pengauditan bagi menambah baik prosedur sedia ada berasaskan kepada *gap* yang diusul dan diterima.

iv. Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi yang mula diisytiharkan oleh *United States Government Accountability Office* (USGAO) pada awal 1970-an (Glynn, 1987) boleh ditafsirkan sebagai penilaian bebas terhadap operasi auditi dalam aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan program yang dilaksanakan (Knighton, 1973; Cabnet, 1976; Fountain and Lockridge, 1976; Kaiel, 1976; Rothwell, 1984; dan Parker, 1986).


Secara umumnya, pengauditan prestasi boleh dikatakan sebagai pengauditan terhadap prestasi pelaksanaan aktiviti oleh individu (orang) tanpa mengira skop dan objektif audit tersebut. Satu rumusan prestasi pelaksanaan terhadap tugasan tersebut boleh dibuat setelah pengauditan dilaksanakan. Secara khususnya, pengauditan prestasi ialah pengauditan yang menilai dan membuat penilaian terhadap pelaksanaan aktiviti dan maklumat mengenai prestasi aktiviti tersebut. Ini menjelaskan pengauditan prestasi adalah aktiviti menilai yang melibatkan aspek *evaluative* (Lonsdale et. al 2011).

Berdasarkan Lonsdale et al. (2002), juruaudit pengauditan prestasi perlu mengenal pasti dan menentukan objek kajian, membina kriteria dan memilih *tools* yang bersesuaian bagi

menjalankan kajian dan melaksanakan pelbagai kemahiran semasa pengauditan, termasuk aspek diplomasi dan bekerja secara berpasukan. Lonsdale et al. (2002) juga menjelaskan pengauditan prestasi ialah satu aktiviti `craft', yang memerlukan kemahiran yang istimewa atau khusus untuk membentuk satu hasil kajian yang unik dan berkesan. Kajian yang berkesan memerlukan `hand-crafted' mempunyai standard kualiti yang tinggi. Secara umumnya, gambaran peranan juruaudit prestasi adalah di seperti Rajah 1.

Penetapan *nomenclature* rumusan pengauditan mula disediakan pada bulan Disember 2017. Ini adalah selaras dengan hasrat JAN untuk melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti. Penekanan penambabaikan dalam pengauditan prestasi ini adalah untuk memastikan pengauditan prestasi yang dilaksanakan adalah selaras dengan ISSAI 3000 dan berfokus kepada input dan output. Bagi tujuan tersebut, penambahbaikan dalam Laporan Ketua Audit Negara telah dijelaskan dengan penetapan objektif kajian yang lebih spesifik dan rumusan audit yang menjawab kepada objektif yang ditetapkan. Ini menghendaki juruaudit memastikan objektif disediakan secara umum dan juga sub-objektif yang lebih spesifik bagi menjawab semula persoalan utama.

Rajah 1 : Gambaran Peranan Juruaudit Prestasi



Sumber: Pollitt et al. (2002)


Model input-ouput

Berdasarkan Pollit & Summa (1997), model input-output atau `production process' boleh ditafsirkan sebagai:

> "It envisages performance audits as a process in which certain inputs (organisational authority, auditors'skills, etc), are deliberately combined, using a defined process (fieldcraft, techniques, approval within the audit body) with the aim of producing a specific `product'or output (e.g. a public report)"

Model input-output menyediakan *template* kepada reformasi pengurusan awam dan menjelaskan bagaimana pengauditan prestasi perlu dilakukan bagi memberi impak kepada penambahbaikan dalam pentadbiran sektor awam. Model ini juga dijelaskan bagaimana input/aktiviti/output organisasi akan memberi impak apabila ia berhubung dengan 'dunia luar' dalam bentuk keperluan sosio ekonomi iaitu aktiviti tersebut memenuhi keperluan atau kehendak rakyat. Bagi menilai perkara tersebut, juruaudit perlu mengukur sama ada ia berekonomi atau cekap dengan menilai dari sudut dalaman organisasi. Walau bagaimanapun, bagi mengukur keberkesanannya, ia perlu diukur terhadap hasil atau *outcome* pelaksanaan aktiviti tersebut. Rajah model input-output adalah seperti berikut:

Rajah 2 : Model Input-output



Objektif Audit

Berasaskan kepada ISSAI 3000 dan panduan lain-lain negara, objektif audit yang dinyatakan dalam kajian prestasi hendaklah dinyatakan dengan jelas, terperinci, boleh menjelaskan persoalan audit secara keseluruhan dengan menggambarkan kecenderungan rumusan tersebut serta berkaitan dengan prinsip 3E iaitu ekonomi (economic), kecekapan (efficiency) dan keberkesanan (effectiveness). Objektif audit juga boleh dinyatakan dalam bentuk persoalan audit yang merujuk secara keseluruhan apakah objektif yang hendak dikaji. Selanjutnya, objektif atau persoalan audit tersebut boleh dipecahkan kepada beberapa sub-persoalan atau sub-objektif yang lebih spesifik.

Kebiasaannya, pengauditan prestasi dilaksanakan dengan objektif untuk menjawab dua soalan asas (INTOSAI 2004) iaitu:

i. Adakah perkara tersebut dilakukan dengan cara yang betul?

ii. Adakah perkara yang betul sedang dilakukan?

Persoalan pertama berfokus kepada hal-hal berkaitan prosedur iaitu adakah atau sama ada keputusan dasar telah dilaksanakan dengan betul. Kebiasaannya, persoalan ini dikaitkan dengan perspektif normatif iaitu juruaudit ingin mengetahui sama ada pihak-pihak eksekutif telah melaksanakan pemantauan terhadap pematuhan peraturan-peraturan dan lain-lain aspek perundangan. Semasa peringkat proses ini, pengauditan prestasi boleh dikaitkan dengan aspek yang berbeza iaitu perspektif ekonomi atau kecekapan (efficiency) operasi.

Bagi tujuan analisis yang lebih mendalam, persoalan itu boleh dilanjut dan diperluaskan kepada persoalan kedua iaitu sama ada aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah sesuai dan dilaksanakan dengan betul; atau apakah cara dan kaedah yang digunakan mencukupi bagi membolehkan aktiviti tersebut dilaksanakan dan mencapai objekif yang ditetapkan. Persoalan ini merujuk kepada aspek keberkesanan atau kesan pelaksanaan tersebut terhadap masyarakat. Perbincangan ini boleh dirujuk dengan lebih mendalam pada model input-output (Rajah 2). Output ialah hasil daripada input dan tindakan yang diambil bagi mencapai objektif spesifik yang hendak dicapai.

Penghasilan *nomenclature* ini adalah panduan kepada juruaudit dalam menghasilkan laporan audit yang berkualiti serta wujudnya satu standard yang sama dalam membentuk objektif dan rumusan audit. Penyediaan *nomenclature* ini juga mengambil kira dan mengguna pakai ISSAI 3000 bagi memastikan JAN mematuhi standard pengauditan ISSAI.

Secara umumnya bagi pengauditan prestasi, rumusan audit merupakan satu pernyataan yang disimpulkan oleh juruaudit berdasarkan objektif audit. Rumusan hendaklah disokong dengan asas bukti audit yang kompeten, relevan dan mencukupi dengan memberi penekanan sama ada aspek yang diaudit bebas dari kesalahan/penyimpangan yang signifikan atau sebaliknya. Dalam menyediakan rumusan audit, pertimbangan profesional yang tinggi (ISSAI 300:38) hendaklah digunakan oleh juruaudit supaya rumusan dinyatakan dalam konteks yang betul dan menyeluruh. Selain itu, bagi tujuan untuk mengenalpasti kelemahan atau kekurangan berkaitan aspek ekonomi, kecekapan dan/atau keberkesanan, maka rumusan audit perlu menyatakan sebab-sebab mengapa aspek ekonomi, kecekapan atau keberkesanan tidak

dicapai/dipenuhi sepenuhnya (ISSAI 3200:92). Rumusan audit juga hendaklah mencerminkan fakta sebenar yang ditemui dalam pengauditan dan dinyatakan secara *evaluative, constructive* dan *well-balanced*.

Dalam penyediaan laporan audit bagi pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan pula, rumusan audit bagi pengauditan dan penilaian pencapaian aktiviti syarikat serta penulisan rumusan audit adalah berasaskan kepada *nomenclature* rumusan audit pengauditan prestasi. Aspek tadbir urus dan pencapaian kedudukan kewangan syarikat juga ada diperjelaskan dalam *nomenclature* pengauditan prestasi. Pematuhan terhadap penyeragaman dalam penyediaan rumusan audit ini adalah usaha bagi memastikan penulisan laporan yang sama dan berkualiti di kalangan juruaudit di ibu pejabat dan juga di JAN Negeri.

v. Semakan Jaminan Kualiti oleh Unit *Quality Assurance Review*

Berdasarkan penstrukturan JAN pada tahun 2016, satu Unit baru telah ditubuhkan di Bahagian Penyelidikan iaitu Unit *Quality Assurance Review* (QAR). Penubuhan Unit ini adalah salah satu usaha JAN bagi memastikan pematuhan terhadap ISSAI 40-*Quality Control*. Di peringkat awal, Unit ini perlu menyediakan hal-hal asas penubuhan iaitu menyediakan fungsi serta objektif Unit QAR dan carta alir proses kerja. Fokus juga perlu dilakukan dengan menjalankan kajian dan pembacaan bagi menghasilkan dasar kualiti JAN dan senarai semak bagi menjalankan semakan jaminan kualiti. Walaupun Garis Panduan Jaminan Kualiti telah dihasilkan sejak tahun 2012, ia perlu diteliti semula bagi mengenal pasti kesesuaian dan kesukaran menggunakan senarai semak tersebut.

Penelitian terhadap Garis Panduan Jaminan Kualiti menjelaskan ia adalah terjemahan sepenuhnya daripada panduan yang disediakan oleh pihak INTOSAI. Walau bagaimanapun, tiada *customization* dilakukan terhadap proses dan prosedur JAN. Sehubungan dengan itu, JAN perlu meneliti garis panduan untuk disesuaikan dengan proses dan prosedur JAN. Soal selidik jaminan kualiti perlu disediakan bersama senarai semak tambahan yang menjelaskan dengan lebih lengkap dan dalam masa yang sama mengenal pasti kesukaran yang mungkin berlaku semasa semakan dijalankan. Soalan-soalan dalam semakan kualiti akan menjurus kepada perkara-perkara yang memerlukan pengukuran terhadap pencapaian kualiti tugas tersebut. Oleh demikian, selain senarai semak, perlu juga disediakan senarai semak terperinci bagi soalan-soalan yang memerlukan pengukuran.

Hasil kajian juga menjelaskan JAN perlu mewujudkan Sistem Kawalan Kualiti berasaskan kepada ISSAI 40. Ringkasannya, bagi memulakan fungsi Unit ini, JAN perlu menyediakan perkara-perkara berikut:

i. Fungsi dan proses kerja QAR;

ii. Menyediakan Objektif Kualiti dan Pernyataan Kualiti JAN;

iii. Menyediakan dasar kualiti bagi 8 domain utama kawalan kualiti;

iv. Menyediakan soal selidik dan senarai semak yang lengkap sebagai sokongan kepada soal selidik bagi setiap jenis pengauditan iaitu Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan, Pengauditan Pematuhan atau Indeks Akauntabiliti dan Pengauditan Prestasi/Tadbir Urus;

v. Menyediakan format pelaporan dan bentuk dokumen sokongan bagi laporan jaminan kualiti;

vi. Meneliti isu dan cabaran dalaman dan luaran yang mempengaruhi proses dan keberkesanan kerja. Bagi perkara ini, fokus JAN ialah kepada salah satu 8 domain utama iaitu pengurusan sumber manusia;

vii. Menguji soal selidik yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan mengenal pasti isu-isu semasa soal selidik dilaksanakan; dan

viii. Urus setia Jawatankuasa Pemandu *Quality Assurance Review*.

Sistem Kawalan Kualiti

Hasil kajian juga menjelaskan JAN perlu mempunyai pengurusan kawalan kualiti dalam sesebuah organisasi bertujuan untuk memastikan sistem kawalan kualiti yang diwujudkan berfungsi dengan berkesan. Dalam sesebuah pengurusan kualiti di organisasi, aspek jaminan kualiti dilihat selepas sistem kawalan kualiti dikuatkuasakan. Sistem Kawalan Kualiti (SKK) bertujuan untuk menghasilkan mutu perkhidmatan yang berkualiti tinggi dari aspek pengurusan organisasi, pengauditan dan pelaporan. SKK juga ialah salah satu tanggungjawab JAN melaksanakan mandatnya dengan memberi jaminan munasabah kepada *stakeholders*. Bagi pegawai JAN, jaminan kualiti merupakan salah satu teras kod etika juruaudit yang menerangkan perkara berikut:


a. Juruaudit bertanggungjawab mematuhi segala proses kawalan kualiti yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi standard pengauditan Jabatan, *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dan yang diterima umum.

b. Juruaudit perlu mengeluarkan laporan yang objektif, tepat dan seimbang bagi memberi keyakinan kepada Badan Perundangan, Badan Eksekutif, auditi dan masyarakat umum bahawa laporan yang dikeluarkan menggambarkan keadaan yang sebenar dan saksama.

Kawalan Kualiti

Sebelum jaminan kualiti dilaksanakan, adalah penting bagi sesebuah organisasi memastikan sistem kawalan kualiti diwujudkan dan berfungsi sepenuhnya. Kawalan kualiti ialah prinsip penting dalam SKK bagi memastikan SKK berfungsi dengan berkesan dalam sesebuah organisasi. Dalam hal ini, JAN telah menetapkan kawalan kualiti ialah proses yang mengandungi sistem dan amalan bagi memastikan penemuan audit yang dilaporkan adalah wajar (appropriate) dan selaras dengan piawaian dan perundangan yang diguna pakai.

Kawalan kualiti dilaksanakan ke atas proses pengauditan seperti memilih auditi, menentukan tempoh pengauditan, merancang dan melaksanakan pengauditan, menilai dan melaporkan penemuan audit, syor dan kesimpulan audit serta melaksanakan pengauditan susulan bagi memastikan tindakan penambahbaikan telah diambil. Kawalan kualiti dapat mengenal pasti secara objektif kelemahan pengauditan serta penambahbaikan yang diperlukan untuk proses pengauditan yang akan datang. Kawalan kualiti yang tepat hendaklah dilaksanakan oleh Timbalan Pengarah dan Pengarah sebagaimana yang disyorkan oleh SAI.



Pematuhan Kepada *International Standards Of Supreme Audit Institutions* (ISSAI)

Sebagai sebuah SAI, JAN sentiasa memastikan supaya pengauditan yang dilaksanakan adalah mengikut garis panduan seperti yang diterbitkan oleh INTOSAI iaitu ISSAI. Dari aspek kawalan kualiti, ISSAI 40 - *Quality Control for SAIs* merupakan rujukan utama JAN dalam memastikan sistem kawalan kualiti JAN berfungsi dengan baik dan berkesan. Enam (6) elemen utama yang terkandung dalam ISSAI 40 ialah:

(a) *Leadership responsibilities for quality within the firm;*

(b) *Relevant ethical requirements*;

(c) *Acceptance and continuance of client relationships and specific engagements*;

(d) *Human resources*;

(e) *Engagement performance*; dan

(f) *Monitoring*.

Objektif utama ISSAI 40 ialah SAI perlu mempertimbangkan risiko yang boleh memberikan kesan kepada kualiti kerja dan membangunkan sistem kawalan kualiti bagi menangani risiko berkenaan. Risiko kepada kualiti bergantung kepada mandat dan fungsi sesebuah SAI termasuk keadaan dan persekitaran di mana SAI beroperasi. Sehubungan dengan itu, *Quality Assurance Review* (QAR) adalah wadah untuk memastikan semua warga JAN peka dengan kepentingan kawalan kualiti dari peringkat pengurusan tertinggi hinggalah ke peringkat pengurusan bawahan.

Fokus JAN bukanlah hanya penilaian QAR terhadap pengauditan yang dijalankan tetapi juga merangkumi keseluruhan aspek iaitu pengurusan sumber manusia, pengauditan, etika dan sistem pemantauan. QAR bukanlah aktiviti untuk “menuding jari” kerana kesilapan dan kurangnya kawalan kualiti tetapi ia adalah usaha Jabatan untuk mengenal pasti jurang yang wujud dalam standard pengauditan sedia ada dan syor penambahbaikan dilaksanakan dengan “berhemah”. Ini penting dalam usaha JAN meningkatkan kualiti pengauditan, pengurusan, etika juruaudit dan juga sifat-sifat mulia juruaudit. Juruaudit dilihat perlu melengkapkan diri dengan kemahiran, pengetahuan dan keperibadian [skills, knowledge and attitudes (SKA)]. Juruaudit juga perlu mempunyai *humility* yang berkisar tentang sifat seorang ketua mengetahui bahawa sebagai manusia kita tidak mengetahui semua perkara, oleh itu kita tidak akan berjaya tanpa wujudnya kerja berpasukan dalam organisasi.

5.0 Kesimpulan

Transformasi organisasi adalah fenomena yang dilaksanakan bagi menangani isu dan cabaran semasa dalam ekologi persekitaran sektor awam. Perubahan dan transformasi adalah saling berkait tetapi berbeza. Perubahan persekitaran adalah *catalyst* kepada perubahan organisasi. Perubahan sistem pentadbiran sektor awam seperti transformasi digital akan mempengaruhi fokus pengauditan yang dilaksanakan. Bagi memudahkan pengauditan dilaksanakan dalam era digital, perubahan dan penambahbaikan dalam kaedah dan peraturan pengauditan juga adalah antara faktor yang mendorong kepada transformasi dalam proses dan prosedur kerja JAN.

Transformasi JAN adalah tindak balas yang proaktif terhadap perubahan semasa khususnya transformasi proses dan prosedur kerja. Cabaran dalaman dan luaran telah mendorong JAN mengambil inisiatif yang drastik untuk menangani evolusi dalam perkhidmatan sektor awam bagi menjadikan JAN terus relevan dan *outcomes* yang dihasilkan memberi impak kepada *stakeholders* khususnya kepada rakyat.



Pengauditan Terhadap Projek *Mass Rapid Transit*: Cabaran dan Strategi

Oleh:

YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin

Timbalan Pengarah
Bahagian Susulan Audit

Abstrak

Aliran peningkatan projek mega termasuk *Mass Rapid Transit* telah memberi kesan kepada profesyen juruaudit. Juruaudit dikehendaki mengaudit secara berterusan iaitu di sepanjang pelaksanaan berbanding lazimnya dilaksanakan selepas projek siap. Evolusi pengauditan berterusan disebabkan masalah kompleksiti projek yang boleh mempengaruhi cabaran dan keupayaan juruaudit menilai risiko salah urus. Tambahan lagi, isu ketidakcekapan mengurus projek sering dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara Malaysia (KANM). Berpandukan model penilaian risiko, beberapa cabaran telah dikenal pasti daripada faktor individu juruaudit, proses kerja dan pelanggan. Strategi penambahbaikan adalah menubuhkan unit penyelarasan, menyediakan latihan berterusan dan menjamin kualiti laporan. Artikel ini diharap memberi input untuk dirangka garis panduan pengauditan agar tanggungjawab dan profesionalisme juruaudit terpelihara.

Kata Kunci:
pengauditan projek MRT; cabaran; strategi

Pengenalan

Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan projek mega Kerajaan termasuk projek *Mass Rapid Transit* (MRT), dinyatakan dalam Seksyen 6 Akta Audit 1957 sebagai melaporkan sama ada penjagaan dan pembayaran wang telah dibuat mengikut kuasa yang sepatutnya dan disokong dengan baucar atau bukti pembayaran yang cukup. Piawaian audit *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) memperuntukkan tanggungjawab juruaudit melaksanakan tatacara audit dengan sempurna supaya bukti yang cukup diperoleh.

Selain daripada pengumpulan bukti, juruaudit bertanggungjawab memastikan laporan audit yang dibentangkan mengandungi perkara yang material dan signifikan dengan memperakukan secara munasabah serta tidak mempunyai salah nyata material yang boleh menjurus kepada kejadian *fraud*. Jaminan secara munasabah diberi oleh juruaudit apabila mereka berpuas hati dengan kecukupan dan kesesuaian bukti audit. Juruaudit dituntut memberi jaminan munasabah memandangkan jaminan secara mutlak tidak mungkin dicapai. Jaminan mutlak tidak mungkin dihasilkan kerana skop kerja dan pelaksanaan prosedur audit adalah terhad khususnya apabila melibatkan soal pertimbangan dan persampelan audit. Tambahan pula, proses pertimbangan individu adalah subjektif menyebabkan keputusan juruaudit berbeza. Pertimbangan yang subjektif menjadi lebih tidak konsisten akibat risiko persampelan audit yang memungkinkan sampel yang dipilih untuk diaudit tidak meliputi kes salah nyata material yang telah berlaku.

Tanggungjawab juruaudit dalam pengauditan projek mega mendapat perhatian Kerajaan disebabkan kompleksiti projek yang boleh mengundang pelbagai risiko, ditambah pula dengan sifat semulajadi pengauditan seperti perakuan secara munasabah, pertimbangan yang subjektif dan risiko persampelan. Senario ini menjadikan profesion juruaudit mengalami evolusi ke arah pengauditan secara berterusan iaitu di sepanjang pelaksanaan projek bagi membolehkan isu audit dapat diambil tindakan segera, kelemahan pengurusan projek diperbaiki segera serta tidak diulangi dalam fasa pembangunan seterusnya (Huibers et al. 2015).

Artikel ini diharap memberi input dalam merangka garis panduan agar tanggungjawab juruaudit lebih jelas dan pelaporan audit lebih berkualiti. Bahagian seterusnya membincangkan pengauditan projek MRT dan kompleksiti pengurusannya disusuli dengan model yang diaplikasi serta senarai cabaran dan strategi penambahbaikan yang dikenal pasti. Penutup dan limitasi hasil tinjauan dikemukakan di bahagian akhir artikel ini.

Pengauditan Projek MRT

Jabatan Audit Negara (JAN) telah mendapat arahan pengauditan bagi Jajaran 1 SBK sepanjang 51 kilometer merentasi 31 stesen serta Jajaran 2 SSP sepanjang 52 km dengan 36 stesen. KANM telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Eksekutif yang berperanan menyelesaikan isu pelaksanaan projek MRT antara Jabatan/Agensi terlibat. Peranan KANM digariskan dalam klausa 5.6 *Project Development & Management Agreement "The Auditor General ("AG") shall to undertake an independent review of the implementation of the project at any time and on any aspect of the implementation."*

Bagi memenuhi tanggungjawab perjanjian, sebanyak 10 kali pengauditan telah dilaksanakan sejak tahun 2011 meliputi perolehan tanah dan pentadbiran kontrak, bayaran interim dan audit teknikal seperti jadual berikut:

Jajaran (Kos) (Tempoh)	Kemajuan Semasa	Jenis Pengauditan	Pemerhatian Audit Kekerapan	Bilangan Isu
Jajaran 1 SBK1 (RM23 bilion) (Jul 2011 - Jul 2017)	Siap	• Perolehan tanah & pentadbiran kontrak • Bayaran Interim • Audit Teknikal	• 3 kali • 2 kali • 4 kali	• 15 isu • 2 isu • 65 isu
Jajaran 2 SSP2 (RM27 bilion) (Sept 2016- Jul 2023)	13%	• Perolehan tanah & pentadbiran kontrak	• 1 kali	• 14 isu

Kompleksiti Pengurusan Projek MRT

Kompleksiti pengurusan projek ditafsirkan sebagai tahap kesukaran untuk menyiapkan projek dari perspektif pengurus projek (Huibers et al. 2015). Projek MRT merupakan projek bersaiz mega yang diuruskan oleh MRT Corp., syarikat keretapi milik Kerajaan yang membangunkan perkhidmatan pengangkutan perhidmatan awam. Projek pembangunan kereta api ini meliputi pelbagai skop teknikal kejuruteraan seperti kerja awam dan struktur, kerja geoteknikal dan bawah tanah, sistem pembekalan dan pengagihan kuasa elektrik serta sistem mekanikal.

Kompleksiti pengurusan dan saiz projek MRT telah memberi kesan terhadap tatacara pelaksanaan kerja serta pertimbangan dan pembuatan keputusan audit. Tatacara kerja audit perlu lebih teliti dan pertimbangan serta keputusan audit yang dibuat hendaklah tepat memandangkan kompleksiti projek mega seperti MRT boleh menjurus berlakunya risiko projek tidak dapat disiapkan me ngikut jadual serta perubahan skop yang mengakibatkan peningkatan kos projek. Pengurusan projek awam sering berhadapan dengan masalah kelewatan dan peningkatan kos seperti ini hingga menjadi fenomena biasa dalam industri pembinaan terutamanya bagi projek awam (Unit Penyelarasan Pelaksanaan 2015).

Artikel ini mengupas permasalahan tanggungjawab juruaudit menilai risiko bagi memastikan projek MRT dapat disiapkan mengikut tempoh dan kos yang ditetapkan (Ali & Kamaruzzaman 2010). Pihak auditi pula perlu berusaha mengelakkan isu kecekapan pengurusan projek awam yang sering diketengahkan oleh Ketua Audit Negara (Jatarona et al. 2016). Perbincangan ini menimbulkan persoalan apakah cabaran yang dihadapi juruaudit dalam pengauditan projek MRT serta strategi untuk menambah baik cabaran tersebut?

Model Yang Diaplikasi

Model yang diaplikasi berpandukan kepada model penilaian risiko audit yang dipelopori oleh Hurtt et al. (2014). Intipati model ini ialah pertimbangan dan keputusan juruaudit menilai risiko dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu individu juruaudit, proses kerja dan pelanggan (auditi). Model ini sesuai diaplikasikan untuk menerangkan hubungan antara individu juruaudit dan proses kerja audit dari perspektif tindakan juruaudit mempertimbang dan melaporkan hasil penemuan pengauditan projek MRT. Dalam hal ini, penghasilan laporan audit mempunyai beberapa cabaran yang dihadapi serta strategi yang sesuai diambil untuk memperkasakan kualiti laporan audit.

Cabaran Yang Dihadapi

Hasil tinjauan memperincikan cabaran yang dihadapi ketika melaksanakan pengauditan projek MRT yang dibahagikan mengikut faktor individu juruaudit, proses kerja audit dan pelanggan (auditi) iaitu:

a) Faktor Individu Juruaudit

i) Pengetahuan aspek teknikal kejuruteraan yang terhad - industri pembinaan pengangkutan keretapi yang masih baru mengakibatkan beberapa aspek teknikal seperti stok keretapi dan persemboyanan tidak mampu diaudit dengan berkesan kerana kekurangan rujukan dan kepakaran yang boleh menjejaskan laporan audit memandangkan 80% isu yang telah dibangkitkan adalah berkaitan dengan aspek teknikal.

ii) Tanggungjawab memenuhi keperluan kontrak - pengauditan yang dilaksanakan hanya berbentuk pematuhan sahaja. Pada puratanya, pengauditan dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun mulai tahun 2011. Persoalannya sama ada bentuk dan kekerapan pengauditan tersebut mencukupi untuk JAN memenuhi tanggungjawabnya seperti digariskan dalam kontrak.

b) Proses Kerja Audit

i) Rancangan/Program kerja audit - masalah penyelarasan untuk menyediakan rancangan/ program kerja audit kerana Unit yang berkaitan tidak diwujudkan. Penubuhan Unit ini berperanan sebagai penyelaras untuk menetapkan tatacara kerja audit dan pengumpulan bukti audit terhadap pengauditan projek mega.

ii) Kerjasama pasukan teknikal JKR - seramai 52 orang pegawai dilantik selaku bantuan pakar teknikal dan ia adalah perkara biasa dalam proses kerja audit (Loke et al. 2016). Cabarannya ialah kesukaran untuk menyelaras penemuan audit kerana ada kalanya pasukan audit mengambil masa untuk memahami konsep dan pendekatan audit. Perpindahan dan persaraan serta ahli pasukan audit yang tidak aktif turut menjejaskan penyiapan kerja audit.

c) Faktor Pelanggan (Auditi)

i) Model pengurusan *Special Purpose Vehicle* (SPV)/*Project Delivery Partner* (PDP) - projek yang diuruskan berasaskan model SPV/PDP lebih berisiko berbanding konvensional khususnya dari segi tadbir urus perolehan kontrak. Sehubungan dengan itu, tahap kekukuhan dan kelemahan persekitaran kawalan perlu lebih diteliti ketika kerja audit berlangsung.

ii) Pengurusan *Work Package Contractors* (WPC) - Bilangan pakej kontrak yang banyak berjumlah 86 pakej melibatkan skop kerja kompleks dan saiz transaksi yang besar. Ia memerlukan proses penyimpanan dokumen yang lebih sempurna dan teratur.

Strategi Menghadapi Cabaran

Beberapa strategi yang boleh dipertimbangkan agar pengauditan projek MRT menjadi lebih berkesan, antaranya:

a) Menubuhkan unit khusus di JAN yang berperanan menyelaras rancangan dan program kerja pengauditan bagi projek mega. Tambahan lagi, unit ini boleh menentukan jenis dan skop pengauditan di samping menyeragamkan tatacara kerja audit serta kaedah pengumpulan bukti audit;

b) Menyediakan kursus atau program latihan kerja secara berterusan yang mampu meningkatkan kecekapan dan kemahiran juruaudit. Ia juga mendedahkan juruaudit dengan pengetahuan terkini kejuruteraan serta konsep semasa pelaksanaan kerja audit;

c) Memperkasa kualiti laporan audit melalui penetapan program dan kaedah audit memandangkan potensi risiko salah urus adalah tinggi khususnya terhadap pembinaan projek awam; dan

d) Hasil penemuan pengauditan projek mega MRT harus dipertimbangkan untuk dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Ianya penting bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang mengharapkan projek mega Kerajaan dapat dilaporkan untuk rujukan dan pengetahuan umum.

Penutup dan Limitasi

Saiz dan kompleksiti projek telah menuntut juruaudit untuk melaksanakan pengauditan projek MRT secara berterusan bagi mengesani salah urus di peringkat awal pembinaan. Antara cabarannya ialah panduan audit yang masih terhad bagi beberapa skop teknikal seperti stok keretapi dan persemboyanan. Kekurangan panduan audit sedikit sebanyak menjejaskan kualiti laporan audit memandangkan isu teknikal mewakili 80% dari isu yang pernah dibangkitkan oleh JAN. Penubuhan unit khusus bagi menyelaraskan rancangan dan program kerja pengauditan projek mega adalah antara strategi yang dicadangkan. Unit ini dapat berfungsi sebagai penyelaras untuk menyeragamkan tatacara kerja audit dan tatacara pengumpulan bukti audit.

Artikel ini mempunyai limitasinya iaitu cabaran dan strategi yang diketengahkan mungkin berbeza sekiranya pengukuran bagi cabaran dan strategi dibuat dengan lebih objektif. Hasil tinjauan juga mungkin berbeza sekiranya kaedah perbincangan kumpulan fokus dijalankan bagi mengetahui sejauh mana cabaran dan strategi tersebut mempengaruhi tanggungjawab juruaudit ketika pengauditan projek mega MRT.

Rujukan

Ali, A.S. & Kamaruzzaman, S.N. 2010. Cost performance for building construction projects in Klang Valley. Journal of Building Performance. 1 (1), 110-118.

Huibers, S.C.J.; Tie, B.N.; Bolhijit, J. Coleman, N. 2015. The evoultion of project auditng: Global benchmark study, Management Innovation Centre (Netherland).

Hurtt, R.K., Brown-Liburd, H., Earley, C.E. & Krishnamoorthy, G. 2013. Research on auditor professional skepticism: Literature synthesis and opportunities for future research. Auditing: A Journal of Practice and Theory, 32 (1), 45-97.

Jatarona, N.A; Yusof, A.M.; Ismail, S. & Saar, C.C. 2016. Public construction projects performance in Malaysia, Journal of Southeast Asian Research, Vol. 2016, 1-7.

Loke, C.H.; Ismail, S. & Hamid, F.A. 2016. The perception of public sector auditors on performance audit in Malaysia: an exploratory study. Asian Review of Accounting. 24 (1), 90-104.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan. 2015. Mengurus Ekspektasi: Pengurusan Projek Awam - Konsep, Praktikal dan Realiti. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.


MPIC

AKTIVITI SOSIAL JABATAN



SOSIAL

Bagi menerapkan konsep “work life balance” dan menggalakkan warga JAN bergiat aktif dalam aktiviti sosial, JAN sentiasa memberi sokongan daripada segi dasar dan pelaksanaan dalam 2 Kelab dan Persatuan utama Jabatan iaitu, Majlis Sukan Jabatan Audit Negara (MASJAN) dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kecil JAN.

Selain dari Kelab dan Persatuan tersebut yang dianggotai oleh warga Jabatan, JAN turut mengiktiraf penubuhan Persatuan Alumni Audit Negara (ASNA), iaitu sebuah persatuan yang dianggotai oleh pesara-pesara JAN. Pengiktirafan ini bukan sahaja untuk menambah baik perhubungan antara warga JAN dan pesara JAN malah boleh memberi peluang untuk perkongsian pengalaman daripada kalangan pesara JAN.

MAJLIS SUKAN JABATAN AUDIT NEGARA

Majlis Sukan Jabatan Audit Negara (MASJAN) adalah kelab yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan yang mana keahliannya terdiri daripada pegawai/ kakitangan JAN. Objektif penubuhan MASJAN adalah seperti berikut:

OBJEKTIF PENUBUHAN MASJAN

1. Merapatkan silaturahim dengan menghubungkan di antara ahli pertubuhan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan bahagian/Unit Audit Dalam di setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan.
2. Memudahkan penyelarasan di antara bahagian/Unit Audit Dalam setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi acara/program yang akan disertai oleh ahli pertubuhan.
3. Menganjurkan program dan aktiviti sukan dan sosial untuk ahli pertubuhan dan komuniti setempat.

Sepanjang tahun 2017, 14 Kelab Gabungan di bawah MASJAN telah menjalankan pelbagai aktiviti selaras dengan objektif penubuhan MASJAN. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- MAJLIS IFTAR DAN SAMBUTAN HARI RAYA
- MAJLIS SAMBUTAN HARI LAHIR DAN MAJLIS PERPISAHAN SERTA PERSARAAN
- HARI KELUARGA DAN *INDOOR GAME*
- AKTIVITI SUKAN DAN RIADAH SERTA REKREASI
- PROGRAM KOMUNITI KHIDMAT MASYARAKAT
- PEMBERIAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM DAN FAKIR MISKIN
- PROGRAM DERMA DARAH
- PENGANJURAN PERLAWANAN SUKAN
- KELAS TAJWID AL-QURAN
- LAIN-LAIN AKTIVITI

SENARAI 14 KELAB GABUNGAN DI BAWAH MASJAN MENGIKUT CAWANGAN

BIL.	KELAB CAWANGAN AUDIT	SINGKATAN	NAMA KELAB
1.	Ibu Pejabat	KAWIP	Kelab Audit Wilayah Persekutuan
2.	Johor	KSAJ	Kelab Sukan Audit Johor
3.	Kedah	KSAK	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Kedah
4.	Kelantan	KESKA	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Kelantan
5.	Melaka	KSAM	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Melaka
6.	Negeri Sembilan	KESANS	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Negeri Sembilan
7.	Pahang	KESKAP	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Pahang
8.	Perak	KESUKAP	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Perak
9.	Perlis	KESAPs	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Perlis
10.	Pulau Pinang	KESKAP	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Pulau Pinang
11.	Sabah	KESKAS	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Sabah
12.	Sarawak	KERAS	Kelab Rekreasi Audit Sarawak
13.	Selangor	KREATIF	Kelab Rekreasi dan Kreatif Audit Selangor
14.	Terengganu	KESKAT	Kelab Sukan Kebajikan Audit Terengganu

KELAB AUDIT WILAYAH PERSEKUTUAN (KAWIP)



Sukan Jalinan Muhibah Bersama UiTM Melaka pada 15 April 2017



Sumbangan Khas Aidilfitri pada 20 Jun 2017



Mesyuarat Agung KAWIP pada 28 Jun 2017



Program Derma Darah pada 17 Oktober 2017

KELAB SUKAN AUDIT JOHOR (KSAJ)



Sukan Dalaman KSAJ pada 16 Mac 2017



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017 pada 23 Julai 2017



Program Komuniti Khidmat Masyarakat di Sekolah Agama Bandar Johor Bahru pada 17 Disember 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT KEDAH (KSAK)



Pertandingan Boling KSAK Tahun 2017 pada 18 Mei 2017



Program Ziarah Ramadan 1438H pada 6 Jun 2017



Majlis Iftar Sempena Ramadan 1438H pada 6 Jun 2017



Penyerahan sumbangan untuk Ahli KSAK yang baru menimang cahaya mata pada 13 Ogos 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT KELANTAN (KESKA)





Kejohanan Sukan Muhibah 3 Penjuru di antara JAN Negeri Kelantan, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan dan Jabatan Akauntan Negara Negeri Kelantan pada 19, 20, 25 dan 27 April 2017



Kelas Tajwid Al-Quran oleh Ustaz Zulkarnain bin Mohamad sempena bulan Ramadhan pada 5 hingga 21 Jun 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT MELAKA (KSAM)





Sumbangan kepada golongan miskin sempena bulan Ramadhan tahun 2017



Senaman zumba selepas waktu pejabat



Gotong royong memasak bubur lambuk sempena bulan Ramadhan tahun 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT NEGERI SEMBILAN (KESANS)



Persembahan tarian sempena Majlis Persaraan Ketua Audit Negara Malaysia pada 23 Februari 2017



Kejohanan Boling Tertutup KESANS pada 18 Julai 2017



Ahli KESANS turut membuat persembahan tarian sempena Majlis Penutup Sukan Audit 1Malaysia Negaraku (SA1MN) pada 28 Oktober 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT PAHANG (KESKAP)



Pendakian di Bukit Pelindung pada 23 April 2017



Majlis Sambutan Hari Raya 2017 pada 21 Julai 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT PERAK (KESUKAP)



Lawatan ke Padang Besar dengan menaiki ETS pada 6 Mei 2017



Program Hari Keluarga dan CSR KESUKAP 2017 pada 30 September 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT PERLIS (KESAPs)



Majlis Memasak Bubur Lambuk pada 15 Jun 2017



Projek Amal sempena bulanRamadhan 1438H
(Kg. Belat Batu, Kg. Guar Sanji 2, Jalan Bintong dan Kg. Tepi Sungai - Mukim Sena) pada 18 dan 19 Jun 2017



Jamuan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2017 pada 13 Julai 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT PULAU PINANG (KESKAP)



Majlis Makan Malam KESKAP Tahun 2016 dan Majlis Sanjungan Budi Ahli KESKAP pada 24 Februari 2017



Sumbangan Bantuan Hari Raya kepada fakir miskin di sekitar Daerah Seberang Perai Selatan pada 20 Jun 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT SABAH (KESKAS)



Sumbangan ke Rumah Anak Yatim Kampung Langsat, Ranau sempena bulan Ramadhan pada 18 Mei 2017



Majlis Korban Sempena Hari Raya Aidiladha 1438H pada 1 September 2017



Perlawanan persahabatan bola sepak menentang IKM, RELA, LSNS dan UiTM



Perbarisan Hari Kebangsaan Malaysia pada 31 Ogos 2017

KELAB REKREASI AUDIT SARAWAK (KERAS)



Kejohanan Boling KERAS 2017 pada 20 Mei 2017



Lawatan ke The Brooke Gallery di Fort Margherita, Kuching pada 9 Ogos 2017



Pertandingan Ping Pong Piala Setiausaha Persekutuan Sarawak pada 11 dan 12 September 2017



Perbarisan sempena sambutan Hari Jadi ke-81 Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud pada 9 September 2017

KELAB REKREASI DAN KREATIF AUDIT SELANGOR (KREATIF)



Hari Mesra Keluarga pada Mac 2017



Ibadah Sembelihan Qurban yang dilaksanakan pada 4 September 2017



Menunggang *All-terrain Vehicle* di ATV Adventure Park, Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2017

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN AUDIT TERENGGANU (KESKAT)



Program Derma Darah anjuran MAKSAK pada 4 Mei 2017





Program Candat Sotong pada 11 Mei 2017 dan 19 Mei 2017

FOKUS 2017: SUKAN AUDIT 1MALAYSIA NEGARAKU KE-19 TAHUN 2017

26—28 Oktober 2017
Majlis Sukan Negara,
Bukit Jalil, Kuala Lumpur


Kejohanan Sukan Audit 1Malaysia Negaraku (SA1MN) ke-19 Tahun 2017 ini telah diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2017 bertempat di Majlis Sukan Negara, Kuala Lumpur. Kejohanan pada kali ini telah dianjurkan oleh Kelab Audit Wilayah Persekutuan (KAWIP) selaku tuan rumah. Pemilihan tuan rumah adalah di kalangan Kelab Sukan dan Rekreasi di bawah naungan MASJAN termasuk di negeri-negeri yang dibuat secara pusingan. Kejohanan sukan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Audit Negara Malaysia pada 26 Oktober 2017 yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan dan YBhg. Dato' Ahmad Shapawi bin Ismail, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara.

OBJEKTIF

MENGGALAKKAN GAYA HIDUP SIHAT DI SAMPING MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT BARU DALAM BIDANG SUKAN YANG BERKAITAN DI KALANGAN WARGA JABATAN AUDIT NEGARA (JAN).

MELALUI SUKAN YANG DIADAKAN INI DIHARAPKAN DAPAT MENGERATKAN LAGI PERHUBUNGAN SIRATULRAHIM SERTA MENINGKATKAN SEMANGAT *ESPRIT DE-CORP* SESAMA WARGA JAN.


MELIBATKAN SERAMAI 700 PESERTA DARI JAN SELURUH MALAYSIA



10 PASUKAN MENGIKUT ZON TELAH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KEJOHANAN INI

- ZON 1 - SEKTOR AUDIT PRESTASI
- ZON 2 - PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA, SEKTOR AUDIT TADBIR URUS & SEKTOR PENGURUSAN
- ZON 3 - SEKTOR AUDIT KEWANGAN
- ZON 4 - JAN SELANGOR & AAN
- ZON 5 - JAN NEGERI PERLIS, KEDAH, PULAU PINANG & PERAK
- ZON 6 - JAN NEGERI KELANTAN, PAHANG & TERENGGANU
- ZON 7 - JAN NEGERI SEMBILAN, JOHOR & MELAKA
- ZON 8 - JAN NEGERI SARAWAK
- ZON 9 - JAN NEGERI SABAH
- ZON 10 - UNIT AUDIT DALAM (UAD) KEMENTERIAN & BAHAGIAN AUDIT SEKOLAH

16 ACARA TELAH DIPERTANDINGKAN




ZON 10
UNIT AUDIT DALAM C
AUDIT SEKOLAH
PUTRAJAYA 2017
CREW




INSTITUT SUKAN NEGARA
MALAYSIA
MAJLIS
PERASMIAN
SUKAN AUDIT
1 MALAYSIA
NEGARAKU KE-19
"BERSAMA MENCAPAI KELEBIHAN"
ANJURAN
MAJLIS SUKAN JABATAN AUDIT NEGARA (MASJAN)
DAN KELAB AUDIT WILAYAH PERSEKUTUAN (KAWIP)
MAJLIS SUKAN NEGARA
BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR
26 -28 OKTOBER 2017






SUKAN AUDIT
1 MALAYSIA NEGARAKU KE-19
TAHUN 2017
ZON 5


MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA
(National Sports Council of Malaysia)






ZON 3


















ZON 8


ZON 9


ZON 10
GOLDEN EAGLE
Z10
















KEPUTUSAN RASMI KEJOHANAN

KEDUDUKAN	ZON	MATA
JUARA	ZON 6 - TIMUR	130
NAIB JUARA	ZON 10 - UAD	110
KE-3	ZON 1 - PRESTASI	105
KE-4	ZON 5 - UTARA	70
KE-5	ZON 2 - GABUNGAN	65
KE-6	ZON 4 - AAN / SELANGOR (TENGAH)	55
KE-7	ZON 3 - KEWANGAN	45
KE-8	ZON 7 - SELATAN	20
KE-9	ZON 9 - SABAH	20
KE-10	ZON 8 - SARAWAK	5








MAJLIS PENUTUP
SUKAN AUDIT 1 MALAYSIA
NEGARAKU KE-19
"BERSAMA MENCAPAI KELEBIHAN"
ANJURAN
MAJLIS SUKAN JABATAN AUDIT NEGARA (MASJAN)
MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA






MAJLIS PENUTUP






MAJLIS PENUTUP






MAJLIS PENUTUP
1 MALAYSIA




MAJLIS PENUTUP
ANJURAN

PUSPANITA CAWANGAN KECIL JABATAN AUDIT NEGARA

Sepanjang tahun 2017, PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan beberapa aktiviti antaranya:

Penghargaan kepada Mantan Penasihat dan Pengerusi

JAN telah menganjurkan Majlis Makan Malam Bersama Ketua Audit Negara Malaysia sempena persaraan YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang pada 22 Februari 2017 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC). PUSPANITA Cawangan Kecil JAN telah turut sama meraikan majlis tersebut dan menghadiahkan cenderahati kepada YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang selaku mantan Penasihat dan YBhg. Puan Sri Hjh. Hendon binti Yusof selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JAN.



Barisan AJK bergambar kenangan dengan mantan YBhg. Tan Sri Penasihat dan YBhg. Puan Sri Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JAN.

Sepanjang tahun 2017, PUSPANITA Cawangan Kecil JAN telah melaksanakan pelbagai aktiviti merangkumi:

- Mesyuarat Agong Tahunan
- Kebajikan
- Keagamaan
- Lawatan
- Sukan

25 MEI - 16 JUN 2017

PROGRAM TADARUS AL-QURAN

PROGRAM INI MERUPAKAN PROGRAM TAHUNAN YANG SERING DIADAKAN BERSEMPENA BULAN RAMADHAN. PROGRAM PADA TAHUN 2017 TELAH DILAKSANAKAN DI MANA SERAMAI 70 ORANG AHLI PUSPANITA TELAH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PROGRAM INI.

21 OGOS 2017

LAWATAN KE PAMERAN KESENIAN ISLAM DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR

LAWATAN YANG DISERTAI SERAMAI 25 ORANG AHLI INI BERTUJUAN UNTUK MENANAMKAN RASA KASIH KEPADA BAGINDA RASULULLAH SAW.

7 OKTOBER 2017

PROGRAM ZIARAH KASIH

INISIATIF ZIARAH KASIH INI TELAH DIAMBIL UNTUK MENGHULURKAN SUMBANGAN DAN MERINGANKAN BEBAN PEGAWAI JAN YANG TELAH BERSARA ATAS MASALAH KESIHATAN. SUMBANGAN TERSEBUT TELAH DIBERIKAN KEPADA EN. SURARDI BIN ADAM, PN. HALIZA BINTI MOHD ARIS, EN. MOHD HAFIZ BIN ABD HAMID DAN PN. NOORIHAN BINTI AHMAD NADZRI.

22 OKTOBER 2017

PROGRAM ZIARAH WAD PEDIATRIK HOSPITAL SERDANG

PROGRAM KEBAJIKAN INI DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MENCERIAKAN KANAK-KANAK YANG TIDAK SIHAT.

6 JUN 2017

MESYUARAT TERHIMPUN PUSPANITA CAWANGAN KECIL JAN KE-27 TAHUN 2017

MESYUARAT INI TELAH DIRASMIKAN OLEH YBHG. TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD, SELAKU PENASIHAT PUSPANITA CAWANGAN KECIL JAN YANG BAHARU. MESYUARAT YANG DIADAKAN SECARA TAHUNAN INI DIADAKAN UNTUK MELAPORKAN LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2016 DAN LAPORAN AKTIVITI TAHUN 2016 KEPADA AHLI.

20 JUN 2017

MAJLIS KHATAM AL-QURAN

MAJLIS INI TELAH DIADAKAN DI SURAU AL-IBTISAM ARAS 2, JAN UNTUK MERAIKAN AHLI PUSPANITA YANG TELAH MENYERTAI PROGRAM KHATAM AL-QURAN. PROGRAM INI TURUT DISELITKAN DENGAN PENGISIAN TAZKIRAH OLEH PENCERAMAH JEMPUTAN.

8 SEPTEMBER 2017

MAJLIS SOLAT HAJAT, BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT

PUSPANITA CAWANGAN KECIL JAN DAN KELAB AUDIT WILAYAH PERSEKUTUAN (KAWIP) TELAH BEKERJASAMA MENGADAKAN MAJLIS SOLAT HAJAT, BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT DI SURAU AL-IBTISAM ARAS 2, JAN UNTUK MENDOAKAN KECEMERLANGAN PEPERIKSAAN ANAK-ANAK PEGAWAI JAN YANG MENDUDUKI PEPERIKSAAN UPSR, PT3, SPM DAN STPM TAHUN 2017.

14 OKTOBER 2017

PERTANDINGAN BOWLING TAHUN 2017

PERTANDINGAN YANG DIADAKAN DI ALAMANDA, PUTRAJAYA INI DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MENGERATKAN SILATURAHIM DALAM KALANGAN AHLI. SERAMAI 30 ORANG PESERTA TELAH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN INI.

15 - 18 OKTOBER 2017

LAWATAN KE JOGJAKARTA

LAWATAN SAMBIL MELANCONG INI MEMBERI RUANG KEPADA AHLI UNTUK MELIHAT KEINDAHAN DI JOGJAKARTA SAMBIL MEMBELI BELAH. LAWATAN INI MERUPAKAN PENUTUP AKTIVITI PUSPANITA CAWANGAN KECIL JAN PADA TAHUN 2017.



Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil JAN ke-27 yang telah diadakan pada 6 Jun 2017





Pembentangan laporan semasa Mesyuarat Agung ke-27



Program Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadhan yang berlangsung pada 29 Mei hingga 16 Jun 2017



Lawatan ke Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada 21 Ogos 2017



Ahli PUSPANITA Cawangan Kecil JAN bergambar kenangan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor



Majlis Solat Hajat, Bacaan Yasin dan Doa Selamat yang diadakan pada 8 September 2017



YBrs. Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JAN menyampaikan sumbangan kepada penerima sempena Program Ziarah Kasih





Program Ziarah Kasih yang diadakan pada 7 Oktober 2017



Pertandingan Bowling dianjurkan pada 14 Oktober 2017 di Alamanda, Putrajaya



Program Ziarah Wad Pediatrik Hospital Serdang yang diadakan pada 22 Oktober 2017





Lawatan ke Wad Pediatrik Hospital Serdang



Lawatan ke Jogjakarta pada 15 hingga 18 Disember 2017



Antara ahli yang menyertai lawatan ke Jogjakarta

PERSATUAN ALUMNI AUDIT NEGARA
ASSOCIATION OF NATIONAL AUDIT ALUMNI (ASNA)

Pertubuhan Persatuan ASNA telah diluluskan oleh Pendaftaran Pertubuhan Persatuan (ROS) pada 19 Mei 2017. Selain dari dapat berkongsi pengalaman yang lalu, tujuan penubuhan ASNA ini juga adalah untuk menyambung silatulrahim di antara pesara-pesara JAN dengan pegawai-pegawai audit yang masih berkhidmat.

Persatuan Alumni Audit Negara

TUBUH & DAFTAR **19 MEI 2017**



PENAUNG

YBHG. TAN SRI DR.
MADINAH BINTI MOHAMAD

PENASIHAT



- YBHG. TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG



- YBHG. TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL



- YBHG. DATUK HJ. MOHD KHALIL BIN DATO' HJ. MOHD NOOR

JAWATANKUASA TERTINGGI

- YANG DIPERTUA : YBHG. DATUK HJ. ANWARI BIN SURI
- NAIB YANG DIPERTUA : ENCIK BOON JON LIN
- BENDAHARI : YBHG. DATO' ABD. WAHAB BIN AHMAD
- SETIAUSAHA : PUAN ROSENANI BINTI AHMAD

ANGGOTA

- PEGAWAI/KAKITANGAN JAN YANG TELAH BERSARA
- SETAKAT 31 DISEMBER 2017, SERAMAI 50 PESARA TELAH MENJADI AHLI

OBJEKTIF PENUBUHAN

- MENGGALAKKAN INTERAKSI DI KALANGAN PESARA JAN DAN WARGA JAN MELALUI PROGRAM BERSAMA SERTA BERKONGSI PENGALAMAN DALAM BIDANG PENGAUDITAN SEKTOR AWAM SEKIRANYA PERLU;
- MENJADI SALURAN RASMI MEWAKILI ALUMNI DALAM SEMUA URUSAN DENGAN JAN;
- MENJALANKAN KERJA-KERJA KEBAJIKAN BERSAMA WARGA JAN;
- MENJALANKAN SEMANGAT SETIA KAWAN DAN KEKELUARGAAN DI KALANGAN ALUMNI MELALUI PERHUBUNGAN RAPAT UNTUK FAEDAH BERSAMA;
- MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN YANG BERTERUSAN DI KALANGAN ALUMNI; DAN
- MENJALANKAN AKTIVITI BAGI MENAMBAH KEWANGAN ALUMNI.

AKTIVITI ASNA SEPANJANG TAHUN 2017

- AKTIVITI SOSIAL
- AKTIVITI KEAGAMAAN
- AKTIVITI KEBAJIKAN
- AKTIVITI BAGI PROGRAM BERSAMA WARGA JAN



Menghadiri jemputan jamuan Hari Raya JAN



Mesyuarat bagi membincangkan perkara mengenai penubuhan ASNA pada 20 April 2017



Lawatan ke Rumah Anak Yatim Hashimiah di Selayang, Selangor



Majlis *High Tea* di Umai Cafe di Putrajaya





Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Al-Falah USJ 9, Selangor



Majlis Jamuan Minum Pagi ASNA yang diadakan di Wisma Audit Negeri Selangor pada 18 Julai 2017





ASNA turut dijemput ke Majlis Makan Malam Bersama Ketua Audit Negara Malaysia sempena Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Tahun 2017 yang diadakan pada 25 Oktober 2017


MPIC

MENGIMBAS PERJALANAN TAHUN 2017



JANUARI

11.01

Majlis Makan Malam Persaraan 4 Pegawai Tertinggi JAN di Hotel The Everly, Putrajaya







JANUARI

19.01

Majlis *Sending Off* YBhg. Dato' Mustafa bin Saman, mantan Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)







FEBRUARI

22.02

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 & 25 Tahun Perkhidmatan di PICC, Putrajaya











FEBRUARI


22.02

Majlis Makan Malam Persaraan YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang di PICC, Putrajaya











FEBRUARI

23.02

Hari Pertama YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad sebagai Ketua Audit Negara Malaysia di JAN

MEI

01.05

Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan di PICC, Putrajaya







MEI

04.05

Majlis Perjumpaan Ketua Audit Negara Malaysia Bersama Warga Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam Kementerian di Dewan Seri Siantan, Putrajaya







JUN

02.06

Exit conference
eSPKB di Akademi Audit Negara



JUN

05.06

Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri



JULAI

11.07

Mesyuarat *Test Ride Mass Rapid Transit* (MRT) *Line 1*













JULAI

12.07

Penyertaan JAN sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan Perdana Menteri di PICC, Putrajaya







JULAI

18.07

Persidangan Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di Perak















JULAI
28.07

Penyusunan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 di Parlimen





JULAI
31.07

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 di Parlimen









OGOS

03.08



Sesi *Townhall* Bersama Media Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1







OGOS

16.08

Lawatan Pelajar dari UNITAR ke Akademi Audit Negara



SEPTEMBER

22.09

Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1439H di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur











OKTOBER

03.10

Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Kelima Belas (MAPPA XV) di PICC, Putrajaya









OKTOBER

05.10

Lawatan Pelajar dari Kolej Universiti Islam Melaka ke Ibu Pejabat, JAN





OKTOBER

05.10

Majlis Penyampaian Sijil *Big Data Analytics Coaching* di Dewan Seri Siantan, Putrajaya





OKTOBER

23-24.10

Seminar Jabatan Audit Negara Tahun 2017 di Hotel Marriot, Putrajaya



















OKTOBER

25.10

Hari Audit 1Malaysia Negaraku & Persidangan Juruaudit Tahun 2017 di Hotel The Everly, Putrajaya







NOVEMBER


01.11

Urus setia bersama bagi pameran sempena Hari Inovasi Jabatan Perdana Menteri Tahun 2017 di Dewan Seri Siantan, Putrajaya









NOVEMBER

06.11

Penilaian Pertandingan Fotografi, Kolaj & Video Pendek sempena Anugerah Inovasi Jabatan Audit Negara





NOVEMBER

15.11

Mesyuarat Pemantapan Pendekatan Pelaksanaan Pengauditan di Akademi Audit Negara



NOVEMBER

27.11

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 2 di Parlimen





















NOVEMBER

29.11

Penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Fotografi, Kolaj & Video Pendek sempena Anugerah Inovasi Jabatan Audit Negara







NOVEMBER

30.11

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1439H di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur









DISEMBER

21.12

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) Bil. 2/2017



PENGIKTIRAFAN

Jabatan Audit Negara (JAN) telah menerima pengiktirafan dalam *Big Data Analytics Coaching* di bawah seliaan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di atas penglibatan pegawai JAN dalam inisiatif Kerajaan ke arah membangunkan Kerangka Kerja Raya Malaysia seiring dengan pertumbuhan ekosistem penggunaan *big data*. Majlis pengiktirafan ini telah diadakan pada 5 Oktober 2017 dan telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).




PENERIMA DARJAH KEBESARAN/BINTANG/PINGAT PADA TAHUN 2017

Nama	Jawatan/ Gred	Nama Darjah Kebesaran
Tn. Hj. Zulkipli bin Abdullah	Pengarah Audit Kewangan I (Gred JUSA B)	Johan Setia Mahkota (J.S.M.)
Tn. Hj. Mohd Zaki bin Ismail	Pengarah Bahagian Susulan Audit (Gred JUSA C)	Kesatria Mangku Negara (K.M.N)
En. Jesmani bin Yusof	Pengarah Audit Negeri Kelantan (Gred W54)	Paduka Setia Mahkota Kelantan (P.S.K)
Pn. Hjh. Norliza binti Md Nuruddin @ Nordin	Timbalan Pengarah Audit (Gred W54)	Ahli Mangku Negara (A.M.N.)
En. Mohd Nasir bin Mohd Doon	Penolong Juruaudit (Gred W36)	Ahli Mangku Negara (A.M.N.)
Pn. Naleda binti Md Raffles	Penolong Juruaudit (Gred W36)	Sri Mahkota Kelantan (S.M.K)
En. Abdul Aziz bin Sulaiman	Penolong Pengarah Audit Gred W44	Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T)

PENERBITAN

Buku



Kompilasi 14 kertas pembentangan dan ucapan KANM 2016 - 2017.

Meliputi aspek integriti dan tadbir urus di sektor awam, pengauditan sektor awam, matlamat pembangunan lestari, audit dalaman dan penipuan perolehan.

Kompilasi ini bertujuan untuk memberi pencerahan terhadap pelbagai isu dan cabaran dalam meningkatkan akauntabiliti dan produktiviti pentadbiran awam seiring dengan transformasi negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju.


Garis Panduan

Garis panduan ini diterbitkan bagi membantu dan memberi panduan kepada juruaudit dalam melaksanakan pengauditan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 8 garis panduan telah diterbitkan.

















PERSARAAN WAJIB
Jasa Mu Dikenang



En. Nordin bin Ibrahim
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Sabah
1 Januari 2017



Pn. Kasmawati binti Abdul Latif
Juruaudit Gred W48
Ibu Pejabat JAN
3 Januari 2017



En. Abdul Harith bin Mad Jauhar
Juruaudit Gred W44
JAN Negeri Pulau Pinang
7 Januari 2017



Pn. Subuletchmi a/p Mariappan
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Pulau Pinang
19 Januari 2017



YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman
Juruaudit Gred UTAMA A
Ibu Pejabat JAN
20 Januari 2017



Pn. Asiah binti Hassan
Penolong Juruaudit Gred W36
Ibu Pejabat JAN
2 Februari 2017



En. Khong Lok Sang
Penolong Juruaudit Gred W36
Ibu Pejabat JAN
23 Februari 2017



Pn. Zaharah binti Din
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Pulau Pinang
24 Februari 2017



Pn. Thalasiah @ Norizan binti Abd. Wahid
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Perak
25 Februari 2017



Pn. Azizah binti Che Ismail

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
JAN Negeri Pulau Pinang
1 Mac 2017



En. Ismail bin Syed Mohamed

Pembantu Operasi Gred N11
JAN Negeri Sembilan
1 Mac 2017



En. Mohd Anuar bin Mohd Som

Penolong Juruaudit Gred W36
Ibu Pejabat JAN
3 Mac 2017



Pn. Latifah binti Omar

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
Ibu Pejabat JAN
9 Mac 2017



Pn. Sadiah binti Reduan

Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Sarawak
12 April 2017



Pn. Rokiah @ Kamariah binti Yosof

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19
JAN Negeri Terengganu
1 Jun 2017



En. Raduan bin Sam

Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Sarawak
15 Jun 2017



Pn. Ainon binti Ahmad

Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Johor
22 Jun 2017



Pn. Wan Bushra binti Wan Yusoff

Juruaudit Gred UTAMA C
Ibu Pejabat JAN
28 Jun 2017



Tn. Hj. Abdul Rashid bin Yaakub

Juruaudit Gred Utama C
Ibu Pejabat JAN
3 Julai 2017



Pn. Anna anak Adon

Pembantu Tadbir Gred N19
JAN Negeri Sarawak
8 Oktober 2017



En. Voon Boo Loi

Pembantu Juruaudit Gred W26
JAN Negeri Sarawak
15 Oktober 2017



Pn. Normah binti Hamzah

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
JAN Negeri Terengganu
31 Oktober 2017



Tn. Hj. Zamani bin Md. Jidin

Jurutera Gred Utama C
Ibu Pejabat JAN
6 Disember 2017



Pn. Lai Seck Yin

Juruaudit Gred W48
JAN Negeri Selangor
7 Disember 2017



En. Poh Eng Teng

Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Sarawak
19 Disember 2017



Pn. Jesenta Soosai Michael

Pembantu Tadbir Gred N19
Ibu Pejabat JAN
22 Disember 2017

PERSARAAN PILIHAN
Jasa Mu Dikenang



Pn. Aminah binti Muhammad Dunni

Penolong Juruaudit Gred W32
JAN Negeri Kelantan
1 Januari 2017



En. Che Basir bin Yong

Penolong Juruaudit Gred W32
JAN Negeri Terengganu
1 Januari 2017



Pn. Ong Sok Beng

Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Pulau Pinang
1 Januari 2017



En. Mat Husin bin Omar

Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Kelantan
1 Februari 2017



Pn. Fatimah binti Mohamad

Juruaudit Gred W41
JAN Negeri Pulau Pinang
1 Februari 2017



En. Voon Boon Syn

Penolong Juruaudit Gred W29
JAN Negeri Sarawak
3 Mac 2017



Pn. Junaidah binti Jais

Setiausaha Pejabat Gred N36
Ibu Pejabat JAN
2 Mei 2017



En. Muller anak Nudui

Penolong Juruaudit Gred W29
JAN Negeri Sarawak
31 Mei 2017

PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN
Jasa Mu Dikenang



Pn. Haliza binti Mohammed Aris

Juruadit Gred W52
Ibu Pejebat JAN
16 Mei 2017



En. Masril bin Mohd Noor

Penolong Juruaudit Gred W29
JAN Negeri Perlis
16 September 2017

Liputan Media Mengenai LKAN Tahun 2016



PEJABAT DAN WISMA AUDIT, JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



IBU PEJABAT
JABATAN AUDIT NEGARA

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya
Malaysia

03-8889 9000
03-8889 9721

JABATAN AUDIT NEGARA,
NEGERI JOHOR

Tingkat 21, Menara Ansar
No. 65, Jalan Trus
80000 Johor Bahru
Johor

07-2243511 / 07-2235060 /
07-2227275 / 07-2227285
03-8889 9721

JABATAN AUDIT NEGARA,
NEGERI KEDAH

Aras 3, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah
Kedah

04-7309855 / 04-7310624 / 04-7310625
04-73277417

JABATAN AUDIT NEGARA,
NEGERI KELANTAN

Wisma Audit, Bandar Baru Tunjong
Jalan Pasir Mas-Salor
15518 Kota Bharu
Kelantan

09-7418460
09-7445399

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI MELAKA

Wisma Audit, Persiaran MITC
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka

06-2325141 / 06-2325184
06-2325771

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SEMBILAN

Wisma Audit, Jalan Haruan 2
Oakland Commercial Centre, Seremban 2
70300 Seremban
Negeri Sembilan

06-7629700 / 06-7635996 / 06-7613076 /
06-7627037 / 06-7639817

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PAHANG

Wisma Audit
Seksyen II, Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
Pahang

09-5729988
09-5729698

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERAK

Wisma Audit, Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
30518 Ipoh
Perak

05-5279984 / 05-5268646 / 05-5269646
05-5280358 / 05-5280371

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERLIS

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
Perlis

04-9770013 / 04-9761351
04-976 5015

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PULAU PINANG

Wisma Audit, 2027 Jalan Bertam 2
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

04-5777000
04-5777111

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SABAH

Blok A, Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman
Beg Berkunci No. 2021
88450 Kota Kinabalu
Sabah

088-488117 / 088-488119 /
088-488120 / 088-488137
088-488140 / 088-488144 / 088-488123

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SARAWAK

Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93518 Kuching
Sarawak

082-242191 / 082-239876
082-242372 / 082-242342 / 082-234872

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SELANGOR

Wisma Audit, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor

03-55147400
03-55147405

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI TERENGGANU

Wisma Audit, Lot PT119, Kampung Pak Pa
Kawasan Pembangunan Bukit Besar
Jalan Kuala Berang
20050 Kuala Terengganu
Terengganu

09-628 5603, 09-628 5604 & 09-628 5605
09-628 5601 / 09-6285602

Lirik Lagu Korporat

JABATAN AUDIT NEGARA



Sidang Redaksi
Laporan Tahunan 2017 Jabatan Audit Negara

Penaung:
YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Audit Negara Malaysia

Penasihat:
YBrs. Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)

YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Che Kob
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)

YBhg. Datuk Zulkipli bin Abdullah
Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)

Ketua Editor:
YBrs. En. Kamaruzaman bin Umar

Penolong Editor:
En. Noradzri bin Abdul Rahman

Pasukan Editorial:
YBrs. Dr. Masiah binti Ahmad
En. Mohamed Ziadi bin Zakaria
YBrs. Dr. Nor Haiza binti Abd. Aziz @ Juned
YBrs. Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman
En. Mohd Shahril bin Yahya
YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin
Pn. Sharifah Zarina binti Syed Ahmad
En. Muhamad Syahrom bin Ismail
Pn. Wan Nurhanani Ashikin binti Wan Ibrahim
Pn. Sharifah Nisrinah binti Syed Ahmad
Pn. Hely Herlynna binti Mohd Kassim
Pn. Ruhana binti Muhamad Zam
En. Mohd Sazali bin Mohd Saad
Pn. Sabariah binti Amin

Penyelaras:
En. Bigar anak Layoh
En. Fadli bin Yusof
Pn. Ainon Mardia binti Mohamed Yusof
Pn. Rosliza binti Razi
En. Muhammad Hairul Hafiz bin Abdul Kahar